


Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



untuk urusan Langganan
011 3233 4322

AMANAH bimbang pelampau Islam, fasis



→ ms2

Peguam **AMANAH** siap sedia halang 'penipuan' PRU14

→ ms2

RAKERPIRA

RAPAT KERJA PILIHAN RAYA BIRO KANUN PARTAI




Husam minta kekal di Wisma Tok Guru



→ ms2

HIMPUNAN 14 OKT DISOKONG MELAYU



KEJAYAAN terbesar perhimpunan 'Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi' baru-baru ini adalah berjaya menarik peserta dari kalangan Melayu ketika orang Cina sudah menolak Umno dan Pas. Bagi **AMANAH** dan penganalisis, ini perlu dirisaukan BN dan Pas dan menjadi kejayaan manis buat Pakatan Harapan.

Laporan penuh muka 8, 9, 16 dan 17 →

Majoriti peserta Himpunan 14 Oktober adalah Melayu, satu berita manis untuk PH selepas Cina sudah bersama mereka. Mereka sujud kepada Allah ketika solat hajat dan solat Maghrib sewaktu perhimpunan.

Amanah

SELAMAT BERKONVENTSYEN
KEPADА
PARTI AMANAH NEGARA

20-22 OKTOBER 2017 | HOTEL ROYAL SIGNATURE ALOR SETAR, KEDAH

Peguam AMANAH siap sedia halang ‘penipuan’ PRU14

Biro undang-undang Parti Amanah Negara (KANUN) telah mengadakan Rapat Kerja Pilihan Raya (RAKERPIRA) sebagai persiapan menghadapi pilihan raya yang dijangka akan diadakan bila-bila masa.

Bengkel yang disertai lebih 50 peguam itu berlangsung 15 Oktober lalu di ibu negara dan telah dirasmikan oleh Pengarah Pilihan Raya Nasional Parti Amanah Negara (AMANAH) Dr Mohd Hatta Ramli.

Dalam ucapannya Mohd Hatta yang juga Ahli Parlimen Kuala Krai berkata, selain kekuatan jentera kempen di kawasan, KANUN adalah tulang belakang kepada urusan pilihan raya AMANAH.

Ini kerana peguam adalah mereka yang mahir selok belok peraturan dan undang-undang pilihan raya sekaligus menjadi benteng kepada segala penipuan dan salah urus proses pilihan raya jika berlaku.

Oleh itu kata Mohd Hatta,

pegawai AMANAH mestilah bersedia menghadapi segala karenah yang akan berlaku pada pilihan raya kali ini yang disifatkan sebagai ibu kepada segala pilihan raya dan sekali-gus menjadi pemutus kepada hayat Umno BN.

Sementara itu, selain isu undang-undang berkaitan pilihan raya, peserta bengkel itu juga turut didekah dengan simulasi proses perjalanan pilihan raya sebelum, semasa dan selepas pengundian.



Para peguam yang menyokong AMANAH bergambar kenangan selepas mengadakan rapat kerja pilihan raya.

AMANAH bimbang pelampau Islam, fasis

Oleh ARIF ATAN

AMANAH berperanan dalam Pakatan Harapan sebagai parti berpaksian Islam yang amat diperlukan dalam masyarakat majmuk di negara ini terutama untuk mengawal pelampau, kata Pengarah Strateginya, Dr Dzulkefly Ahmad.

Bercakap dalam forum disiarkan Oren TV baru-baru ini, Dr Dzulkefly bimbang dengan gejala pelampau atau fasis Islam yang mulai berputik dan perlu ditangani sebelum menjadi tidak terkawal.

Menurutnya, AMANAH membawa pendekatan Islam yang inklusif bukannya eksklusif dalam usaha mengelak perbalahan agama.

"Orang selalu tanya apa peranan AMANAH dalam Pakatan Harapan? Hadir dan tampilnya Parti Amanah Negara (AMANAH) mengisi lompong dan kekosongan yang ditinggalkan oleh parti lama kami (Pas). Inilah peranan kami."

"Sebenarnya, ini adalah tuntutan pada perjuangan Islam itu sendiri. AMANAH tidak melabel atau menghukum orang dan sifatnya progresif maknanya sentiasa memper-

baharui jihad, tajdid dan ijtihad," ujarnya.

Katanya, model masyarakat majmuk dapat dilihat pada negara bernama Madinah Al Munawwarah (Bandar Bercahaya) dengan perlombagaan bertulis pertama di dunia.

"Nabi Muhammad menangani masyarakat majmuk dan mengemudi Madinah itu dalam satu kontrak sosial yang pertama di dunia ini (melalui) Sahifah Madinah.

"23 daripada 47 fasil (Sahifah Madinan) bercakap tentang urusan berkaitan bukan Islam," tambah bekas Ahli Parlimen Kuala Selangor itu lagi.

Sehubungan itu, pendekatan Islam yang diketengahkan AMANAH, jelasnya, penting bagi menangani unsur-unsur melampau yang membawa perpecahan agama.

"Tambah pula menjelang pilihan raya ini, saya perhati dan kita saksikan bagaimana isu perkauman dan pertentangan agama akan dijadikan modal untuk menang dan mengekalkan kuasa.

"Sebab itu AMANAH rasa bertanggungjawab meletakkan Islam sebagai rahmah, ehsan, belas, sejahtera untuk semua hinggakan pengikut agama lain tidak takut dengan Islam. Mereka rasa selamat dengan Islam," jelasnya.



Husam dakwa ada kebenaran bertulis pemilik Kekal di Wisma Tok Guru

ADUN Salor Datuk Husam Musa mengarahkan semua kakitangannya agar kekal bertugas di Wisma Tok Guru ketika dikatakan menerima notis mengosangkan bangunan pejabat itu.

"Saya sendiri belum menerima apa yang dikatakan notis seperti itu dan tidak ada sebab petugas-petugas parti AMANAH dan Pakatan Harapan (PH) perlu mengosangkan bangunan itu," katanya dalam majlis dialog bersama rakyat di Taman Tanjong Chat, Kota Bharu 17 Oktober lalu.

Jika benar ada notis seperti itu katanya, beliau akan memohon mahkamah mengenepikannya kerana beliau ada dokumen bertulis membenarkan menduduki tanah tersebut.

"Ketika arwah (Datuk Rosli Ibrahim) masih hidup, beliau ada membuat surat atas nama isterinya membenarkan saya menggunakan tanah itu sampai bila-bila."

"Saya akan kemukakan surat itu jika benar ada notis supaya mahkamah memutuskan hak sebenarnya."

"Sehingga segala-galanya selesai, kita akan tetap duduk di situ tanpa perlu bimbang dan ragu," katanya.

Husam bagaimanapun menyelar tidakkan Pas yang membuat rancangan membeli tanah itu dengan kaedah yang penuh keraguan dari segi syarak.

"Tanah ini seperti dinyatakan berkali-kali oleh arwah adalah milik peribadi dan hanya dinamakan atas nama isterinya."

"Paling akhir perkara ini dinyatakan secara terperinci dalam ceramah di Wisma Tok Guru yang disiarkan secara langsung melalui live streaming di facebook," katanya.

Hasilnya kata beliau, tanah ini masih dalam tuntutan pusaka pewaris-pewaris arwah Rosli.

"Saya difahamkan perbincangan mengenai hal ini akan dibuat 23 Oktober ini."

"Adalah sesuatu yang tidak patut berlaku harta yang masih dalam pertimbangan mahkamah telah dijual," katanya.

Beliau turut terkejut apabila tanah itu kini dijual kepada setiausaha kerja Pas Kelantan bernama Yasin.

"Saya tahu berapa gaji Yasin dan tentu beliau tidak mampu membeli tanah dengan harga 700,000 itu," katanya yang membayangkan pihak lain yang membayar harga itu.

AMANAH jamin pisang tidak berbau dua kali

PARTI Amanah Negara (AMANAH) memberi jaminan bahawa tidak akan mengulangi apa yang pernah dilakukan oleh pemimpin Pas ketika zaman Pakatan Rakyat sebelum ini.

Menjawab soalan oleh wakil rakyat di kaum Tionghua dalam satu dialog di Taman Tasik Permai, Ampang, 17 Oktober lalu, Setiausaha Agung AMANAH Mohd Anuar Tahir berkata, AMANAH sebuah parti berprinsip dan tidak akan sekali mengecewakan pengundi.

"AMANAH berjanji bahawa pisang tidak akan berbau dua kali. AMANAH berjanji bahawa

parti ini yang memperjuangkan dasar hidup bersama secara aman tidak akan melukakan hati pengundi-pengundi Tionghua yang sebelum ini dikecawakan oleh Pas.

"AMANAH sangat aktif di kawasan Ampang dan menawarkan hubungan persahabatan dengan seluruh masyarakat tanpa mengira kaum dan akan berkerja keras memenangkan calon Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 nanti," katanya.

Terdahulu wakil Tionghua itu menzhirkan rasa kecewa dengan prestasi yang ditunjukkan oleh

wakil rakyat Pas di kawasan itu apakah lagi dengan perubahan dasar dan pendekatan pas selepas memenangi kerusi itu pada PRU13 lalu.

Dialog bersama penduduk itu turut disertai Penasihat DAP Lim Kit Siang yang tekun mendengar keluhan dan aduan penduduk di kawasan itu selain menjelaskan beberapa isu politik negara.

Turut hadir dalam program tersebut ialah anggota DAP Dr Aziz Bari, Setiausaha Politik Lim Kit Siang, Erk Chee Yee serta Ketua kawasan AMANAH Ampang, Mohd Anuar Yusof.

Guna program Jais di masjid untuk sebar fitnah

Khalid tuntut CEO IKSIM mohon maaf

S HAH ALAM: Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Abdul Samad mengeluarkan notis tuntutan tujuh hari kepada Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (Iksim) Datuk Prof Mahamad Naser Disa, atas dakwaan mengeluarkan kenyataan fitnah terhadap beliau.

Khalid berkata, Mahamad menuduh beliau menentang pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 atau RUU355 dalam pembentangan kertas kerja di Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, dekat sini, 28 Sept lalu.

Khalid menuntut Naser membuat permorhonan maaf secara terbuka di dalam akhbar perdana dan membayar pampasan RM1 juta atau berdepan tindakan undang-undang.

"Saya nak bagi tahu dia, kalau dia mengharapkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bersama dia untuk hadapi saman

daripada saya atau dia mengharapkan exco agama (Datuk Ahmad Yunus Hairi) untuk bela dia berdasarkan surat Jais hantar, saya minta maaf dia tak akan dapat perlindungan daripada Jais.

"Saya juga yakin tidak juga daripada Exco agama (Selangor). Saya nasihatkan dia, tak payah bawa ke mahkamah, terima surat yang kita beri ini."

"Runding dengan saya daripada nak hadapi mahkamah dan dimalukan dalam mahkamah kerana tuduhan dia buat dalam masjid jelas satu pembohongan atau fitnah," katanya pada sidang media di pejabat Ahli Parlimen Shah Alam, 17 Okt lalu.

Mengulas lanjut, Khalid yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH berkata tuduhan itu boleh dianggap fitnah kerana RUU355 belum dibahaskan di Dewan Rakyat.

Beliau berkata dakwaan seperti itu antara strategi yang digunakan Umno dan BN bagi

menghadapi pilihan raya umum ke-14.

"Tujuan untuk burukkan Pakatan Harapan atau parti anggota kononnya kita anti-Islam."

"Dia bawa isu RUU 355 sedangkan kita tengok RUU 355 Pas pun tak nak bawa."

Yang tunda perbahasan pun Pas kerana nak bertanding 130 kerusi lepas tu nak undi orang bukan Melayu.

"Ini corak politik yang tidak amanah dan tidak telus," katanya.



Khalid pada sidang media di pejabatnya dengan disertai peguam yang juga Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil.

Pendapatan isi rumah naik kerana BR1M

KUALA LUMPUR: Gambaran positif yang diberikan kerajaan BN bahawa pendapatan isi rumah negara ini meningkat tidak menggambarkan situasi sebenar beban kos yang ditanggung rakyat.

Bendahari Agung Keadilan Datin Tan Yee Kew, berkata walaupun dari-pada segi angka pendapatan isi rumah meningkat, namun ia tidak mampu mengatasikan kenaikan kos sara hidup.

Beliau merujuk Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016 yang diumumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Rahman berkata median pendapatan bulanan isi rumah meningkat RM5,228

pada 2016 berbanding RM4,585 pada 2014, dengan kadar pertumbuhan 6.6% setahun pada nilai nominal.

"Dari segi nilai sebenar, pendapatan bulanan isi rumah bulanan meningkat sebanyak 4.4%.

"Ini bermakna pendapatan isi rumah Malaysia meningkat lebih cepat daripada kadar inflasi sebanyak 2.1% dalam tempoh 2 tahun yang lalu.

"Ini bertentangan dengan tanggapan popular bahawa pendapatan di Malaysia tidak berubah atau kenaikan pendapatan tidak sepadan dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan," ujar Abdul Rahman.

Mengulas kenyataan menteri ter-

abit, Tan berkata terdapat dua isu melibatkan golongan berpendapatan 40% terendah (B40) yang perlu ditonjolkan.

Pertama, pertumbuhan pendapatan dalam isi rumah bukan daripada kenaikan gaji, sebaliknya sebahagian besar kerana pembayaran Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

"Ini bermakna kenaikan pendapatan isi rumah tidak mencerminkan ekonomi bertambah baik," jelas beliau.

Kedua, indeks harga pengguna (CPI) yang diguna untuk mengira kadar inflasi menunjukkan 67% daripada perbelanjaan golongan berpendapatan menengah dan ke bawah meliputi tiga perkara utama iaitu makanan dan minu-

man tanpa alkohol; pengangkutan dan perumahan; serta utiliti dan bahan api.

Beberapa tahun kebelakangan ini, Tan berkata, tiga perkara utama itu mempunyai kadar kenaikan lebih tinggi daripada CPI keseluruhan dan kadar inflasi.

Sebagai contoh, katanya kadar inflasi pada 2016 ialah 2.1% tetapi harga makanan dan minuman bukan alkohol meningkat sebanyak 4.2%.

"Keadaan ini lebih teruk tahun ini. Kadar inflasi pada Ogos meningkat 3.8%, sementara harga makanan naik 4.3% dan perbelanjaan pengangkutan juga meningkat sebanyak 11.7%.

"Sekiranya menteri ini pergi ke pasar

hari ini dan memberitahu mak cik-mak cik bahawa kehidupan adalah baik sekarang kerana kadar inflasi tahun lepas hanya 2.1%, beliau pasti dimarahi kerana harga makanan sekurang-kurangnya 16% lebih mahal berbanding sebelum 2014," ujarnya.

Tan berkata tidak hairanlan orang ramai tidak lagi teruja dengan statistik yang diumumkan kerajaan, dan menambah kebergantungan 40% rakyat kepada BR1M petanda buruk buat negara negara.

"Sudah tiba masanya kerajaan berhenti memperlakukan rakyat seperti orang bodoh, dan ambil tanggungjawab," katanya.

Hanya Najib jual tanah hak milik kekal pada warga asing

KEMAMAN: Datuk Seri Najib Razak ialah satu-satunya perdana menteri yang membenarkan warga asing membeli tanah berstatus hak milik kekal, kata Timbalan Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

"Saya pernah jadi menteri besar. Nak jual tanah hak milik kekal, orang sendiri pun susah. Tak pernah jual kepada orang luar," katanya pada ceramah PPBM di sini, baru-baru ini.

Walaupun Mukhriz tidak merujuk tanah yang dimaksudkannya, Pengerusi PPBM Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini memetik laporan Bloomberg sambil mempersoalkan projek Forest City di Johor di atas tanah seluas lebih 1,300 hektar, yang bakal menyaksikan sejumlah besar warga China menjadi pemilik hartanah di situ.

Dr Mahathir juga mendakwa projek Forest City mengancam kedaulatan nega-

ra disebabkan kemasukan besar-besaran rakyat China.

Mukhriz dalam ucapannya juga berkata, tidak ada negara yang menjual tanah kepada warga asing kecuali Malaysia.

Malah katanya, bahan binaan untuk projek dikendalikan syarikat dari China itu tidak diperolehi daripada pembekal tempatan.

"Setiap jenis bekalan, bahan binaan dari besi, simen, skru, diimport dari neg-

ara (China) sendiri. Pekerja pun bawak masuk. Daripada itu, tiada langsung tempias pembangunan ekonomi kepada masyarakat tempatan. Tak dapat apa-apa manfaat daripada projek-projek ini yang dianggap projek gergasi," kata Mukhriz.

Mukhriz turut mempersoalkan projek mega membabitkan China seperti Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL), dan berkata ia bukan sahaja tidak menguntungkan rakyat Malaysia dari segi

ekonomi tetapi tidak pernah dituntut penduduk negeri-negeri terlibat.

"Tak pernah ingat orang Terengganu mintak projek ini. Jika diberi peluang untuk pilih lebuh raya dan ECRL, mana satu tuan-tuan pilih? ECRL dan universiti, ECRL dan hospital, mana tuan-tuan pilih?

"Tak pernah kita mintak pun projek ECRL ini. Cucu cicit menanggung hutang. Kenapa berlaku? Kerana kita mempunyai seorang pemimpin yang lemah," katanya.

Tingkat ketelusan parlimen, hukum salah laku pilihan raya

KUALA LUMPUR: Kerajaan perlu memberi keutamaan kepada ketelusan Parlimen dan memperkuatkan aspek penyiasatan, pendakwaan, serta pelaksanaan undang-undang berhubung salah laku pilihan raya di Malaysia berbanding mewujudkan peraturan baharu pembiayaan politik.

Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar berkata, tanpa tindakan ini peraturan baharu hanya akan dimainkan untuk mendakwa ahli

politik pembangkang melalui "kaedah undang-undang yang sah, bagi matlamat yang salah".

"Peningkatan ketelusan dan persaingan pilihan raya yang adil adalah sasaran Keadilan dan Pakatan Harapan dalam mengejar Malaysia yang mengamalkan sistem demokrasi yang mampu mengutamakan keadilan buat rakyat."

"Malangnya, seperti yang selalu dapat kita lihat, undang-undang ba-

haru yang diturunkan kepada cabang eksekutif kerajaan BN acapkali disalahgunakan untuk mengekang serta menyerang pihak pembangkang dan mana-mana pihak lain yang mengkritik dasar kerajaan yang boros, tiris, rasuah dan menambah bebanan ekonomi rakyat."

"Oleh itu, saya amat meragui keputusan Jemaah Kabinet yang terburuburu memberi kebenaran agar Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik

(PDEA) dibentangkan di Parlimen," ujarnya dalam satu kenyataan.

Naib Presiden Keadilan itu juga berkata, meskipun akta tersebut akan memberi panduan jelas tentang sumbangan, ia memberi ruang kepada kuatkuasa undang-undang secara terpilih untuk menakutkan penyokong pembangkang dan mengekang kemaraan suara kritikan membina yang sihat.

"Cadangan di bawah akta

berkenaan, yang memperuntukkan kawalan ketat terhadap kemasukan dana politik asing serta kewajipan penyumbang sumbangan politik tempatan untuk mengisyiharkan sebarang transaksi yang berjumlah RM3,000 ke atas, kelihatan tidak praktikal dan ternyata memberi kelebihan kepada kerajaan yang terbukti dengan 'kejayaan' pimpinan utama BN memperoleh berbilion ringgit melalui rangkaian Arab Saudi," katanya.

Minda Pengarang

Jelas hanya PH mampu hadapi BN

PAKATAN Harapan (PH) bertekad menjadikan Malaysia antara 10 negara paling bersih di dunia menjelang 2030.

Dalam ikrar yang dibacakan Pengurus PH Tun Dr Mahathir Mohamad di Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi malam Sabtu lalu, PH berikrar menghapuskan najis rasuah demi masa depan negara.

"Untuk setiap satu ringgit yang dicuri dengan rasuah, maka kuranglah satu ringgit peruntukan pembangunan sekolah. Untuk setiap sepuluh ringgit yang dicuri dengan rasuah, maka kuranglah sepuluh ringgit subsidi perubatan hospital kerajaan. Berbilion ringgit telah hilang akibat 'najis rasuah' yang diamal pimpinan utama Umno-BN," kata Dr Mahathir. Demikian kata beliau.

Pada malam 14 Oktober itu, Pe-mimpin Pakatan Harapan mengangkat plakat dengan berikrar melaksanakan lima tuntutan:

- Menuntut dilaksanakan RCI 1MDB daann Felsa.
- Kembalikan asset rakyat.
- Tangkap MO1.
- Bebaskan SPRM.
- Hapuskan rundingan terus tender kerajaan.

Inilah isu dan masalah paling besar yang menyebabkan Malaysia menghadapi krisis ekonomi paling besar yang menyebabkan rakyat menderita kerana kenaikan harga barang.

Antara lain disebabkan cukai GST, penghapusan beberapa subsidi kepada barang-barang keperluan penting rakyat.

Dalam masa yang sama Pakatan Harapan perlulah memperkasa dan membebaskan SPRM, di mana rakyat melihat banyaknya wang rakyat jatuh ke tangan perusahaan dan ini mestilah dihentikan kerana rasuah dilihat terus berkembang dari kecil-kecilan hingga bersekala besar seperti sekarang.

Sejauh ini SPRM telah berjaya 'menangkap' ikan termasuk yang ber-

saiz besar. Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan kita yakin SPRM akan terus mampu melaksanakan tugas mulianya ini.

Hendaknya tidak akan ada halangan kepada SPRM justeru rakyat sedang memberikan harapan kepada badan ini melaksanakan tugasnya.

Kepada rakyat, rasuah itu najis berat yang mengotori dan menghancurkan sistem ekonomi negara. Maka rakyat menaruh harapan sangat tinggi kepada SPRM.

Sementara itu dengan sokongan rakyat yang kelihatan semakin nyata kepada Pakatan Harapan, maka tuntutan lima perkara ini dan rakyat bukan sahaja memerlukan tetapi sedang membina keyakinan terhadap Pakatan Harapan untuk menyelamatkan negara.

Adapun tema 'Selamatkan Negara' yang dipilih menjadi slogan di perhimpunan 14 Oktober lalu sangat relevan dan wajar diteruskan menjadi tema utama kempen Pakatan Harapan menjelang PRU k-14 nanti.

Kita yakin, Pakatan Harapan yang kelihatan semakin kukuh dan padu akan meneruskan lagi jelajah ke seluruh negara, sampai ke bahagian pedalaman untuk menerangkan kepada rakyat usaha untuk menyelamatkan ekonomi negara.

Dari persepsi yang ada, hanya Pakatan Harapan, sebagai mega pembangkang, yang mampu menghadapi Umno/BN. Kerana kekuatannya dibina dari semua kaum, iaitu mewakili majoriti rakyat dari desa ke kota dan mereka sudah mulai bukan saja mengenali Pakatan Harapan, tetapi mulai melihat kemampuannya untuk membela rakyat.

Beragama secara sentimen, emosi

SAYA hairan dengan segelintir ibu bapa atau sesetengah pihak yang masih mempertahankan pusat tahfiz yang abaikan aspek keselamatan dengan pelbagai alasan. Kebanyakannya alasan agama seperti takdir, mati mulia, anak syurga, saham akhirat dan banyak lagi.

Mengapa sebagai orang Islam kita sukar untuk mengubah gaya fikir kita dalam beragama? Beragama ada fiqhnya iaitu Fiqh *at-Tadayyun*. Kompas beragama bukan sentimen dan emosi, tapi ilmu dan akal. Sudah hilanglah upaya fikir kita mendepani isu ini?

Menangguh, menghenti bahkan menutup pusat tahfiz yang tidak selamat bukan suatu dosa, bahkan membiarkan pusat tahfiz sebegitu beroperasi akan menyebabkan dosa sebab membiarkan sesuatu yang bermudarat wujud, padahal mudarat mesti dihilangkan.

Solat zohor berjamaah adalah tuntutan, tapi Nabi memberikan penangguhannya jika cuaca panas terik. Seseorang yang dalam perjalanan untuk solat Jumaat bertembung dengan kemalangan maut yang boleh dibantunya, dia boleh tidak hadir solat Jumaat yang fardu ain utk bantu mangsa kemalangan. Inilah fiqh dalam beragama.

Agamawan perlu mendidik masyarakat memahami fiqh beragama ini melalui penyebaran dan pembumian ilmu Usul Fiqh. Apa yang biasa berlaku dalam masyarakat ialah, masyarakat hanya disogok dengan hukum halal haram, sah dan batal, tetapi masyarakat tidak didedah bagaimana dan kenapa hukum tadi terhasil.

Natijahnya, agama diamalkan secara sentimen. Perit lagi, sentimen itu pula dibungkus dengan ketaksuban kepada individu tertentu sehingga sentimen beragama tadi berevolusi menjadi candu. Akhirnya agama menjadi candu bukan lagi menjadi hidayah dan rahmat.

Ruang *ibahah* (keharsuan) sangat luas, mengapa kita sempitkan keluasan itu dengan beragama secara sentimen. Membuka pusat



Pencerahan Mingguan TANWEER USBU'II

USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN
Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH

tahfiz dalam situasi kini adalah harus saja, bukan wajib. Jika membukanya harus, menutupnya juga harus. Ia harus kerana inisiatif pihak berkuasa dan pelbagai pihak yang punya kepakaran dalam bidang tahfiz dirasakan sudah melepas keperluan fardu kifayah.

Saya teringat cerita al-Marhum Abdul Hamid Othman (bekas menteri di JPM) dalam suatu syara-

dipanggil ustaz dan bla bla bla...! Sudut pandang beragama, orang beragama, pemikiran beragama, berada dalam acuan beragama yang ditentukan oleh golongan agamawan sebegini.

Pihak lain yang tampil beragama dalam wajah yang meraikan *waqi'* (realiti), *aulawiyat* (keutamaan), *muwazanah* (pertimbangan *maslahah* dan *mafsadah*),

“

...Apa yang biasa berlaku dalam masyarakat ialah, masyarakat hanya disogok dengan hukum halal haram, sah dan batal, tetapi masyarakat tidak didedah bagaimana dan kenapa hukum tadi terhasil.

hanya suatu ketika dulu (ketika saya masih remaja dan beragama secara sentimen sebab masih remaja). Katanya, jika ditarik seorang ustaz, *lawyer*, farmasis, *engineer*, pemuzik, penyanyi, pelombong, mekanik, dan orang ramai diminta memilih siapakah bakal penghuni syurga, pasti orang ramai akan memilih ustaz, bukan yang lain.

Beginilah contoh beragama secara sentimen. Maksudnya, agama perlu ada label agama, kalimah arab, hafal Quran, ber'an'a' anta', ngaji sekolah arab, pakai serban,

tawaqqu' (implikasi), akan dilabel liberalis, anti agama, anti tahfiz, anti ulama, anti Islam dan paling teruk sokong LGBT dan pesta arak.

Nampaknya perjalanan untuk hidup beragama dalam negara ini masih berliku-liku dan sering diasak dengan sentimen dan emosi. Itu belum lagi dibincang dan dicerakini sudut pandang keperluan kehidupan dari sudut politik adil dan politik zalim yang tentunya menjadikan nafas lebih sesak dan kepala semakin berat *Rabbuna yusahhil*.



Syed Husin dan sejarah rakyat

SEJARAH bukan propaganda, tetapi kebenaran. Jikalau sejarah rasmi ditulis oleh mereka yang menang lantas berkuasa, semata-sejara alternatif ditulis oleh mereka yang tewas untuk menggilap semula sumbangan mereka yang cuba dipadamkan penguasa, maka tibalah masanya juga untuk rakyat menulis sejarahnya sendiri.

Mustahil kemerdekaan dicapai hanya melalui rundingan antara Umno dengan penjajah British. Sudah tentu Chin Peng, Abdullah CD, Shamsiah Fakeh, Rashid Maidin dan lain-lain memiliki perjuangan versi dirinya, yang tidak kurang hebat, malah lebih menarik berbanding rundingan antara beberapa orang elit. Pada masa yang sama, bagaimana suasana masyarakat ketika itu, yang tersepit di celah-celah pergelutan dua kuasa ini? Apakah peranan rakyat sepanjang perjuangan kemerdekaan? Jarang sekali ia disebut, jauh lagi untuk diberikan liputan yang setimpal.

Antara persoalan inilah yang berlegar-legar dalam minda ketika menghadiri majlis peluncuran buku berjudul *Sejarah Rakyat Malaysia*, oleh Dr Syed Husin Ali - seorang tokoh politik, ahli akademik dan aktivis sosial yang barangkali dilihat sebagai watak yang "gagal" dalam sejarah, dari kaca mata arus perdana. Namun martabat Dr Syed Husin Ali tidak sedikitpun terjejas. Nama beliau mungkin tidak dipahat dalam

sejarah pada tempat yang memadai, tetapi sosoknya yang sentiasa ikhlas dan rendah diri, tetap diingati mereka yang menghargai sumbangannya.

Melalui bukunya, Dr Syed Husin Ali telah menganjurkan satu perspektif yang penting untuk kita merenungi hubungan antara sejarah dengan rakyat. Sejarah tidak seharusnya kisah yang berlegar-legar di kalangan beberapa orang elit semata-mata, yang bosan untuk dihafal namanya; sebaliknya merangkumi keterlibatan massa. Sejarah adalah pengajaran untuk kita telaah agar tidak mengulanginya pada masa depan. Sejarah merakamkan kisah bagaimana manusia membuat pilihan pada zamannya untuk menentukan nasib mereka.

Seringkali kita menyebut, manusia mencipta sejarah. Ia bukan slogan di tepi bibir, tetapi mendalam maknanya. Kita mencipta sejarah dengan himpunan BERSIH, kita mengubah sejarah dengan undi kita dalam PRU12 dan PRU13. Kebanyakan kita tanpa nama yang tersohor, tanpa wajah yang dikenali umum. Kita tidak lebih besar daripada semut apabila kita berada dalam lautan manusia 100 ribu orang. Mustahil media menyenaraikan nama kesemua kita sebagai peserta himpunan BERSIH dalam laporannya.

Namun denyutan nadi kita semua berpaut dengan degupan



Siang-Malam
Lim Hong Siang

jantung masyarakat. Kita berpegang kepada prinsip dan mendukung nilai tertentu. Apabila nilai dan prinsip ini dikongsi bersama dalam satu masyarakat, maka ia memacu momentum untuk bergerak secara kolektif ke arah itu.

Jikalau PRU13 diambil sebagai contoh, ia memperlihatkan tekad sekumpulan manusia untuk membawa perubahan ke atas tanah airnya, sungguhpun dilabelkan "Tsunami Cina" pada 5 Mei 2013. Suri rumah tangga yang sebelum ini tidak mengambil peduli tentang politik, akhirnya memberanikan diri untuk mengedarkan risalah, malah berucap dengan pembesar suara secara spontan di khalayak ramai. Jikalau kaum wanita yang distereotipaikan sebagai anggota keluarga yang paling pengecut pun sudah tampil ke depan, malah turun untuk berdemonstrasi di jalan raya, bukankah ia satu impak besar terhadap kaum lelaki yang asyik sembang politik di kedai kopitiam setiap hari?

Inisiatif ini tidak seharusnya diperlekehkan. Mungkin mereka tidak petah berucap, mungkin poster yang direka tidak profesional jika dibandingkan dengan pakar pereka, mungkin cara organisasi mereka masih memperlihatkan kelemahan, tetapi kita sepatutnya menghargai sumbangan mereka yang kebanyakannya mengorak langkah pertama.

Momentum ini datang bergolek. Apabila sekelompok manusia berkempen sebegini untuk menyatu agar pengundi pulang mengundi, sekelompok manusia yang lain akan mencedok dan melakukan di tempat yang lain. Kalau mereka telah bertindak, apa lagi yang saya tunggu? Akhirnya semua terpanggil untuk melakukan sesuatu supaya membawa perubahan kepada bumi yang dipijak ini.



Kisah ini diputar semula untuk mengingatkan bahawa betapa pentingnya gerakan rakyat untuk membawa perubahan. Angka besar kehadiran BERSIH 3, Him-

punan Kebangkitan Rakyat 112 menjelang PRU13, diusahakan mereka yang tidak dikenali nama dan wajahnya, dan bukan semata-mata kerana karisma beberapa orang pemimpin politik yang berapi-api ucapannya. Suasananya meriah kerana orang ramai melihat diri, dan merasakan dirinya sebahagian daripada perjuangan ini.

Jadi, apakah iktibar yang kita perolehi, setelah himpunan "Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi" melabuhkan tirai? Sesungguhnya angka kehadiran bukan satu-satunya kayu ukur sama ada himpunan ini berjaya atau tidak. Apa yang lebih penting, apakah himpunan pada malam 14 Oktober 2017 ini memberangsangkan semangat Pakatan Harapan, atau sebaliknya?

Antara persoalan yang mesti didepani, apakah Pakatan Harapan semakin jauh dari masyarakat, sehingga gagal merasai denyutan nadi mereka? Mengapa gerakan yang diinisiatifkan oleh rakyat sendiri menjelang PRU13, tidak diulangi menjelang PRU14? Bagaimana PH mengimbangi dirinya, antara penyokong tradisional dengan kelompok pengundi baru yang cuba didampingi? Paling bahaya, apakah ia akan berakhiri dengan yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran?

Impak besar dari Himpunan Sayangi Malaysia

HIMPUNAN Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi di Petaling Jaya Sabtu lalu, sudah-pun berakhiri dengan jayanya. Ia dihadiri lebih 25,000 peserta.

Majoriti peserta itu dari kalangan Melayu yang datang hampir dari ceruk rantau tanah air. Ini, memebenarkan suatu tanggapan dalam laporan laman web Malaysia Dateline bahawa kalangan Melayu mendukung Pakatan Harapan. Iaitu suatu isyarat yang sangat signifikan - menafikan sebarang tanggapan selama ini kononnya Melayu tidak menyokong Pakatan Harapan.

Sudah terlihat perubahan akan sikap orang Melayu terhadap kebobrokan kerajaan hari ini dengan krisis ekonomi yang melanda negara, harga barang yang terus naik, nilai mata wang semakin rendah, hutang negara



semakin banyak,

perkauman dan ekstremisme agama menjadi fenomena yang menakutkan dan lain-lain masalah.

Maka bantahan dari kalangan orang Melayu telah diterjemahkan dari kedatangan mereka ke perhimpunan tersebut.

Mungkin ada hujah pula, konon jumlah yang hadir itu kecil, berbanding dengan Melayu yang tidak hadir. Tetapi hujah ini boleh sahaja dipatahkan bahawa kedatangan mereka ini ke perhimpunan tersebut diyakini membawa sikap keluarga dan saudara serta sahabat handai atau jiran sekampung mereka yang

tidak hadir, mungkin kerana jauh dan berhalangan.

Namun yang nyata sudah demikian ramai Melayu yang menyokong Pakatan Harapan. Semuanya ini sekurang-kurangnya adalah hasil jelajah Pakatan Harapan seluruh negara sejak beberapa bulan lalu.

Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi adalah idea yang dicetuskan oleh Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sekretariat Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi akan mengemukakan lima tuntutan dalam himpunan tersebut:

1. Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Felda
2. Mengembalikan semua aset dan wang rakyat yang telah hilang
3. Tangkapkan kepada mereka

yang terlibat.

4. Bebaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia daripada sebarang tekanan

5. Muahu menghapuskan rundingan terus (*direct tender*) dalam sebarang kontrak kerajaan.

Himpunan yang aman pada Sabtu lalu itu berjaya menimbulkan suasana bantahan rakyat terhadap apapun yang berlaku kepada negara sekarang.

Maka, selepas ini Pakatan Harapan perlu bekerja keras lagi menterjemahkan sokongan rakyat ini melalui peti undi. Ertinya setiap komponen parti dalam Pakatan Harapan perlu bekerja keras untuk menarik sokongan rakyat diseluruh ceruk rantau.

Adapun undi dari kaum Cina, kita yakin mereka akan menyokong Pakatan Harapan apabila tiba masanya,

Sementara Pakatan Harapan pula jangan merasa selesa den-

gan kejayaan besar himpunan Sabtu lalu itu, justeru tugas lebih banyak lagi sedang menanti.

Diberitakan urusan pembahagian kerusi parlimen di antara komponen Pakatan Harapan di mana kira-kira 100 kerusi sudah dapat diselesaikan. Tinggal lagi di peringkat Dun negeri-negeri, yang diharapkan akan juga berjalan lancar. Tentunya diharapkan calon Pakatan Harapan baik Parlimen maupun Dun akan terdiri dari mereka yang benar-benar berkelayakan.

Sementara itu, diberitakan, persiapan Manifesto Pakatan Harapan pun sudah sampai ke peringkat akhir dan akan dilancarkan bila-bila masa apabila tarikh pilihan raya ke-14 diumumkan.

Maka itu Pakatan Harapan kelihatan sudah cukup bersedia untuk menghadapi pilihan raya ini.

Hanya Umno yang mahu Kit Siang jadi PM

PETALING JAYA: Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng membidas keghairahan Umno yang giat menyebarkan dakyah songsang dengan memberi gambaran kononnya Lim Kit Siang akan menjadi perdana menteri sekiranya Pakatan Harapan (PH) berjaya mengambil alih Putrajaya.

"Mereka cakap PM selepas Najib ialah Lim Kit Siang. Tapi Kit Siang cakap bukan. Tun Dr Mahathir juga kata bukan."

"Nampaknya hanya Umno sahaja mahu Kit Siang jadi perdana menteri," katanya dipetik Roketkini.

Beliau yang juga Setiausaha Agung DAP menyifatkan tohmahan mengaitkan DAP dengan fahaman

komunis adalah tindakan 'tidak siuman'.

"Ada orang cakap DAP komunis! Kuncu-kuncu mereka cakap Chin Peng dan Lim Kit Siang adalah sepupu. Kerana kononnya sepupu, jadi saya merupakan anak saudara Chin Peng ni oleh kerana saya anak saudara Chin Peng maka saya komunis?"

"Ini sudah gila!" katanya ketika berucap di Perhimpunan Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi 14 Okt lalu.

Sebaliknya beliau dengan nada sinis mempersoalkan Umno yang diberi penghormatan untuk berucap dalam Kongres Parti Komunis China yang dijadualkan 18 Oktober ini.

"Lagi gila bila tuduh kita komunis.



Kit Siang, Tun Mahathir dan Mohamad Sabu menyaksikan tarian singa pada Himpunan Anti-Kleptokrasi di Petaling Jaya, 14 Oktober lalu.

Bila parti komunis (China) ada himpunan besar di Beijing, parti mana yang dijemput hadir dan satu-satunya parti diberi penghormatan untuk berucap?" soalan beliau dijawab

dengan "Umno!" oleh hadirin.

"DAP tak langsung dipanggil. Kalau komunis, macam mana kita tidak dijemput?" soalnya lagi.

Guan Eng turut membuka

pekguk Umno dan MCA yang cuba mengelirukan rakyat Malaysia dengan dua tuduhan fitnah yang bercanggah.

Katanya, jika di hadapan orang Melayu Umno menuduh kerajaan Pulau Pinang anti-Islam, MCA pula membuat tohmahan bertentangan dengan mendakwa kerajaan Pulau Pinang meminggirkan orang bukan Islam khususnya masyarakat Cina negeri itu.

Segala tohmahan jahat ini dibuat memandangkan kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang giat memberi peruntukan dan penambahbaikan kepada institusi Islam negeri itu jauh lebih baik berbanding pentadbiran BN sebelumnya.

Demokrasi itu budaya, bukan undi 5 tahun sekali

SHAH ALAM: Demokrasi harus difahami sebagai satu budaya yang membolehkan setiap rakyat berhak memberi pandangan dan pemerintah mesti bertindak mengikut kehendak majoriti dalam mengendalikan sebuah kerajaan.

Bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Datuk Dr Siddiq Fadzil berkata ramai yang memahami erti demokrasi adalah mengundi lima tahun sekali.

"Bila sudah dipilih, kerajaan boleh bertindak apa sahaja walaupun bertentangan dengan suara dan kepentingan rakyat," katanya ketika menyampaikan ucaptama di Seminar Politik Islam dan Demokrasi di Ideal Convention Centre (IDCC), dekat sini, 14 Okt lalu.

'Muslim demokrat' pula, katanya diperkenalkan tokoh-tokoh gerakan Islam termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim, BJ Habibie, Abdullah Gul dan Rashid al-Ghannoushi yang

percaya Islam mampu dilaksanakan melalui budaya demokrasi.

"Malangnya demokrasi yang kononnya menjadi amalan dalam masyarakat baru yang maju dicemari dengan leluasannya.

"Misalnya dalam masyarakat atau negara yang dikatakan mengamal demokrasi tidak ada langsung pendidikan tentang demokrasi," katanya.

Subjek demokrasi katanya hampir tidak diajar dalam semua peringkat pendidikan.

"Akibatnya hampir semua orang tidak tahu apa yang sebenarnya boleh dan tidak boleh dalam pelaksanaan demokrasi," katanya.

Satu lagi rukun demokrasi, ujar beliau yang selalu dicabut di mananya adalah kebebasan.

"Sepatutnya institusi-institusi demokrasi seperti pilihan raya, parti politik, media dan pertubuhan-pertubuhan sosial membuka

ruang kebebasan seluas-luasnya kepada rakyat khususnya bagi memperolehi maklumat.

"Bukan sahaja kerajaan-kerajaan jadi penghalang kebebasan, parti-parti turut bertindak mengongkong supaya ahli tidak bebas.

"Ada parti yang mengajar kepada ahlinya hanya informasi dalam parti sahaja mesti diterima manakala informasi dari luar dilarang sama sekali," katanya.

Dalam hal ini, menurut beliau Islam yang bermisi tahir (merdeka) tidak harus dipalit dengan penindasan seperti ini.

"Perbincangan mengenai 'fiqh at taharru' (fiqh kebebasan) mestilah jadi keutamaan ulama-ulama Islam yang terlibat dengan demokrasi.

"Kita tidak harus terjebak mewujudkan ulama penindas yang menyempitkan kebebasan berinformasi di kalangan rakyat," katanya.

Mahkamah tolak permohonan sambung reman Wan Ji

MAHKAMAH Majistret 15 Okt lalu menolak permohonan polis untuk menyambung reman selama tiga hari Pegawai Penerangan di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Wan Ji Wan Husin yang ditahan 13 Okt lalu.

Peguamnya, Saiful Izham Ramli dan Zulhazmi Shariff berkata Wan Ji dibebaskan dengan jaminan polis.

"Majistret menolak permohonan polis untuk menyambung tempoh reman Wan Ji selama tiga hari. Wan Ji akan dibebaskan hari ini (13 Okt)," kata Sekretariat Pemuda Keadilan dalam satu kenyataan.

Wan Ji ditahan polis selepas menyampaikan khutbah Jumaat di Masjid Jalan Sembilang, Seberang Jaya, Pulau Pinang dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Dang Wangi di Kuala Lumpur bagi membantu siasatan berhubung laporan yang mendakwa beliau menghina institusi raja Melayu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun sebelum itu mengesahkan

Wan Ji ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 kerana disyaki menghina sultan.

Fuzi juga berkata tindakan diambil berdasarkan beberapa laporan yang dibuat dan polis sebelum ini tidak dapat mengesan Wan Ji.

Sebelum ini pernah tersebar rakaman video pada 2013 yang menunjukkan Wan Ji, yang juga ketua Biro Agama Pemuda Keadilan, memberi satu kuliah yang menyentuh kedudukan raja-raja Melayu dalam sistem pentadbiran negara.

Wan Ji pernah didakwa di mahkamah pada Oktober 2014 ekoran satu kenyataan di Facebook yang didakwa menghina Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Beliau kemudian mengemukakan kes ke Mahkamah Persekutuan untuk mencabar kesahihan undang-undang itu di sisi Perlembagaan Persekutuan.

Kesnya dilaporkan masih dalam perbicaraan.

Pas gesa tangguh bahas RUU355 selepas PRU14

KUALA LUMPUR: Pas berkemungkinan menangguhkan pembentangan Rang Undang-undang Persendirian untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) atau RUU355 selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Ketua Dewan Ulamak Pas, Datuk Dr Mahfodz Mohamed berkata, partinya perlu mengambil kira beberapa aspek berkaitan RUU355 memandangkan PRU14 semakin dekat, lapor FMT.

"Kalau boleh kita bentang mahu menang. Kita kena buat perkiraan, sekarang ini beberapa orang

Umno bahanan penganut agama Islam lain tidak sokong, lebih baik kita tangguhkan dahulu.

"Lepas pilihan raya, selepas banyak kerusi yang kita menang, barulah (bawa semula RUU355 ke Dewan Rakyat)," katanya seperti dipetik.

Ogos lalu, Dewan Rakyat menangguhkan perbahasan usul persendirian RUU355 yang dibawa Ahli Parlimen Marang Datuk Seri Abdul Hadi Awang selepas ia dibentangkan presiden Pas itu buat kali ketiga.

Walaupun usul tersebut berada dalam senarai kertas aturan mesyuarat, ia tidak dibahas bagi memberi keutamaan kepada usul-usul yang

dibawa kerajaan.

RUU355 pertama kali dibentangkan Abdul Hadi pada Mei 2016 bagi meningkatkan hukuman penjara ke atas pesalah syariah kepada 30 tahun, denda maksima RM100,000 dan sebat 100 kali berbanding 3 tahun penjara, denda RM5,000 dan 6 sebatan pada masa ini.

Dewan Rakyat akan kembali bersidang pada 23 Oktober hingga 30 November depan.

Dr Mahfodz berkata, dalam usaha memastikan RUU355 diluluskan Dewan Rakyat, Pas bertekad untuk bertanding lebih banyak kerusi parlimen berbanding sebelumnya iaitu di 100 kawasan.

Bahkan beliau berkata, parti Islam itu kini dalam rangka usaha memperkasakan jentera bagi menakluk dan merampas semula beberapa negeri di Semenanjung.

"Pas yakin menang lebih kerusi daripada AMANAH. Sasaran kita adalahkekalkan kerusi di Kelantan dan Selangor, ambil semula Terengganu dan Kedah serta menambah beberapa kerusi lain.

"Kita selesa dengan blok kita, yang terdiri daripada beberapa parti dan badan bukan kerajaan. Kita setakat ini langsung tidak pernah berbincang dengan Umno untuk perkongsian kerusi di Pantai Timur," katanya.

mampu umrah

EDISI 2017

DAFTAR
SEKARANG
TEMPAHAN RM1,000



Bersama:

UST. ABDUL GHANI SAMSUDIN

PAKEJ UMRAH & ZIARAH

PAKEJ DENGAN HARGA MAMPU

RM 6,999

JADUAL PENERBANGAN (11 HARI 9 MALAM)

04 DISEMBER - 14 DISEMBER



الخطوط الجوية العربية السعودية
SAUDI ARABIAN AIRLINES



Emirates



Malindo air



SriLankan
Airlines



malaysia
airlines



MEKAH - HOTEL SARAYA IMAN (350m)

MADINAH - CONCORDE HOTEL (150m)

DESTINASI ZIARAH

MEKAH

- ** TAIF
- MINA
- ARAFAH
- MUZDALIFAH
- MASJID HUDAIBIYAH
- *MUZIUM MEKAH DAN MADINAH
- TAPAK RUMAH KELahiran NABI SAW

MADINAH

- MASJID QUBA
- MEDAN UHUD
- PASAR KURMA
- LADANG KURMA
- SAQIFAH BANI SA'IDAH
- *PAMERAN ASMA'AL HUSNA
- *PAMERAN SEJARAH MADINAH

*MUZIUM MEKAH DAN MADINAH
TAPAK RUMAH KELahiran NABI SAW

MAKLUMAT LANJUT HUBUNG:

Nurhaziqah Zainal
017 - 885 3292



EL IZZAH
TRAVEL & TOURS SDN BHD
MAYBANK - 5511 9110 7318

Himpunan 14 Oktober tarik majoriti Melayu

Oleh ARIF ATAN

Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub menyifatkan himpunan 'Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi' Sabtu lalu sebagai berjaya menarik kehadiran orang Melayu sekaligus mengimbangi komposisi penyertaan rakyat berbilang kaum.

Menurutnya, situasi tersebut berbeza dengan siri himpunan sebelum ini sehingga dimanipulasikan pihak Umno-BN kononnya didominasi kaum Cina.

Beliau berpendapat paling penting adalah trend sokongan Melayu yang membawa petanda positif ketika Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) semakin hampir.

"Memanglah himpunan lepas kalau dibandingkan Bersih tidak mencapai sasaran kehadiran. Itu tidak mengapa.

"Tapi apa yang saya gembira pada hari itu, kita melihat majoriti yang menyertai himpunan adalah Melayu. Sebelum ini, sukar untuk kita lihat," ujarnya ketika diwawancara akhbar mingguan Amanah di Wisma AMANAH, Kuala Lumpur hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tentang dakwaan pihak tertentu kononnya himpunan anjuran Pakatan Harapan itu gagal jika dibandingkan dengan program Fastaqim 2.0 pada 29 dan 30 September lalu.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, peserta Hapuskan Kleptokrasi mewakili setiap segmen dalam masyarakat majmuk di negara ini berbeza dengan perhimpunan anjuran Pas di Kuala Nerus, Terengganu itu.



Penulis Mingguan Amanah, Ahmad Lutfi mewawancara Salahuddin Ayub di pejabatnya baru-baru ini.

"Himpunan kita itu pun menggambarkan sokongan rakyat terhadap Pakatan Harapan bukanlah kecil impaknya sehingga ditokehkan tidak mendapat sambutan."

"Apa yang penting kita berjaya meyakinkan masyarakat Melayu untuk keluar berhimpun menjadikan peserta program yang berlangsung sepanjang tujuh jam itu terdiri daripada semua kaum serta merentas wilayah sehingga Sabah dan Sarawak," jelasnya.

Walau bagaimanapun, beliau memberitahu sambutan menggalakkan daripada orang ramai terhadap mana-mana perhimpunan bukan satu ukuran mutlak yang turut mencerminkan kejayaan pada pilihan raya.

"Pengalaman dalam Pas dulu, kitalah paling

berjaya daripada segi menarik kehadiran orang ramai tetapi bila keputusan pilihan raya, Pas kalah," tegas bekas Naib Presiden Pas itu.

Sehubungan itu, beliau berkata, paling penting adalah tumpuan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) dan bukannya hanyut dalam hal remeh-temeh yang tidak membantu Pakatan Harapan dalam menentang rejim Umno-BN.

Mahathir

Hal tersebut, jelasnya, termasuk terus bersikap mengungkit tindakan Tun Mahathir sepanjang menjadi Perdana Menteri sebelum ini.

"Sikap Tun Mahathir sudah jelas mahu menumbangkan Umno-BN. Kita pun bukanlah naif sangat untuk menilai mereka yang hendak

bersama kita.

"Mahathir datang kepada Pakatan Harapan sebab katanya Naib itu jahat. Najib ini amalkan kleptokrasi, merompak, menyamun mencuri duit rakyat dan hal itu benar bukan fitnah."

"Kita pun tahu dan baca segala dokumen berkaitan. Dia (Mahathir) nak jatuhkan Umno-BN. Itu jugalah perjuangan kita selama ini. Dia sudah mahu bersama kita," ujarnya.

Ditanya tentang reaksi pihak tertentu yang masih tidak dapat menerima kehadiran Mahathir dalam Pakatan Harapan, Salahuddin berpendapat sikap tersebut tidak berjiwa besar dan berpandangan jauh.

"Keputusan politik perlu dibuat pada waktu yang tepat dengan berani mengambil risiko. Tidaklah bijak kalau kita enggan terima seseorang yang sudah meninggalkan parti lamanya dan mahu bersama kita."

"Terlalu bodoh juga untuk kita mempersoalkan segala dosanya yang lepas. Kita ada pengalaman (bekerjasama) dengan Ku Li (Tengku Razaleigh Hamzah) dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (selepas keluar Umno).

"Adakah Pas ketika itu mengungkit-ungkit minta supaya mereka minta maaf di depan khalayak atau senaraikan dosa-dosa mereka?

"Itu bukan budaya Islam sebagaimana Nabi pun boleh menerima Abu Suffyan. Tindakan yang terus mengungkit sikap Mahathir adalah tidak Islami bagi saya," tambahnya lagi.

Turut serta dalam wawancara selama hampir dua jam itu kolumnis akhbar mingguan Amanah, Ahmad Lutfi Othman.

75% peserta Melayu petanda buruk untuk BN dan Pas

PENYERTAAN

kira-kira 75% Melayu dalam perhimpunan 'Selamatkan Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi' Sabtu membayangkan kejayaan Bersatu dan AMANAH menarik sokongan.

Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Mazlan Ali dalam ulasannya berkata, peserta Melayu yang ramai dan majoriti (75%) dan ini memberi mesej

kurang baik kepada BN dan PAS.

"Kehadiran ramai peserta Melayu menggambarkan Bedrsatu kini suatu ancaman kepada BN," katanya.

"Segmen pengundi Melayu adalah merupakan pengundi kritis bagi pembangkang sejak dua PRU mutakhir," kata beliau dalam ulasan itu.

Beliau percaya Ber-

satu dan AMANAH menjadi menyumbang dan faktor kepada kehadiran ramai peserta Melayu.

"Ini jelas sekiranya PPBM dapat mengalihkan sekurang-kurangnya 15% undi teras Umno dalam PRU 12 kepada PH, maka BN bermasalah besar," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kehadiran yang dijangka 100,000 tidak men-

capai sasaran.

"Faktor permulaan cuti sekolah mungkin mempengaruhi kehadiran," katanya.

Katanya, pengundi Cina walaupun kurang dalam perhimpunan ini, tetapi dipercayai masyarakat Cina sudah membuat pilihan siapakah yang mereka akan undi dalam PRU 14 nanti.

Sinar Harian buat liputan penuh, 5 muka



A KHBAR Sinar Harian membuat liputan paling besar untuk perhimpunan 'Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi' 14 Oktober lalu apabila menyiar kan lima muka laporan penuh mengenainya.

Hampir kesemua berita tersebut pula positif untuk himpunan ini khasnya penganjurnya, iaitu Pakatan Harapan (PH).

Di muka depannya, Sinar menyiar kan gambar orang ramai yang

memenuhi perhimpunan yang berlaku di Padang Timur, Petaling Jaya itu dengan tajuk 'Bantah Kleptokrasi'.

PH memberikan anggaran 25,000 peserta dalam perhimpunan ini manakala polis memberikan angka sekitar 10,000.

Pas pula melalui laman webnya, Harakah daily memberikan hanya 1,500 orang menyertai himpunan ini.

Perhimpunan lafazkan 'Sumpah Padang Timur'



Perhimpunan Selamatkan Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi malam ini membayangkan kesungguhan pemimpin Pakatan Harapan (PH) serta pemimpin Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk menawarkan kerajaan alternatif.

Mereka berikrar bersama peserta perhimpunan bagi menghapuskan kleptokrasi sambil mengangkat plakat 'Sayangi Malaysia Hapus Kleptokrasi'.

Ikrar berkenaan antara lain menekankan akan menjadi warga yang bersatu padu berpaksikan perlombagaan dan undang-undang.

"Menjadi negara yang berintegriti, rakyat yang bermaruah, berjati diri, akan membebaskan negara tercinta daripada pemimpin yang rasuah," dipetik daripada ikrar tersebut.

Peserta berbilang kaum turut bersemangat berikrar selama kira-kira enam minit.

"Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Gunung sama didaki, lurah sama dituruni."

"Biar putih tulang, jangan putih mata, kerana Malaysia ini kita punya," akhiri ikrar tersebut.

Pidato Presiden Konvensyen Kedua AMANAH dijangka lakar strategi

Oleh MOHD NAZRI ABDULLAH

Konvensyen Nasional 2017 Parti Amanah Negara (AMANAH) yang akan berlangsung di Alor Setar, Kedah pada 21 dan 22 Oktober ini bakal menentukan hala tuju parti itu khususnya berdeditan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) akan akan diadakan bila-bila masa.

Tentunya subjek yang akan menjadi tumpuan pada perkampungan besar ahli AMANAH itu adalah Pidato Presiden yang akan disampaikan Mohamad Sabu pada pagi perasmian konvensyen itu nanti.

Mohamad dalam beberapa sesi pertemuan membayangkan akan menyentuh beberapa isu termasuk strategi 'hidup mati' AMANAH untuk memenangi PRU14 yang akan diperlakukan kepada seluruh jentera dan ahli parti.

Melihat kepada realiti politik semasa, dalam keadaan Pas sudah pasti tidak akan bersama Pakatan Harapan bagi menumbangkan BN, banyak pihak menantikan formula yang akan



Mohamad dijangka akan membentangkan strategi yang bakal mengambil kira 'hidup dan mati' AMANAH menjelang PRU 14.

diguna pakai oleh AMANAH bersama Pakatan Harapan dalam pertembungan tiga penjuru yang sudah pasti ini.

Selain itu, pidato presiden kali ini juga dijangka turut akan menyenggung skandal pengsonglapan wang terbesar negara melalui 1Malaysian Development Berhad (1MDB) yang juga menjadi subjek wajib bagi Mohamad dalam setiap kali ceramahnya sebelum ini.

Bukan sahaja menyentuh skandal itu secara klise, namun pandangan AMANAH terhadap pihak yang bersekongkol dengan kerajaan Kleptokrat khususnya kelompok agama yang menyokong atas dasar pemimpin 'Melayu Islam', turut akan diulas.

Tentu sekali apabila menyebut tentang 1MDB, kesan berantainya termasuk pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang disifat-



kan cukai regresif, serta krisis ekonomi di bawah pentadbiran Datuk Seri Najib Razak ini akan diulas oleh beliau.

Mohamad turut membayangkan akan menyentuh isu-isu yang berkait rapat dengan wanita dan pemuda selain isu-isu antarabangsa khususnya membabitkan konflik yang berlaku di negara-negara Islam di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, dua tahun di persada politik perdana, presiden AMANAH itu juga dijangka membentangkan pencapaian semasa parti itu serta pendekatan berterusan yang akan digunakan dalam menjadi sebuah parti penyelesaian kepada malasah rakyat sekaligus

memposisikan parti itu dalam pentas politik negara agar terus relevan.

Konvensyen AMANAH di Alor Setar, Kedah kali ini adalah yang kedua selepas ia dilancarkan gilang gemilang di Shah Alam pada 16 September 2015 lalu.

Konvensyen pertama parti itu pula telah diadakan di Shah Alam pada Disember tahun lalu.

Beserta konvensyen kali ini juga, satu Majlis Kenduri Rakyat dan Rapat Umum Selamatkan Malaysia akan diadakan di perkarangan Wisma Harapan Baru, di Stargate, Alor Setar pada 20 Oktober 2017.

Bermula dengan kenduri rakyat jam 5 petang, program yang melibatkan kerjasama keempat-empat parti dalam Pakatan Harapan itu juga akan disertai ceramah pemimpin utama Pakatan Harapan.

Ia termasuk Pengurus Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Lim Guan Eng serta dan Mohamad Sabu sendiri.

Media online antara punca kurang kehadiran

WALAUUPN kehadiran penyokong Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi dilihat tidak seramai kehadiran dalam himpunan yang pernah dianjurkan pembangkang sebelum ini, ia tidak boleh dijadikan ukuran untuk mengatakan himpunan diadakan ini kurang mendapat sambutan.

Pandangan ini dilontarkan Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar yang berkata, bukan soal jumlah pengunjung tetapi yang penting ialah mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat secara langsung di tempat terbuka dan melalui media pro-pembangkang dan sebagainya.

"Saya yakini sokongan rakyat terhadap pembangkang tidak berubah

cuma medium maklumat hari ini sedikit berubah.

"Jika ada yang tidak hadir saya yakin mereka mengikutinya di media online keseluruhan acara diaturkan," ujarnya ketika ditemui di Padang Timur.

Beliau yang hadir lewat petang bersama dengan pengunjung mendengar ceramah yang disampaikan oleh pimpinan utama empat parti gabungan dalam Pakatan Harapan iaitu acara kemuncak kepada himpunan.

Mahfuz antara pemimpin kanan Pas yang kerap dilihat bersama dalam program dianjurkan Pakatan Harapan turut menyeru rakyat dan pengundi bersama pimpinan Pakatan Harapan

untuk merampas kuasa daripada kerajaan Umno-BN melalui pilihan raya akan datang.

"Saya nak seru kepada rakyat terutama pengundi inilah masa untuk rakyat kembali merampas kuasa melalui pilihan raya.

"Ini kerana zaman selepas merdeka penguasa adalah daripada rakyat tapi hari ini penguasa bukan lagi daripada rakyat tetapi penguasa adalah di kalangan pemimpin kleptokrat.

"Pemimpin kleptokrat perlu disingkirkan oleh rakyat," ujarnya.

Jelas beliau lagi, rakyat harus sedar bahawa rakyat berkuasa terhadap sebuah kerajaan yang akan dibentuk kelak.

"Kita harapkan Kerajaan yang

dibentuk adalah kerajaan rakyat bukan lagi kerajaan yang dikuasai kleptokrat.

"Peringatan kepada semua pemimpin politik yang akan mengambil alih kerajaan kelak, mereka harus ingat mereka tidak akan jadi kleptokrat.

"Jika mereka juga jadi kleptokrat ini

bermakna giliran mereka pula akan ditentang oleh rakyat," ujarnya.

Beliau mengharapkan pemimpin pembangkang akan menjadi satu pemerintah yang bersih daripada sebarang bentuk rasuah dan salah guna kuasa sekiranya rakyat eberikan mandat pada PRU14.

Jamal tidak hadir kerana tidak mahu masuk lokap lagi

PENGURUSI Gerakan Baju Merah Datuk Seri Jamal Md Yunus mengakui tidak hadir ke Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi kerana baru keluar dari lokap dan tidak mahu kembali ditahan di lokap setelah niatnya untuk hadir dihalang pihak polis.

Beliau turut memohon maaf kepada media kerana tidak menepati janji untuk hadir ke lokasi himpunan antikleptokrasi hari ini setelah dimaklumkan

akan hadir oleh orang kanannya.

"Saya mohon maaf kepada semua sahabat media, NGO dan penyokong kerana tidak dapat turun ke Padang Timur, PJ hari ini.

"Ini disebabkan oleh desakan pihak berkuasa yang diterima supaya tidak menghadirkan diri ke lokasi yang diumumkan beberapa kali hari ini... walaupun ikan-ikan yang telah disediakan sudah siap untuk jualan di sana," ujarnya

dalam kenyataan malam ini.

Jamal yang juga Ketua Umno Bahagian Sungai Besar mahu semua pihak maklum akan arahan pihak berwajib.

"Saya maklum dengan arahan pihak berkuasa yang diterima. Baru keluar dari lokap minggu lepas dah nak dimasukan balik minggu ini," ujarnya.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada: luqman.malaysiadateline@gmail.com Sebelum 28 Oktober 2017

Keputusan Shahrir bukti BN tenat di Johor

Oleh MOHD ALI HASHIM

GRIT: Sepatutnya setiap unit kuitans guru yang dikhaskan untuk kakitangan Kementerian Pendidikan dimanfaatkan bagi kemudahan mereka, namun di Klian Intan, Pengkalan Hulu, dekat sini, bangunan empat tingkat tersebut didiami warga asing asal Bangladesh sejak sekian lama.

Malah tinjauan yang dibuat juga mendapati pakaian milik warga Bangladesh disidai memenuhi setiap tingkat kedieman tersebut.

Ketua Penerangan PPBM Bahagian Grik Ayob Abdul Rahman berkata, keadaan ini sekaligus membuktikan kerajaan BN hanya pandai mengnugerahkan kontrak membina bangunan namun gagal memastikan bangunan yang dibina dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat khususnya warga pendidik.



Bangunan rumah kediaman yang sepautunya menjadi kuitans guru kini didiami warga asing Bangladesh.

"Yang menghairankan bagaimana kediaman yang bentuknya seperti sekolah ini tidak dapat digunakan sepenuhnya oleh staf pendidikan.

"Di mana silapnya sehingga ia terbiar begitu sahaja dan merugikan Kementerian Pendi-

dikan yang telah pun mengelarkan dana yang banyak.

"Perkara ini telah dibangkitkan berkali-kali oleh pemimpin Pakatan Harapan semasa sidang Parlimen sebelum ini," katanya.

Sementara itu penduduk



Ayob Abdul Rahman



Md Yunus Yusof



Mohd Faizul Bukhari

alternatif untuk memastikan kuitans guru tersebut dapat memberi manfaat kepada staf pendidikan dan juga para guru," jelasnya.

"Sepautunya kerajaan peduli dan mengambil perhatian serius mengenai peruntukan yang telah dikeluarkan untuk membina bangunan ini.

"Yang lebih mengecewakan, kami penduduk tempatan tidak dapat mendiami bangunan tersebut tetapi warga asing pula yang tinggal di situ.

"Kerajaan mesti mencari

rumah tangga amat memerlukan kediaman.

"Sekiranya Kementerian Pendidikan membangunkan semula bangunan tersebut dan disewakan atau dijual kepada penduduk tempatan, sudah pasti ia akan laku bagi pisang goreng."

"Tetapi kementerian tidak mempunyai idea dan semangat untuk membaik pulih bangunan tersebut, sehingga ia menyakitkan mata memandang," tegasnya lagi.

Rasuah pegawai tinggi buktikan 'ikan busuk dari kepala'

KUALA TERENGGANU: Budaya rasuah yang semakin menular sehingga melibatkan pegawai tinggi kerajaan kini di tahap serius dan masyarakat perlu memandang berat perkara ini, kata Pengerusi Keadilan Terengganu Azan Ismail.

"Saya ambil maklum kenyataan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu bahawa seramai 38 daripada 44 individu yang ditahan SPRM negeri itu kerana terbabit rasuah dan salah guna kuasa sejak Januari tahun ini hingga Khamis lepas," kata ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar itu.

Azan merujuk kenyataan Pengarah SPRM Terengganu Mohd Zaki Hassan bahawa sejumlah 33 pertuduhan rasuah membabitkan penjawat awam sudah dibuat manakala baki 11 individu masih menunggu tarikh pertuduhan.

Menurut beliau, statistik itu menunjukkan peningkatan jumlah tangkapan dan pertuduhan rasuah di Terengganu berbanding hanya 15 tangkapan dengan 18 tuduhan sepanjang tahun lalu dan peningkatan ini jelas menunjukkan gejala ini semakin berleluasa.

"Keadaan ini amat membimbangkan

kerana jika kita mahu menjadi sebuah negara yang benar-benar maju, bebas daripada amalan rasuah maka amalan menolak dan membanteras gejala rasuah menjadi budaya. Amalan ini bukan hanya perlu dibendung tetapi perlu dihapuskan demi masa depan negara yang lebih baik," katanya.

Menurut Azan, berdasarkan statistik Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM, sebanyak 665 kertas siasatan telah dibuka melibatkan penjawat awam sepanjang tahun 2016 hingga Februari lalu.

Sejak 2014 hingga tahun lalu, katanya SPRM telah menahan seramai 2,329 orang dan daripada jumlah tersebut 54 peratus membabitkan 1,267 individu berumur 40 tahun ke bawah.

"Jelas dalam isu ini, 635 individu atau 50 peratus dalam lingkungan usia itu merupakan penjawat awam yang terlibat dalam gejala rasuah," jelas beliau.

Beliau bagaimanapun berharap SPRM tidak hanya memandang kes-kes rasuah kecil namun perlu memberi perhatian terhadap skandal rasuah berskala besar seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Malah tambah beliau, Jabatan

Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) telah menangguhan saman sivil untuk menyita sejumlah aset yang dipercayai diperolehi menggunakan wang yang diselewengkan daripada 1MDB bagi memulakan siasatan kes jenayah.

"Tetapi jelas bagi saya, nampaknya SPRM sedang digunakan untuk menutup amalan 'rasuah tingkat tertinggi' yang merupakan satu tindakan merugikan negara.

"Ia mengesahkan ini satu kleptokrasi dan 'kakistokrasi' ñ sebuah negara yang ditadbir oleh orang yang paling teruk, sangat tidak layak, paling tidak berprinsip dan rasuah," kesalnya merujuk kepada Malaysian Official No. 1 (MO1) seperti terkandung dalam laporan DoJ.

Beliau turut menasihati pemimpin Umno-BN agar bersikap jujur kepada rakyat dan tidak mendidik kakitangan kerajaan sebagai penjenayah rasuah kerana ébusuknya ikan itu selalunya bermula di kepala.

"Gesaan itu juga pernah dinyatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, supaya gejala rasuah perlu dihapuskan bermula daripada kepala-kepala, dan tentunya ia merujuk kepada pimpinan teratas dalam pentadbiran kerajaan Umno-BN," ujarnya.

Tidak perlu bimbang jika Umno-Pas bersatu, kata Annuar

KOK LANAS: Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Annuar Musa berkata rakyat Kelantan sepautunya tidak bimbang jika Umno dan Pas bersatu tetapi perlu bimbang dengan ideologi anti-Islam yang dibawa DAP.

"Kita tidak perlu bimbang jika Umno dan Pas bersatu... yang kita patut bimbang adalah DAP kerana tidak mahu Islam dan Melayu bersatu.

"Malah, Umno dan Pas adalah saudara Islam... buat apa bergaduh. Contoh di Kelantan, negeri ini ketinggalan disebabkan kita saling bertelagah," katanya dipetik BH Online.

Berucap pada majlis Bicara Minda dan Dialog "Perjuangan For All" di Politeknik Kok Lanas, 15 Okt lalu, Annuar yang juga bekas Pengurus Mara bagaimanapun tidak menyatakan jumlah kerusi yang bakal ditandingi DAP di negeri tersebut.

Selain Annuar, turut menjadi panelis pada program bicara dan dialog itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Pengurus Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Penerangan Umno Kelantan, Datuk Md Alwi Che Ahmad.

Sementara itu, Mustapa berkata, Umno muhi memberi perkhidmatan yang lebih baik daripada Pas walaupun parti itu sudah memerintah Kelantan selama 27 tahun.

"Belum ada mana-mana parti pembangkang yang mampu bertahan selama 27 tahun memerintah sebuah negeri seperti Pas di Kelantan.

"Kalau (memerintah) lama, tapi rakyat puas hati tidak apa... jadi kami rasa lebih mampu," katanya.

Serum Alami keluaran Dr. Olive Bodycare

Assalamualaikum dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakananya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Di dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jeragat. Krim ini pula di rumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka di sediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti musim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembap. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat di pasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak

kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu effektif, terutamanya untuk jenis kulit yang kering.

Kelebihan menggunakan serum muka:
1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protein ini sangat diperlukan

untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat menyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan antioxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakan yang berpunca daripada persekitaran.

Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
 - 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jeragat dan meratakan tona warna muka.
 - 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
 - 4) Scar Serum untuk menghilangkan cela dan parut bekas jerawat pada kulit.
 - 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.
- Cara menggunakan Serum:

Serum boleh tahan lama, walaupun ia

nampak sedikit sahaja di dalam botol yang kecil. Sebelum menggunakan serum, muka hendaklah dicuci terlebih dulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikulit muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin. Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!! Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk Dr. Olive Bodycare. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk Dr. Olive Bodycare dan salam hormat dari kami.

HANDMADE
 NO HARMFUL CHEMICALS
 PARABEN FREE
 HALAL

SERUM

CONTENT:

OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

DR. OLIVE BODY CARE

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

-20% Sale
DISCOUNT

5 ML
RM 39.90
RM 31.90

20 ML
RM 159.50
RM 127.70

Natural Safe Effective

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSCRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

PRU14: Menanti pertandingan kompleks dan sukar

Tidak mudah buat sesiapa pun yang tahu akan hakikat 'senario sebenarnya' natijah 'tiga penjuru' untuk secara gampang melahirkan 'keseronokan' dan 'kegembiraannya'. Tegasnya, penulis ini berani mengatakan sama ada peribadi itu 'tidak centre' atau punya niat untuk memenangkan Umno-BN dalam 'setting' tiga penjuru. "

KONVENSYEN ke-2 Parti Amanah Negara (AMANAH) tertangguh, justeru mangkatnya Almarhum Tuanku Sultan Kedah. Minggu ini kami bersidang dengan penuh kesedaran bahawa ia adalah konvensyen sebelum memasuki 'perang besar' yang mendapat jolokan "Ibu Segala Perang" (Mother of All Elections).

Sebagai parti yang berusia dua tahun, pilihan raya umum (PRU) ke-14 ini adalah penglibatan sulung AMANAH. Debarannya bukan kepalang. Selaku seorang Pengarah Strategi parti, diri ini sentiasa diburu 'kecemasan' yang menjadikan kebergantungannya mutlak untuk mendapat tau'iyyah dari llahi lalu menjadikan tidurnya lazim ditamatkan sebelum fajar. Telinganya sentiasa dibumi mendengar segala kajian serta derap langkah lawan yang punya pelbagai rencana untuk kekal berkuasa.

Ya, pertarungan ini adalah yang paling kompleks dan 'sukar' dibaca dalam sejarah perebutan kuasa dalam naratif jatuh-bangun perjuangan politik di tanah air tercinta ini. Dinamikanya sangat rumit dan berliku-liku dan dalam ketidaktentuan dan keharuan itu, 'kejelasan' adalah satu komoditi atau aset yang paling berharga bagi sebuah perjuangan atau koalisi, sama ada yang mencabar atau dicabar.

Mudahnya 'kejelasan' ini mampu dijana dan dijamin, andainya semua parti yang bukan memerintah di peringkat Persekutuan, dianggap 'pembangkang'. Andainya semua parti-parti ini bergabung dalam satu "koalisi besar" atau "Grand Coalition", yakinlah bahawa Umno-BN pasti tumbang, dengan izin Allah juga.

Malangnya bukan begitu kehendak llahi setakat ini. Parti-parti pembangkang berpecah. Pakatan Harapan terdiri daripada Keadilan, DAP, AMANAH dan PBBM (Bersatu), sementara Pas dan beberapa parti kecil lain mahu kekal dalam satu koalisi lain. Sehingga ke saat penulisan makalah ini, 'pertandingan tiga penjuru' hampir akan menjadi realiti dan hakikat. Malang!

Penulis berani menegaskan bahawa termasuk dalam pengertian 'tidak centre' itu adalah yang 'tidak kisah' kalah atau menang kerana kononnya, buat mereka adalah untuk berdakwah dan mencari redha Allah. Kalau 'ilmu mesti mendahului amal' dan risiko serta natijah amal mesti dihitung dengan baik oleh

ilmu 'Ma'alat Al-Af'al' dalam disiplin Maqasid al-Syariah, maka benarlah yang mengatakan sedemikian, sama ada 'tak centre' atau tak habis belajar.

Lalu perbuatan itu bakal mengundang ke-murkaan Allah dan bukan redha Allah, andainya sesuatu matlamat (maslahah) yakni 'menamatkan kemungkaran' yang lebih besar tidak dapat dilaksanakan kerana 'ramai calon pembangkang' andainya kalah dalam pertandingan tiga penjuru, lalu gagal menamatkan urus-tadbir yang bobrok dan curang. Maaf ya.

Sejujurnya, penulis juga mengingatkan pihak-pihak yang 'cenderung akan tiga penjuru', dari mana parti mereka termasuk dari parti penulis, AMANAH, yang suka kerana mereka boleh bertanding lebih banyak kerusi kerana perlu dibahagikan antara hanya 4 parti pembangkang dan bukan 5 atau lebih dari 5, seandainya tercapai satu 'Grand Coalition', di mana termeterai satu 'persefahaman pilihan raya' secara 'konkrit' dan termaktub secara bertulis. Anda dalam kategori ini, yang berhajat "nak bertanding banyak tetapi akan berakhir dengan kalah banyak", perlu juga menyemak 'hati dan minda' anda, demi perjuangan untuk 'Bina Semula Negara' dan 'Sayangi Malaysia & Hapuskan Kerajaan Penyangak-Perompak (Kleptokrasi)'.

Nah, penulis pastinya telah mencetuskan kontroversi kerana telah kononnya mahu 'memujuk' Pas dan kawan-kawan 'kuasa ketiga' ini.

Penulis sekali lagi mengingatkan semua, bahawa apa yang ditulis di atas tadi mestilah segera disedari pimpinan tertinggi parti masing-masing sama ada dalam Pakatan Harapan dan Kuasa Ketiga. Kita masih punya waktu untuk merungkaikan 'kekusutan' ini dan mencapai 'kejelasan' yang diperlukan rakyat supaya pengundi dapat membuat keputusan untuk "menolak kerajaan perompak atau kleptokrat" dan memberikan kemenangan kepada 'Grand Coalition Kerajaan Menanti' ini yang terdiri dari hampir semua parti pembangkang.

Namun apakah penulis ini akan didakwa 'mimpi di siang hari'? Apakah pemikiran seperti penulis, yang dikongsi oleh peribadi-peribadi yang sayangkan pembangkang dan kerap menekan untuk mengelakkan tiga penjuru kerana bakal memberikan kemenangan percuma kepada Najib, seperti Prof Jomo Kwame Sundaram, Datuk S Ambiga, Maria Chin dan yang lain, gagal 'membaca' realiti dan dinamika sebenarnya dalam parti-parti pembangkang khusus pergolakan dalam parti lamanya Pas?

Nah, amat 'naif' lah kalau Pengarah Strategi gagal membaca realiti politik masa kini. Ataukah beliau terpaksa menulis di ambang PRU ke-14 yang semakin hampir ini, untuk 'menuntut' kejelasan dari pimpinan tertinggi Pas bagi membuat pendirian yang jelas, tuntas dan muktamad. Penulis, sejujurnya amat sedar akan wujudnya 'khilaf atau perbezaan' yang agak tajam dan mudahnya, terbelah dua kelompok dalam pimpinan tertinggi Pas di atas perkara ini.

Sementara Pakatan Harapan (PH) semang bersedia untuk 'berunding' bila-bila masa sejak sekian lama, jelasnya Pas mempunyai pelbagai dalih dan alasan.

Hari ini, penulis terpaksa menyatakan, andainya Pas tidak datang ke meja perundingan untuk mencari dan mencapai 'formula kemenangan', maka PH tidak dapat tidak terpaksa membuat sikap bahawa Pas tidak mahu untuk 'menang bersama'.

Maka PH da rakyat terpaksa membuat tanggapan bahawa dalam Pas, fraksi pro-Najib ini yang dominan. Penulis menyambung lagi, bahawa fraksi inilah yang ditanggapi umum sebagai yang 'mendapat habuan atau dedak' dari Najib dan konco-konconya. Tidak perlu penulis butirkan nama-nama mereka walau-pun ada yang memanggil mereka dengan '5-tembikai -- hijau di luar, merah di dalam'.

Dengan tidak mahu bersama dalam satu 'electoral understanding' dengan PH, 'fraksi Pro-Najib' sebenarnya 'melaksanakan' makar jahat Najib-UBN untuk kekal berkuasa dengan mengalahkan pembangkang dengan majoriti lebih besar lagi kononnya. Angka-angka yang lebih terperinci akan penulis kongsikan dalam Forum pada hari Ahad ini anjuran Akademi Keadilan atas tajuk 'Pertandingan 3 Penjuru - Apa Harapan PH?'

Penulis lanjutkan trajektori pemikirannya dengan mendesak 'fraksi anti-Najib' atau 'fraksi pro-pembangkang' supaya jangan sekali-kali mengizinkan perjuangan dan maruah Pas digadai dengan kepentingan segelintir pimpinan tertinggi Pas yang mem-



**ANALISIS
DR DZULKEFLY AHMAD**

pengaruhi Presidennya, yang kini menjadi rahsia umum adalah sangat intim dan mesra dengan musuh tradisinya.

Tidak keterlaluan kalau penulis mengesa pimpinan Pusat 'fraksi anti-Najib', bersama Mursyid Amnya, untuk menuntut dianjurkan muktamar khas buat memutuskan secara musyawarah di peringkat muktamar khas.

Sememangnya tidak mudah untuk sesetengah pihak dan pimpinan dalam PH untuk mempercayai Pas, kalau pun hanya sekadar satu 'persefahaman pilihan raya' justeru pelbagai sejarah yang dilalui. Namun PH bersedia menimbang segalanya demi menjamin 'the winning formula' untuk mengalahkan kleptokrat ini.

Namun andainya gagal 'fraksi anti-Najib' mendapat izin mengadakan muktamar khas lalu gagal atau gagal pula memenangi hujah untuk 'bersama pembangkang', maka jelaslah buat seluruh rakyat, NGO dan PH, bahawa perjuangan politik Pas telah tamat. Pas mahu mengekalkan kuasa Najib-UBN.

Justeru penulis mengingatkan seluruh rakyat dan pengundi bahawa PRU14 hakikatnya hanyalah pilihan raya antara BN Iwn PH. Jelas dan tuntas. Tidak ada dilema lagi!

Mengundi Pas 'sudah tidak lagi relevan' bahkan dianggap merosakkan undi anda. Mengundi Pas akan menggagalkan rakyat untuk mengecapi 'kemenangan dan perubahan' yang dihajati dan diimpikan.

Akhir kalam, dengan sejujurnya, buat rakan-rakan seperjuangan lama saya dalam Pas, andainya pimpinan tertinggi anda mahu kekal pertandingan tiga penjuru, jangan izinkan ia berlaku. Anda punya beberapa langkah yang tidak perlu saya butirkan.

Pesan kalam Rasulullah s.a.w. di saat itu, 'Istafta Kalbuka' (tanyalah hati anda) meskipun manusia telah berfatwa bahawa anda mukallaf... anda bertanggung jawab atas segala tindakan anda sendiri. Anda jangan lanjutkan 'ketidakjelasan ini'.

Buat kami dalam PH, kami akan lawan habis-habisan segala kemungkaran dan kemaksiatan golongan 'mutaffifiin' jelmaan baru ini buat menunaikan perintah Allah SWT 'wastakmarakum fiha' (memakmurkan bumi ini). Anda bagaimana?

■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.

Walaupun pecah lima, Melayu terajui politik negara

Oleh HUSEIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Walaupun orang Melayu dilihat berpecah dari segi politik dengan kemunculan parti-parti politik baru, namun keadaan ini tidak memberi kesan kepada penguasaan Melayu dalam politik negara kerana wujudnya kerjasama antara parti-parti politik.

Sehubungan itu, tanggapan bahawa undi Melayu akan berpecah kepada lima parti iaitu Umno, Pas, Keadilan, AMANAH dan PPBM adalah tidak tepat.

Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar berkata, wujudnya banyak parti politik Melayu membolehkan orang Melayu menyertai parti yang dilihat sesuai dengan jiwa mereka.

Menurut beliau, walaupun wujud pemikir 'politik kuno' yang mendakwa kewujudan banyak parti politik mengakibatkan perpecahan dan melemahkan kuasa politik Melayu, namun pendekatan 'politik penyatuan' dalam pakatan besar (grand

coalition) yang diusahakan para pemimpin politik pembangkang menghakis tanggapan ini.

"Ini adalah kebijaksanaan pemimpin politik pembangkang khususnya Pakatan Harapan (PH) dalam usaha memastikan peralihan kuasa kerajaan dari Umno/BN kepada PH tidak membimbangkan orang Melayu serta rakyat keseluruhan," ujar beliau.

Melalui pendekatan politik ini, jelas Mahfuz tiada kawasan yang majoriti pengundi Melayu ditandingi calon bukan Melayu dari PH sekaligus menolak tanggapan kerusi parlimen Melayu akan berkurangan.

Kerusi pengundi campuran berbilang kaum, ujar beliau akan turut ditandingi calon Melayu PH sedangkan senario sedemikian tidak berlaku dalam BN yang cenderung menyerahkan kerusi campuran kepada calon bukan Melayu dari komponen BN.

Beliau juga yakin pilihan raya umum

(PRU) akan datang bakal menyaksikan pertandingan dua pakatan politik besar iaitu PH dan BN.

"Adapun pakatan Gagasan Sejahtera dilihat sebagai pakatan terpencil dalam PRU ke-14 kerana Pas yang menerajui pakatan itu akan bertanding di 100 kerusi tetapi hanya menyasarkan menang di 40 kerusi."

"Mana mungkin hanya dengan 40 kerusi di Dewan Rakyat Pas mampu membentuk kerajaan baru mengantikan Umno/BN," soal beliau yang juga ahli parlimen yang mewakili Pas.

Sehubungan itu, Mahfuz menasihati orang Melayu agar tidak khuatir melakukan perubahan politik pada PRU akan datang.

"Melayu akan terus kekal berkuasa dan menerajui kuasa baru politik Malaysia bersama kaum Cina, India, Sikh, Siam, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta kaum-kaum lain di negara bertuah Malaysia yang tercinta," katanya.

PH sokong Majlis Raja-Raja, berwaspada elemen perpecahan

KUALA LUMPUR: Ketua Pembangkang Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail menjunjung tinggi titah Majlis Raja-Raja Melayu yang menyeru semua rakyat terus mengamalkan nilai-nilai bermasyarakat dan bernegara berpaduan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Perlembagaan.

"Kebimbangan yang dizahirkan oleh ke bawah duli-duli tuanku mengenai tindakan-tindakan keterlaluan individu-individu tertentu yang boleh menjadikan keharmonian hubungan antara rakyat berbilang agama dan berbilang kaum di negara ini juga harus dipandang serius oleh semua pihak," ujarnya dalam kenyataan hari ini.

Presiden Keadilan itu berkata, partinya menjunjung tinggi keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

"Seperti mana titah ke bawah duli-duli tuanku, lima prinsip Rukun Negara harus dijadikan panduan serta pedoman oleh semua pihak.

"Sesungguhnya kepelbagai dan kerencaman agama, bangsa dan budaya merupakan rahmat dan kekuatan kita. Kepelbagai dan kerencaman itu harus diraikan. Keharmonian di antara rakyat di negara ini harus dipertahankan," ujarnya lagi.

Wan Azizah mengulas kenyataan Majlis Raja-Raja Melayu, 11 Okt lalu yang ditandatangani Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad yang mahu rakyat memahami dan menghormati prinsip-prinsip utama Perlembagaan Negara.

Menurut kenyataan itu, Rukun Negara yang diisytiharkan sebagai ideologi kebangsaan oleh Yang di-Pertuan Agong ke-4 pada 31 Ogos 1970 menggariskan lima cita-cita dan prinsip, perlu menjadi kompas pedoman semua pihak sama ada pemimpin, pentadbir dan rakyat.

Sultan Johor arah henti urusan, Jakim mohon menghadap

BATU PAHAT: Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menitahkan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (Jain) agar tidak lagi berurusan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), susulan kritikan kader Jakim Dr Zamihan Mat Zin terhadap baginda.

Zamihan baru-baru ini dilaporkan mengkritik Sultan Ibrahim yang membidas dobi untuk muslim di Muar yang menjadi perhatian negara.

Baginda berkata, Jakim tidak perlu memberi pandangan agama kepada Johor memandangkan ia tertakluk di bawah bidang kuasa negeri seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Beberapa mufti dan pakar agama telah keluarkan pandangan dan hujah mereka berkaitan perkara ini, namun malangnya ada pula seorang penceramah bernama Ustaz Zamihan Mat Zin yang mengkritik tindakan saya dan memperlekeh mufti tersebut.

"Gaya cakapnya sangat angkuh dan sompong, seolah-olah dia sahaja yang betul dan mencerca bangsa lain..."

"Kalau betul dia penceramah Jakim, saya tidak tahu dari mana Jakim pungut dia. Selepas ini juga saya mengarahkan Jain

tidak perlu lagi buang masa berurusan dengan Jakim," titah Sultan Ibrahim ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kali ke-17, hari ini.

Menyifatkan Zamihan sebagai "tin kosong yang tiada otak", Sultan Ibrahim mendakwa penceramah itu berbohong apabila menafikan kenyataan asalnya selepas menerima kecaman.

"Nampaknya ustaz ini dah pandai berbohong pula, macam mana kita nak belajar dengan dia. Jangan nak temberang dengan saya, lepas ini cukuplah berceramah depan cermin sahaja untuk kenal diri sendiri," titah Sultan Ibrahim lagi.

Zamihan yang juga presiden Persatuan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Aswaja) sebelum ini mendakwa rakaman ceramah beliau diputarbelit media dengan tujuan "mengeruhkan hubungan antara agamawan dan istana".

Pada 11 Oktober lalu, beliau direman polis atas kesalahan mengikut Akta Hasutan bersama Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan dibebaskan dua hari kemudian.

Selain itu, penceramah kontroversi itu

turut diheret ke Lembaga Tatatertib Jakim, selain digantung tauliah ceramah oleh Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Bagaimanapun Sultan Selangor 16 Okt lalu mengarahkan Jais membatalkan tauliah Zamihan dan melarangnya daripada berceramah di Selangor.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Tan Sri Othman Mustapha dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom akan segera memohon perkenan untuk menghadap Sultan Johor berkaitan isu membabitkan Zamihan.

Othman dalam satu kenyataan, 14 Okt lalu berkata, Jakim amat menyanjung tinggi titah Sultan Ibrahim berkaitan dengan jabatan itu.

"Justeru, saya selaku Ketua Pengarah Jakim dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan segera memohon perkenan untuk menghadap Sultan Johor berkaitan isu Ustaz Zamihan Mat Zin pegawai kader Jakim di Penjara Kajang yang menyampaikan ceramah menyentuh tentang dobi mesra Muslim seperti yang ditularkan di media sosial," katanya.

Tun M ucap tahniah kerana Najib selamatkan ekonomi Amerika

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kerana "mampu menyelamatkan kuasa dunia" ketika lawatannya ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Dengan penuh sindiran, bekas perdana menteri selama 22 tahun itu berkata, beliau bangga dengan pencapaian Najib itu.

"Namun saya bangga. Belum ada Perdana Menteri Malaysia yang mampu menyelamatkan kuasa dunia. Tetapi sekarang ada.

"Tahniah kepada kerajaan dan Najib dan Menteri-Menteri BN. Kamu sudah 'put Malaysia on the world map'. Tahniah," tulis Tun Mahathir penuh sindiran di laman blognya chedet.cc.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu juga hairan mengapa beliau ditakuti

Najib dan para pemimpin BN sedangkan beliau sudah pun berusia lanjut.

"Umur sudah 92 tahun. Tak ada duit pun. Jauh sekali nak sogok (Ketua Parlimen DAP) Kit Siang dengan RM1 bilion pun. Tak pernah bangun apa pun (ketika menjawat perdana menteri).

"Tak dilayan seperti Najib oleh Presiden Amerika. Tak dapat sogok (Presiden US Donald) Trump dengan RM90 bilion.

"Tidak dipeluk oleh presiden kuasa dunia terbesar kerana menyelamatkan ekonomi Amerika Syarikat," kata beliau.

Ketika berkunjung ke Rumah Putih baru-baru ini, Najib membawa tiga cadiangan khusus "untuk mengukuhkan ekonomi Amerika" iaitu menambah pembelian pesawat oleh Malaysia Airlines daripada Boeing serta melabur dana

KWSP dalam pembangunan infrastruktur negara itu serta meningkatkan pelaburan Khazanah Nasional di Amerika Syarikat.

Urus niaga dengan Boeing yang pada asalnya lapan pesawat Dreamliners 787 bernilai AS\$2.2 bilion kemudiannya bertukar menjadi komitmen AS\$10 bilion untuk jet dan enjin jet daripada General Electrics.

Bagi Tun Mahathir, BN kelihatan 'bercelaru' kerana tidak dapat menentukan PH 'didominasi' oleh siapa.

Beliau juga menempel Annuar kerana apabila ditanya bagaimana Najib boleh menerima RM2.6 bilion melalui akaun perbadinya, pemimpin Umno Kelantan itu menjawab "DAP akan kuasai PH".

"Tak tahu lah kerana tak dapat dengarkah atau telinga tersumbat dengan dedak,

tetapi yang jelas ialah segala pertanyaan berkenaan 1MDB atau RM2.6 bilion, jawa-punya ialah DAP yang mendominasi PH dan Kit Siang akan jadi Perdana Menteri," sindir Tun Mahathir.

Sebaliknya, kata beliau, parti Cina komponen BN iaitu MCA pula mendakwa Kit Siang sudah menjual dirinya dan DAP kepada PPBM yang diterajui olehnya.

Ini katanya disusuli blogger pelarian mesra BN, Raja Petra Kamarudin (RPK) yang mengumumkan kepada dunia bahawa Tun Mahathir telah menyogok Kit Siang dengan RM1 bilion.

"Wah! Kayanya saya. Tetapi saya tak gila macam RPK. Kalau saya ada RM1 bilion, saya akan bina mahligai dan bukan rumah biasa yang diduduki oleh saya," katanya.

Isa Samad **kekal ahli lembaga pengarah hotel Felda**

KUALA LUMPUR: Selain perbelanjaan misteri RM80 juta yang menjadi punca hotel milik Felda di London mengalami kerugian, Felda juga masih mengekalkan bekas pengurusnya, Tan Sri Isa Samad sebagai ahli lembaga pengarah FIC Grand Plaza Ltd, syarikat yang diwujudkan untuk menguruskan Grand Plaza Serviced Apartments.

Malah Isa dibayar eluan purata RM10,000 sebulan bagi jawatan tersebut seperti yang diterima oleh pegawai-pegawai kanan Felda yang menganggotai lembaga pengarah syarikat walaupun peranan mereka dalam operasi syarikat boleh dipersoalkan.

Mendedahkan perkara ini, Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berkata, maklumat yang diperolehi daripada laporan kewangan FIC Grand Plaza

Ltd yang diaudit dari 2014 hingga 2016 itu membolehkan beliau menjalankan analisa untuk mengenal pasti sama ada kerugian seperti yang ditunjukkan di dalam akaun Felda (melalui FIC UK Properties Sdn Bhd yang digabungkan di dalam penyata kewangan Felda) adalah berpunca dari perniagaan yang benar-benar merugikan, atau ada unsur-unsur penyelewengan atau amalan tata kelola yang lemah.

"Salah satu perbelanjaan sebegitu yang diisytiharkan di dalam penyata kewangan FIC Grand Plaza Ltd (atas kehendak undang-undang) ialah bayaran gaji kepada pengarah-pengarah. Semakan saya ke atas kesemua penyata kewangan diaudit FIC Grand Plaza Ltd dari penubuhan hingga sekarang menunjukkan kesemua ahli lembaga



Isa Samad

pengarhunya dilantik oleh Felda dan merupakan pegawai-pegawai kanan Felda.

"Peneroka Felda perlu tahu bahawa pimpinan kanan Felda ini dibayar secara purata sehingga RM10,000 sebulan untuk menjadi ahli Lembaga Pengarah sebuah syarikat yang operasinya hanya menyewakan apartment mewah di London," ujar beliau.

Menurut Rafizi, gaji sehingga RM10,000 sebulan itu adalah tambahan kepada pelbagai gaji, eluan dan keistimewaan lain sedangkan mereka tidak memegang apa-apa peranan kritikal kepada operasi anak syarikat Felda di United Kingdom itu.

Beliau menambah, Isa dilantik sebagai ahli pengarah syarikat pada 28 Mei 2016 dan semakan dengan rekod syarikat di Companies House UK menunjukkan pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) itu masih kekal memegang jawatan itu. Kajian Rafizi juga mendapati terdapat perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan operasi Grand Plaza SA yang dikenakan oleh pihak ketiga (sama ada orang perseorangan, syarikat dari

kumpulan Felda atau syarikat yang tidak ada kena mengena dengan Felda) kepada FIC Grand Plaza Ltd yang jumlahnya masing-masing diunjurkan sekiranya RM25 juta (2014), RM29 juta (2015) dan RM28 juta (2016).

Perbelanjaan-perbelanjaan yang mencecah RM82 juta itu, katanya ditunjukkan sebagai kos pentadbiran (administrative expenses).

"Oleh kerana perbelanjaan seperti ini tidak memberi gambaran yang tepat mengenai keberuntungan (profitability) sebenar sesebuah operasi perniagaan, sebab itulah banyak laporan kewangan merujuk kepada EBITDA (earnings before interest, tax, depreciation and amortisation) yang mengasingkan perbelanjaan-perbelanjaan 'pengurusan/

pentadbiran' seperti ini," ujarnya.

Rafizi percaya banyak perkara yang mampu didedahkan termasuk butiran perbelanjaan berbentuk pengurusan dan pentadbiran yang dicaj ke syarikat tersebut sehingga mengakibatkan kerugian sedemikian rupa.

"Saya ada banyak lagi perkara-perkara yang akan menimbulkan banyak persoalan mengenai keborosan Felda melalui anak-anak syarikat luar negara seperti ini. Saya berharap Felda akan memberi penjelasan kerana pendedahan-pendedahan selepas ini akan memalukan Felda," ujarnya.

Felda juga dilapor telah melantik ejen-ejen hartanah untuk mencari pembeli kepada hartanah mewah miliknya itu.

Felda tak jawab isu Isa, jelaskan tentang 'bayaran misteri'

KUALA LUMPUR: Pengurus Felda Tan Sri Shahril Abdul Samad menjelaskan bahawa penjualan Grand Plaza Serviced Apartments adalah salah satu daripada inisiatif penyusunan semula aset-aset Felda yang sejajar dengan keputusan agensi itu untuk menjual aset-aset yang tidak berkaitan dengan operasi terasnya.

Dalam satu kenyataan media yang disalurkan melalui Bernama 12 Okt lalu, Shahril mengakui sehingga kini, terdapat 54 pihak yang menyatakan minat untuk membeli Grand Plaza Serviced Apartment dan proses penjualannya di peringkat terakhir bagi meneliti tawaran yang baik dan munasabah.

Shahril menjawab persoalan yang dibangkitkan Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berhubung isu-isu membabitkan penjualan harta tanah mewah Felda di London khususnya Grand Plaza Serviced Apartments.

"Saya yakin bahawa penjualan hotel ini

adalah sejajar dengan hala tuju Felda untuk 'balik asal' dan akan memberi impak yang positif kepada kewangan Felda.

"Selain itu, ini dapat membantu Felda untuk fokus kepada pengurusan ladang peneroka bagi memastikan pendapatan peneroka yang tinggi sekaligus memastikan kebijakan dan kesejahteraan peneroka terbaik," ujarnya.

Shahril turut menjelaskan mengenai 'perbelanjaan misteri' operasi Grand Plaza Serviced Apartments berjumlah RM80 juta seperti didebakkan Rafizi dan menganggap dakwaan itu sebagai tidak berasas.

Menurut beliau, komponen utama perbelanjaan pentadbiran (administrative expenses) FIC Grand Plaza Ltd yang dirujuk Rafizi adalah bayaran kadar pajakan tahunan.

"Kadar pajakan ini merupakan bayaran sewaan yang perlu dibuat oleh FIC Grand Plaza Ltd yang merupakan syarikat yang

menguruskan perniagaan bagi pihak syarikat induk, iaitu FIC UK Properties Sdn Bhd.

"Ini jelas dinyatakan di dalam Detailed Income Statement yang merupakan sebahagian daripada penyata kewangan FIC Grand Plaza Ltd," ujarnya.

Rafizi pada sidang media 10 dan 11 Okt lalu menuntut penjelasan Felda berhubung isu-isu berbangkit daripada penjualan Grand Plaza Serviced Apartments.

Antaranya beliau mendedahkan bagaimana ahli lembaga pengarah FIC Grand Plaza Ltd, syarikat yang diwujudkan untuk menguruskan Grand Plaza Serviced Apartments membayar purata RM10,000 sebulan kepada ahli lembaga pengarhunya yang terdiri daripada pegawai kanan Felda di saat ia mengalami kerugian.

Malah bekas pengurus Felda Tan Sri Isa Samad yang ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

berhubung skandal pembelian hotel Felda di UK dan Kuching kekal sebagai ahli lembaga pengarah syarikat dan mendapat manfaat yang sama.

Shahril turut menafikan dakwaan Rafizi bahawa pembelian Grand Plaza Serviced Apartments dibuat melalui pinjaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Grand Plaza Serviced Apartments dibeli melalui hasil penyenaraian FGV (Felda Global Ventures) pada tahun 2012. Perkara ini telah saya maklumkan kepada pihak media pada 12 Februari 2017 dan mendapat liputan akhbar-akhbar utama."

"Oleh itu dakwaan kedua YB Rafizi bahawa Felda akan kerugian RM38 juta akibat jualan Grand Plaza Serviced Apartments juga tidak tepat kerana pembelian ini menggunakan dana dalaman Felda dan tidak menanggung sebarang kos bayaran faedah," ujar Shahril.

Sikap membisu Najib terhadap teguran Raja-Raja Melayu mengecewakan

KUALA LUMPUR: Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang mempersoalkan sikap membisu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Kabinetnya terhadap teguran Majlis Raja-Raja Melayu berhubung isu keharmonian dan perpaduan di kalangan rakyat negara ini.

Kit Siang berkata, pelbagai pihak mengalukan kenyataan yang dikeluarkan Majlis Raja-Raja Melayu itu kerana dilihat bertepatan dengan suasana semasa yang semakin menuju ke arah ekstremisme dan fahaman sempit.

"Nampaknya kabinet bukan sahaja telah lupa akan prinsip pembangunan negara yang termaktub dalam Perlumbagaan, mereka juga lupa terhadap prinsip Rukunegara seperti

yang dinyatakan dalam kenyataan Majlis Raja-Raja Melayu itu," katanya dalam kenyataan, 12 Oktober lalu.

Menurut kenyataan yang ditandatangani Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu, Tan Sri Syed Daniel Syed Ahmad itu, Raja-Raja Melayu percaya bahawa perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama adalah komponen utama dalam memastikan kestabilan negara.

"Setelah 60 tahun mencapai kemerdekaan, amatlah penting untuk rakyat terus mengamalkan nilai-nilai bermasyarakat dan bernegara berpandukan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam Perlumbagaan serta didukung oleh semangat yang terkandung di

dalam Rukun Negara," kenyataan Majlis Raja-raja bertarikh 11 Okt itu ditetapkan.

Kenyataan itu juga menyentuh tindakan sesetengah individu yang disifatkan sebagai keterlaluan sehingga dibimbangi boleh "menjejaskan keharmonian hubungan antara rakyat pelbagai agama dan kaum".

"Raja-Raja berpendirian bahawa isu keharmonian membawa implikasi yang lebih mendalam sekiranya sesuatu tindakan itu bersabit dengan dan dilakukan atas nama Islam."

"Imej Islam sebagai agama yang menggalakkan penganutnya bersikap toleran, sederhana dan inklusif wajib dipertahankan

daripada dicemari oleh tindakan-tindakan yang bersifat keterlaluan dan memisahkan rakyat," titah Majlis Raja-Raja.

Mengulas lanjut, Kit Siang yang juga Ahli Parlimen Gelang Patah berkata, Najib sebenarnya telah gagal dalam usaha mempromosikan dasar kesederhanaan yang dipelopori menerusi Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) berikut kenyataan yang dikeluarkan Majlis Raja-Raja Melayu itu.

Malah katanya, ia turut dapat dilihat menerusi perletakan jawatan bekas Pengurus Eksekutif dan pengasas GMM, Datuk Saifuddin Abdullah yang sekarang menyertai Pakatan Harapan dan menjadi Ketua Setiausaha gabungan itu.

Cina rela rosakkan undi dari pilih Pas, Umno

KUALA LUMPUR: Satu tinjauan yang dijalankan akhbar berbahasa Cina, Oriental Daily mendapat sebahagian besar responden rela merosakkan undi jika mereka terpaksa memilih antara mengundi sama ada Umno atau Pas. Daripada 14,602 responden itu, 70.97 peratus berkata mereka rela merosakkan undi jika pilihan mereka hanyalah Pas atau Umno, manakala 15.74 peratus berkata mereka akan menyokong Umno dan 13.29 peratus

pula berkata mereka akan mengundi Pas.

Kebanyakan responden (79.55 peratus) berkata "tadbir urus yang baik" adalah pertimbangan utama mereka semasa mengundi, diikuti dengan faktor ekonomi dan kesaksamaan.

Lebih 84.15 peratus responden mengharapkan kerajaan persekutuan baru selepas pilihan raya umum akan datang.

Hanya 6.47 peratus yang berharap

BN akan terus berkuasa manakala hanya 4.09 peratus berharap BN akan mendapat semula majoriti dua pertiga.

Sementara itu, majoriti responden iaitu 63.61 peratus memilih jawapan "tidak ada seorang pun di atas" apabila diminta memilih salah satu dari empat pemimpin Umno bagi menerajui negara.

Daripada empat pemimpin itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein mengetuai undian dengan 19.69 peratus

diikuti Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin (12.15 peratus) dan presiden Umno Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan presiden Umno, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi paling tidak disukai (0.74 peratus).

Sementara itu, mengenai pimpinan Pakatan Harapan pula, majoriti responden memilih Ketua Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon perdana menteri mereka.

Ini diikuti dengan Setiausaha Agung

DAP Lim Guan Eng (19.74 peratus) dan Timbalan Presiden PKR Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (10.42 peratus).

Pengerusi Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad hanya mendapat 8.75 peratus undian, diikuti dengan Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (6.26 peratus) dan Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin (1.5 peratus).

Bagi jawapan "tidak ada seorang pun di atas" seramai 14.36 peratus yang memilihnya, lapor Malaysiakini.

Pemimpin Pas mahu kerajaan BN tahan Tun Mahathir

KUALA LUMPUR: Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Muhtar Suhaili mahu Tun Dr Mahathir Mohamad ditahan mengikut Akta Hasutan 1948 berhubung ucapan pada Himpunan Anti-Kleptokrasi, 14 Okt lalu di Padang Timur, Petaling Jaya.

Kata beliau, ucapan bekas perdana menteri itu jelas bukan sahaja menghinai perdana menteri Datuk Seri Najib Razak tetapi adalah melampau dan 'kurang ajar'.

"Saya menyeru pihak berkuasa untuk menahan Tun M (Dr Mahathir) di bawah Akta Hasutan!"

"Lebih menjengkelkan hadirin di

himpunan tersebut turut bersorak dan seolah-olah bersetuju dengan sikap rasis yang ditunjukkan Tun M," katanya dalam satu kenyataan yang dimuatkan di portal berita rasmi Pas, Harakahdaily.

Muhtar merujuk ucapan pengurus Pakatan Harapan itu yang menggesa Najib supaya 'balik' ke Sulawesi, tempat asal bagi mereka yang berketurunan Bugis.

Muhtar yang juga bendahari Pemuda Pas Pusat berkata, sikap Tun Mahathir itu tidak mencerminkan dirinya sebagai seorang negarawan.

"Ini bukan ajaran Islam! Melayu, Cina, India, Mamak, Bugis, Jawa, Banjar, Iban, Kadazan dan semua bangsa sama di sisi Allah melainkan takwa!

"Lebih daripada itu, ini juga bukan ucapan seorang negarawan yang ingin mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam negara. Bahkan beberapa Sultan di Malaysia juga beketurunan Bugis," katanya.

Himpunan "Sayangi Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi" diadakan bagi memberi penerangan mengenai skandal kewangan 1MDB dan kesannya kepada rakyat Malaysia.

Rafizi persoal 'syarikat kabur' pegang aset Felda

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mempersoal beberapa aset Felda di luar negara yang dipegang syarikat-syarikat berpangkalan di British Virgin Islands (BVI) meskipun laporan audit Felda menyatakan aset-aset tersebut dipegang entiti yang didaftarkan di United Kingdom (UK).

Rafizi memberi contoh laporan audit yang menunjukkan Grand Plaza Kensington Hotel di London yang dibeli Felda dengan harga RM330 juta diletakkan di bawah FIC London Hotel (Private) Limited yang didaftar di UK tetapi dimiliki sebuah syarikat luar pesisir dengan nama yang sama di BVI.

Menurut beliau, aset-aset Felda seperti Felda House Wembley berharga RM380 juta dan Grand Felda Hotel di Wembley, UK yang berharga RM656 juta turut diletakkan di bawah syarikat luar pesisir BVI namun didaftar atas nama FIC Global Ltd.

PEMILIK SYARIKAT BVI RAHSIA

Beliau memaklumkan entiti yang didaftarkan di UK itu disenaraikan sebagai anak syarikat Felda daripada rekod awam tetapi tidak disebut berkenaan syarikat luar pesisir yang didaftarkan di BVI yang menggunakan nama yang sama.

"Kenapa Felda House perlu diletakkan di bawah syarikat yang didaftarkan di BVI yang mana pemiliknya adalah rahsia?" soal beliau dalam satu kenyataan media 16 Okt lalu.

Rafizi yang juga ahli parlimen Pandan turut menyentuh berkaitan Felda House yang dicaj Bangkok Bank Public Company Limited untuk pinjaman sebanyak RM60 juta bagi FIC Management Houses Pte Limited.

Semakan beliau mendapati FIC Management Houses Pte

Limited yang menguruskan Felda House dan mengutip sewa adalah anak syarikat pelaburan Felda iaitu Felda Investments Corporation (FIC).

Bagaimanapun, beliau mendakwa tiada rekod pinjaman FIC Management Houses Pte Limited dalam laporan kewangannya.

Rafizi menggesa Felda untuk menjelaskan pemilikan entiti BVI dan status pinjaman itu.

Rafizi Ramli



Rakyat perlu sokong titah Raja Melayu



MAJLIS Dakwah Negara (MDN) menyeru rakyat supaya menjunjung titah Raja-Raja Melayu berhubung kepentingan menjaga hubungan antara kaum dan peri pentingnya menjauhi perkara-perkara sensitif yang boleh menjelaskan perpaduan rakyat negara ini.

Pengerusinya Prof Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi Ab Majib berkata, Raja-raja Melayu pastinya telah mengkaji situasi semasa dan bimbang dengan tindak-tanduk yang boleh menjaskan keharmonian dan perpaduan rakyat pelbagai kaum dan agama.

"Duli Raja-raja telah mengambil inisiatif bersama untuk mengajar pemimpin politik dan rakyat sedangkan perkara ini (teguran) tidak pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Majlis Raja-raja Melayu dalam satu kenyataan dikeluarkan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Melayu Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad mahu rakyat memahami dan menghormati prinsip-prinsip utama yang terkandung di dalam perlombongan negara, yang digubal berdasarkan persefahaman bahawa negara ini adalah negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai agama dan kaum.

Raja-Raja Melayu juga percaya perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama adalah komponen penting dalam memastikan kestabilan Malaysia, dan Rukun Negara harus menjadi kompas pedoman oleh semua pihak baik pemimpin, pentadbir dan rakyat keseluruhannya.

Tunjuk bukti penjual ikan mahal ahli DAP

AHLI Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua mencabar ketua kumpulan baju merah Datuk Seri Jamal Md Yunus membuktikan dakwaan kononnya peraih dan penjual ikan ahli dan penyokong DAP antara punca harga ikan dijual mahal di pasaran.

"Tuduhan Jamal itu tiada sebarang bukti pun... saya pun boleh buat tuduhan dia ahli parti komunis Cina, Tunjukkan buktihlah jika ada penyokong dan ahli DAP yang jual ikan harga mahal," ujar beliau kepada Malaysia Dateline.

Tony Pua yang juga Pengurus DAP Selangor berkata, keahlian DAP kini seramai 150,000 adalah kecil berbanding ahli Umno yang didakwa berjumlah 3 juta orang sedangkan dakwaan Jamal itu hanya membabitkan ahli dan penyokong DAP sahaja.

"Adalah tidak masuk akal hanya ahli DAP yang menjadi peraih (orang tengah) atau penjual ikan. Orang Umno tak jadi peraih ikan atau penjual ikankah?" soal Tony kepada ketua Umno Bahagian Sungai Besar itu.

Himpunan Sayangi Masyarakat untuk hapuskan Kleptokrasi



Presiden AMANAH Mohamad Sabu bersalaman dengan anggota polis bertugas.



Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Faiz Fadzil menyerahkan bendera konvoi Pemuda Pakatan Harapan kepada Mohamad.



Mukhriz Mahathir bersalaman dengan Mohamad sambil diperhatikan Muhyiddin, Dr Xavier Jayakumar dan Saifuddin.



Ribuan orang ramai menghadiri acara Hapuskan Kleptokrasi di Padang Ti...

Persembahan kebudayaan masyarakat Orang Ulu, Sarawak.

Aksi tarian singa mencuit hati pemimpin Pakatan Harapan.


Tarian kebudayaan masyarakat India.

Seni silat Melayu membuka langkah.

aysia serlah sokongan n kleptokrasi



ara kemuncak Himpunan Sayangi Malaysia,
mur MBPJ, malam 14 Okt lalu.



Pengerusi Pakatan Harapan Tun
Mahathir Mohamad membaca
kan deklarasi himpunan.



Menurunkan tandatangan sokongan
terhadap Pakatan Harapan.



Penasihat Umum
AMANAH mengimamkan solat
Maghrib berjamaah di Padang
Timur.



Para pemimpin Pakatan Harapan
melambai kepada hadirin ketika
himpunan berakhir.



Contohi anak muda Cina celik politik

Oleh ARIF ATAN

TUN Mahathir pada usia 93 tahun masih tenang dan lancar berucap. Pak Samad yang uzur dengan terbatuk-batuk di hujung bacaan puisinya berjudul 'Hidup Bersama' tetap bersemangat untuk melawan rejim.

Tidak jauh daripada saya, kelihatan seorang tua berkerusi roda tekun mendengar ucapan pimpinan Pakatan sehingga program melabuhkan tirai pukul 11 malam.

Sepasang anak muda Tionghoa pula nampak jelas teruja sejurus melihat kelibat Datuk Seri Mukhriz Mahathir sedang turun dari pentas.

Situasi sepanjang 11 jam berlangsungnya Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi pada 14 Oktober lalu menyaksikan kehadiran semua segmen pengundi mengikut usia dan kaum.

Ironinya, di media sosial sebahagian belia Melayu yang sebelum ini memang anti Umno-BN tidak sudah-sudah menghukum dan menolak Pakatan Harapan atas alasan menghulurkan



Anak muda tanpa mengira kaum perlu celik dan cakna dengan perkembangan politik negara.

kerjasama dengan Mahathir.

Walhal, pemerintahan Umno-BN sedia ada sudah terlalu teruk. Korupsi telah mencapai tahap kleptokrasi lantaran rantaian kefasadan yang mengakar lebih sentengah abad.

Ada yang mendakwa sebahagian anak muda sudah 'letih' dengan situasi politik semasa.

Benarkah begitu atau sekadar alasan untuk tidak bertanggungjawab?

Setakat Februari lalu, kelompok 4.1 juta rakyat Malaysia yang belum berdaftar sebagai pengundi terdiri daripada anak muda dengan majoritinya adalah kaum Melayu.

Adakah antara mereka yang tidak mendaftar

sebagai pemilih itu turut mencemuh keberadaan Mahathir dalam Pakatan Harapan? Mengapa tidak sama-sama menampung kekurangan dan memperbaiki apa yang kurang mengikut kapasiti masing-masing?

Anak muda Melayu yang konon menganggap BN, Pakatan sama saja tapi tidak mendaftar sebagai pemilih atau sudah daftar tidak mahu keluar mengundi dengan alasan "letih, bosan politik kotor" harus celik bahawa majoriti anak-anak muda Tionghoa tidak pernah bosan atau malas untuk berubah kepada pemerintahan yang lebih baik.

Seorang belia Cina yang mulanya senyum kepada saya, apabila ditanya, adakah jaminan jika Pakatan Harapan kalau diberi mandat mengemudi kerajaan akan bersih dan adil seperti dijanjikan?

Dia menjawab mudah: "Kalau dia lima tahun (diberi mandat) rasuh, kita kasi tukarlah. Apa sebab mahu simpan? Bila kita setiap kali election tukar itu yang pegang Putrajaya, dua-dua akan cuba buat yang terbaiklah".

Elak Islam dianggap kasar, ekstrem

KETUA Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi menyifatkan fahaman perkauman penyebab munculnya situasi yang menjadikan kaum Tionghoa sebagai sasaran serangan seperti isu larangan menggunting rambut di kedai Cina.

"Kenapa semenjak dua ini kawan-kawan berbangsa Tionghoa sering menjadi sasaran serangan khusus dari para asatizah?

"Mereka yang bergelar ustaz bahkan ada PhD tetapi masih tidak boleh hadam usul dakwah dan kebebasan (hurriyyah) dalam sebuah negara.

"Inilah hasil dari amalan, ajaran dan anutan assobiyyah (perkauman) yang hanya melihat gagahnya kaum dan agama itu apabila boleh mengherdik, menghina dan mengeji orang yang

berlainan agama dan kaum," katanya dalam satu kenyataan, 17 Oktober lalu.

Sehubungan itu, beliau tidak hairan sekiranya Islam dilihat sebagai kasar, ganas, ekstrem dan keras berdepan dengan permasalahan masyarakat.

"Apa yang Rasulullah telah tunjukkan tidak lagi menjadi ikutan. Jika ini tidak dibendung, saya tidak pelik akan ada satu gerakan yang terus menerus mengganggu gugat keharmonian negara atas nama bangsa, agama dan kepartian.

"Bagi kawan kawan berlainan agama dan bangsa dengan saya, ketahuilah apa yang telah terjadi itu bukan ajaran sebenar Islam dan mohon agar kita terus bersama meneruskan keharmonian sesama kita demi negara yang kita sama-sama sayangi," ujarnya.

Mengulas tentang penahanan seorang ustaz baru-baru ini kerana mengeluarkan kata-kata keras kepada Tuanku Sultan ekoran isu dobi

Muslim, Abbas berpendapat di negara yang harmoni ini, masing-masing saling memahami dan menghormati antara satu sama lain.

"Menudung jari kaum itu kotor, kaum ini bersih adalah satu tindakan yang kurang bijak apatah lagi melibatkan Islam. Agama itu indah dengan tutur kata yang baik dan memuliakan sesama manusia.

"Ada juga dan ramai Melayu yang tidak mementingkan kebersihan. Membuang najis di pesisir pantai di kawasan majoritinya Melayu Islam adalah sangat buruk," ujarnya.

Beliau turut menyifatkan sudah menjadi lumrah kehidupan apabila mana-mana agama mempunyai penganutnya sama ada baik dan buruk.

"Jika semua manusia kembali kepada agama anutan masing-masing, saya yakin hubungan sesama kita akan semakin akrab," tambahnya lagi.



LAWAN FITNAH... Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil bersama Pengarah Komunikasi AMANAH Nasional, Khalid Samad pada 17 Oktober lalu dalam sidang media berkaitan Notis Tuntutan terhadap Dato' Prof Mahamad Naser Disa atas terbitan kata-kata fitnah terhadap Khalid.

Peniaga dihina premis sempit

ENTAH apa pertimbangan pihak Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dengan lokasi terpencil dan ruang niaga yang amat sempit di Pasar Siti Hajar.

Tidak hairanlah sebahagian daripada 516 peniaga di Pasar Besar Pasir Puteh berbelah bahagi untuk berpindah dan bermiaga di kawasan bandar baharu Pasir Puteh Sentral.

Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan berkata, pihak MDPP wajar menyediakan ruang lebih sesuai sepadan dengan kos hampir RM7 juta yang dibelanjakan termasuk RM2.3 juta untuk menambahbaik semula premis.

Beliau dalam tinjauannya di lokasi tersebut, 16 Oktober lalu memberitahu peniaga tidak berpuas hati dengan saiz premis yang terlalu kecil untuk meletakkan barang selain ruang akses terlalu sempit.

"Mereka (peniaga) cari duit hari-hari untuk meneruskan hidup menyara keluarga tetapi ditekan rejim zalim di negeri sendiri.

"Keadaan ini satu penghinaan kepada rakyat terutama peniaga. Ini bukan pasar. Ini seperti tempat menyediakan binatang bukan untuk manusia," bidasnya sambil seorang individu bertubuh kurus menunjukkan demonstrasi cuba keluar menerusi laluan yang amat sempit

itu.

Sehubungan itu, Hazmi menyifatkan tekanan dialami peniaga terbabit adalah gambaran wajah kerajaan negeri diterajui Pas sebagai parti pemerintah yang tidak cakna rakyat.

"Kalau kita kasihan kepada etnik Rohingya dan Palestin, di sini pula ratusan peniaga Pasir Puteh ditindas. Periuk nasi mereka telah ditabur pasir.

"Saya berharap ahli majlis Pasir Puteh buktikan dia boleh bermiaga di sini. Nampaknya, peniaga di sini sudah tiada undi kepada Pas. Kami (AMANAH) akan membantu setakat mana yang mampu," jelasnya dalam rakaman video yang kemudian dimuat naik di Facebook Pemuda AMANAH Kelantan.

Turut mengheret rasa tidak puas hati peniaga apabila kadar sewa RM200 sebulan yang dikenakan agak tinggi berbanding hanya perlu membayar hasil RM1 sehari di pasar lama.

Tidak sampai 20 peniaga memulakan perniagaan pada hari pertama Pasar Siti Hajar di Pasir Puteh Sentral beroperasi, 15 Oktober lalu.

Walau bagaimanapun, terdapat 375 daripada 516 peniaga Pasar Besar Pasir Puteh sudah menurunkan tanda tangan sebagai bersetuju untuk berpindah.

Giatkan pendidikan demokrasi, karakter kepemudaan

Kelolaan ARIF ATAN

PERTUBUHAN Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) menegaskan pendidikan demokrasi dan karakter kepemudaan berlandaskan keilmuan yang benar amat penting dijatikkan kembali di Universiti Awam (UA) bagi memastikan mahasiswa lebih bertanggungjawab.

Exco Antarabangsa PKPIM Pusat, Halmie Azrie Abdul Halim berkata, kecelikan terhadap perjalanan Pilihan Raya Kampus (PRK) mutakhir ini semakin merosot kesan daripada situasi ekonomi semasa.

Iklim siasah kepartian di peringkat nasional serta ketidakstabilan politik di peringkat luar negara yang mendukacitakan, ujarnya, juga punca sebahagian mahasiswa tidak cakna pada proses PRK.

"Kebanyakan anak muda hari ini memilih untuk tidak melibatkan diri atau lebih drastik mengabaikan terus PRK kerana kecewa dan penat dengan situasi yang berlaku di sekeliling mereka seolah-olah membatas atau merampas kemampuan mereka untuk melaksanakan perubahan," katanya.

Menurutnya, teknologi komunikasi dan media turut memberikan alternatif kepada anak muda untuk menyumbang hanya kepada perkara tertentu yang diinginkan sahaja.

Akibat situasi itu, jelasnya, PRK menjadi hambar lantaran cuma disertai dan didukung oleh segelintir pihak sahaja.

Walau bagaimanapun, Halmie



di kampus bukanlah segalanya dalam memperkatakan kelompongan yang wujud dalam pengajuran PRK.

"Tidak wajar pula untuk mana-mana mahasiswa atau mahasiswi membuat tanggapan berpencak untuk kekuasaan itu sakral dan mutlak.

"Ianya adalah lumrah untuk melihat wujudnya perbezaan atau penentangan pendapat dalam meraikan acara yang pada spesifikasi tertentu merupakan suatu peristiwa signifikan untuk dibicarkan," katanya.

Beliau berpendapat PRK menepati ciri-ciri gagasan sebuah universiti yang ideal dalam menggalakkan suasana pertarungan idea-idea bernes yang berkualiti tinggi.

Pada masa sama, ujarnya, PRK juga menjadi salah satu komponen induk kepada pembudayaan nilai serta prinsip demokrasi yang telah disemai sebagai kaedah berpolitik di tanah air ini.

"Pembentukan watak individu-individu yang terlibat langsung dalam PRK juga terkesan lantaran berhempsah pulas menyusun atur strategi, membina jaringan-rangkaian antara komuniti dan mengukuhkan kredibiliti di kalangan para pengundi," jelasnya.

Turut terbentuk adalah keupayaan untuk berpidato atau pengucapan awam, mendidik kemahiran dalam diri dengan pendedahan pengalaman yang unik, memperkemas ketrampilan

mengakui keghairahan berpolitik



Angkatan Mahasiswa di UM antara kumpulan yang meletakkan calon pada PRK baru-baru ini.

potensi serta mengasah kemahiran pengurusan.

"Namun ia bukan bermakna bahawa setiap orang dike-

mengenai realiti 'sepak terjang' pilihan raya kampus," ujarnya.

Mengulas tentang PRK di UA

bagi sesi kali ini, Halmie berkata, dikotomi blok politik yang sebelum ini dikelaskan sebagai Pro-Aspirasi (berwawasan kerajaan) dengan beberapa variasi tertentu menentang Pro-Mahasiswa (bernadikan oposisi) yang turut mempunyai jenama tertentu sudah tidak lagi diguna pakai secara mutlak.

"Contoh paling menyerlah adalah di kampus Universiti Malaya (UM) yang hari ini menyaksikan pelbagai jenis fraksi muncul hasil dari berpecahnya dua blok tradisi sebelum ini dari krisis dalam gerakan mahasiswa yang terjebak dengan iklim politik nasional," jelasnya.



nakan kewajipan untuk terlibat. Pilihan raya juga tidak pernah menentukan kejayaan seseorang di dunia mahupun di akhirat kelak.

"Hanya yang benar-benar layak dan berkebolehan sahaja perlu menawarkan diri dengan niat ikhlas untuk berkhidmat kepada umat.

"Antara perkara yang wajar untuk diambil perhatian secara serius oleh mahasiswa-mahasiswi sekalian adalah aspek menajamkan kefahaman

Sepintas NEWS

Mendadak sukar dikawal

Keperluan golongan miskin dan sederhana bandar (B40 dan M40) perlu diberi perhatian khusus dalam Bajet 2018 yang dijadual dibentangkan pada 27 Oktober ini, kata Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Noor Mohamad Shakil Hameed.

Ujarnya, golongan tersebut cukup terkesan akibat kenaikan kos sara hidup yang berlipat kali ganda melampaui kemampuan gaji yang diperoleh setiap bulan.

"Peningkatan dilihat berlaku secara mendadak dan semakin sukar dikawal. Keadaan ini menunjukkan rakyat umpsama tersepit dalam kehidupan yang semakin mencabar," dipetik daripada rencananya baru-baru ini.

Nilai mata wang yang tidak stabil, tambahnya, menyebabkan semua harga barang mendadak naik sekaligus mengurangkan nilai pegangan wang tunai dalam kalangan rakyat.

Harapan warga universiti

Bajet 2018 diharap memberi khabar gembira kepada warga Universiti Awam (UA) termasuklah melaksanakan penambahbaikan skim gaji pensyarah yang sekian lama diperjuangkan, kata Dr Rohami Shafie.

Pensyarah Kanan Perakaunan dan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM) itu berkata, Malaysia memerlukan ramai tenaga pakar berijazah kedoktoran memandangkan agenda besar negara dalam Transformasi Nasional 2050 (TN50) menitikberatkan kualiti modal insan tempatan.

Jelasnya, Kerajaan harus sentiasa menyokong rakyat tempatan meneruskan pengajian termasuklah dalam bidang sains sosial sehingga ke peringkat ijazah kedoktoran.

"Kerajaan perlu terus membantu mereka ini terutamanya dari sudut kewangan memandangkan aspek ini cukup kritikal bagi membolehkan mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi," ujarnya lagi.

Disiplin ilmu berganding

Pensyarah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Shamrahyu A Aziz berkata, pemikir perundangan perlu digandingkan dengan pemikir dalam beberapa disiplin ilmu lain berkaitan seperti sejarah, sosiologi atau sains politik.

Menurutnya, undang-undang bukan semata-mata hitam putih tulisan tetapi gabungan warna yang harus mendapat perhatian pelbagai disiplin ilmu.

"Oleh kerana undang-undang terpakai atas semua golongan, maka pengisianya juga perlukan pelbagai dimensi."

"Undang-undang jenayah misalnya, perlukan ahli psikologi dan sosiologi bagi melihat faktor jenayah dan keberkesanan hukuman," jelas beliau lagi dipetik dari artikelnya.



Dr Rohami

Hadir ceramah syarat bertanding

Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kali ini dianggap kotor apabila mengenakan syarat menghadiri ceramah berkenaan ancaman keselamatan negara.

Aktivis mahasiswa Rahman Imuda berkata, ceramah atau kursus yang dijadualkan pada 16 Oktober lalu itu dipersoal kewajarannya selain notis berkenaan tidak dimaklumkan terlebih awal kepada pelajar.

"Apa signifikannya menghadiri ceramah untuk bertanding? Syarat kena dengar ceramah untuk bertanding ini ada dalam peraturankah atau dalam kepala pegawai HEP (Hal Ehwal Pelajar) saja?

"Lebih-lebih lagi UMK Jeli sedang menghadapi masalah air, pastinya ia akan menyukarkan pergerakan mahasiswa," ujarnya yang menganggap pihak pentadbiran sengaja mahu calon tertentu sahaja



bertanding.

Notis itu antara lain menyatakan, "Borang penamaan calon perlulah dihantar bersama-sama dengan salinan sijil menghadiri ceramah/kursus Ancaman Keselamatan Negara".

Sehubungan itu, Rahman menyeru supaya cukuplah mencabut demokrasi kampus daripada tangan mahasiswa lantaran berkemungkinan penuntut yang cuba dihalang daripada bertanding adalah pelapis kepimpinan negara tanpa mengira ideologi.

"Mengapa harus diselek? Universiti semangnya tempat belajar. Jadilah manusia yang berfikiran cerdas dengan meraikan kembali semangat demokrasi kampus yang semakin terhakis.

"Mahasiswa UMK tidaklah bodoh sangat dalam memilih wakil, pastinya mereka akan menolak calon-calon yang berlebih-lebih dalam berkempen," tegasnya lagi.

Salah faham terhadap Tekad Budaya

BARU saja tadi (18 Oktober, 9.00 malam) saya bercakap-cakap dengan beberapa orang anak muda dari kumpulan Kuliah Buku (KUBU) yang dipimpin oleh Benz Ali, di sebuah restoran burger dekat Masjid Jamek, Kuala Lumpur, mengenai sastera dan politik.

Menarik juga cara dan jalan aktiviti seni-budaya anak-anak muda ini. Saya dijemput melalui Messenger oleh Benz Ali (yang memang sudah lama kami saling kenal): "Ingin nak jemput untuk kuliah tamu, sembang-sembang santai tentang seni dan sastera," katanya.

"Bila tu?" Saya tanya, dan dia jawab: "Kami biasanya berkumpul-berdiskusi setiap hari Rabu, setiap minggu." Dan dia menjelaskan lagi: "Biasa kami buat jam 8.30 malam, di ... (nama restoran itu), Masjid Jamek." Dan dia minta tajuk apa yang nak saya bicarakan. Saya minta tempoh untuk fikir.

Beberapa hari kemudian saya beritahu tajuknya "Politik bawa masalah kepada masyarakat. Sastera bawa kewajaran dan keseimbangan;" yang kemudian dia ubah sedikit kepada: "Politik bawak masalah kepada masyarakat. Alternatifnya? Sastera?"

Pernah juga saya terbaca mengenai aktiviti kumpulan-kumpulan anak muda seperti ini. Ada yang berkumpul di taman dan ada yang berkumpul di restoran. Paksi (Seniman Paksi Rakyat), kumpulan saya, pun pernah buat aktiviti di restoran. Tetapi hanya sekali dua. Mereka ini setiap minggu.

Maka saya bertanya di dalam diri: bagaimakah mereka menggunakan restoran itu? Berapa ramaikah yang selalu hadir? Oh, rupa-rupanya tidaklah begitu ramai. Ketika saya tiba mereka mengambil tempat duduk di meja biasa saja. Benz sudah siap pasang kamera telefonnya, dan minta saya

duduk di tempat yang di depan kamera itu. Apakah kumpulan ini hanya lima-enam orang sahaja? Biasanya bagaimana? Saya tanya, ingin tahu. "Biasanya kalau ramai kita sambung meja itu," jawab seseorang sambil menunjuk ke arah sebuah meja pendek. Dan kemudian memang itulah yang dilakukan.

Namun bilangan peserta semuanya sekitar sembilan orang sahaja.

Sengaja saya ceritakan ini secara agak terperinci kerana saya fikir ia sangat menarik. Cara dan gaya sebuah aktiviti seni-budaya itu dijalankan. Ya, secara santai, dan tanpa perlu membuat persiapan yang menyusahkan. Sangat simpel. Mikrofon pun tak perlu ada. Orang pun tak perlu ramai. Tetapi ramai yang mengikuti secara on-line. Dan anda boleh saja berbincang dengan serius dan mendalam, kalau anda mahu begitu.

Saya tak banyak bertanya. Tetapi ketika mulakan sesi wacana ini, Benz bercakap kepada khalayak 'on-line'nya, mengatakan program ini sebagai acara mereka menyambut ulangtahun KUBU yang ketiga, yang dibuat selama sebulan. Wah, diam-diam dalam hati saya ucapan tahniah atas kejayaan mereka. Ya, tahniah Benz!

Dan Alhamdulillah, dalam suasana seperti berborak di kedai kopitiam, sambil orang lalu-lalang melintas masuk dan berjalan ke kaunter memesan makanan (kerana meja yang mereka pilih itu begitu), saya pun membincangkan topik "politik bawa masalah kepada masyarakat dan kita memerlukan seni dan sastera bagi membangun masyarakat yang lebih seimbang dan maju", dengan selesa.

Selepas kira-kira setengah jam memberi penjelasan terhadap apa yang saya maksudkan dengan tajuk berkenaan, saya

serahkan kepada Benz dan seterusnya dia mengendalikan sesi soal-jawab dengan baik sekali, dan saya fikir saya telah membincangkan idea dan gagasan mengenai "Tekad Budaya" dengan memuaskan.

Ketika balik ke rumah, saya buka fesbuk rakaman perbincangan itu, nampak bilangan orang yang mengikutinya sudah lebih seribu. Apakah ia suatu aktiviti yang berkesan, walaupun dibuat dengan cara yang begitu mudah, santai dan bersahaja?

Dan apakah perbincangan mengenai Tekad Budaya itu akan mencapai perkembangan satu langkah lagi ke hadapan? Itu saya harap akan dapat dilihat sedikit masa lagi. Dan esok 20 Oktober, saya akan berbincang pula mengenai Tekad Budaya di hadapan khalayak anak-anak muda yang barangkali lebih cenderung meminati teater, di Johor Bahru.

Seorang peserta dari Kelang mengharapkan idea Tekad Budaya ini digerakkan dengan lebih agresif meliputi ke sekolah dan ke dalam sistem pendidikan. Saya menyambut baik cadangannya itu sambil menyatakan keterbatasan kemampuan saya untuk melakukannya.

Seperti dinyatakan dalam tulisan minggu lalu di ruangan ini, usia yang akan mencapai 70 tahun tak lama lagi dengan sendirinya menghadirkan batasan-batasan terhadap kemampuan saya untuk beraktiviti, khasnya untuk memajukan lagi gerakan Tekad Budaya.

Namun langkah yang disambut dan di-sumbangkan oleh Tan Sri Nordin Kardi, Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah, beberapa bulan lalu dengan menggubal "Deklarasi Kuala Kangsar" dan mengadakan seminarnya di Dewan Bahasa dan Pustaka, dan kemudian diikuti dengan persefahaman bersama Yang Dipertua



Majlis Daerah Kuala Kangsar, adalah sesatu yang menjanjikan kemajuan untuk Tekad Budaya.

Ada yang persoalkan persaingan Tekad Budaya dengan pengaruh dan kuasa politik, yang katanya adalah juga diperlukan untuk kemajuan dan kesejahteraan masyarakat. Memang ini suatu hal yang selalu agak sukar difahami dan dibangkitkan kepada seseorang.

Kita sebenarnya tidak bermaksud untuk bersaing dengan politik pun. Timbulnya idea yang mengatakan "politik bawa masalah" itu ialah kerana kita telah membiarkan politik menjadi terlalu dominan dalam masyarakat kita; dan golongan seniman, sasterawan, budayawan, intelektual dan profesional kita mengambil posisi di pinggiran, dengan menyerahkan peranan kepada orang-orang politik untuk membuat apa saja yang mereka mahu.

Akibatnya terjadilah keadaan yang pinang dan tidak seimbang, seperti halnya masyarakat kita hari ini. Para seniman, sasterawan, budayawan dan intelektual kita tidak lagi berperanan dan seolah-olah melepaskan tanggungjawab mereka terhadap kehidupan masyarakat.

Tekad Budaya bermaksud hendak menggerakkan semula golongan sasterawan, budayawan dan intelektual kita khasnya, supaya kembali memainkan peranan mereka seperti yang pernah terjadi pada awal-awal gerakan pembaharuan dalam masyarakat kita di tahun-tahun 1900 dulu. ■

Memahami politik ekonomi kleptokrasi

Oleh ABU FIRDAUS

ISTILAH kleptokrasi berasal dari dua perkataan iaitu kleptes yang bermaksud pencuri, dan kratos yang bermakna kuasa. Maka kleptokrasi bermaksud pemerintahan oleh pencuri.

Maka pencuri yang memerintah negara dipanggil kleptokrat. Pencuri itu tidak semestinya seorang, tetapi mereka boleh jadi ramai, saling bantu membantu di antara satu sama lain. Sebab itu kleptokrat itu ramai. Apa yang mereka curi ialah hak rakyat. Maksud curi di sini ialah mengambil hak orang lain untuk dijadikan milik sendiri.

Tidak kiralah milik sendiri itu bermaksud seorang pemimpin, atau keluarganya, atau kroninya, atau partinya, ia tetap perbuatan mencuri. Tidak kiralah apa tujuannya. Sama ada ia bertujuan membantu orang susah, atau untuk keperluan politik partinya, malah untuk ibadat sekalipun, sama ada membina masjid atau membiayai

umrah dan haji, kalau ia merupakan wang curi, maka ia tetap wang curi.

Pada awal tamadun manusia, tidak timbul pemimpin mencuri wang negara. Ini kerana wang negara adalah wang raja. Ini kerana seluruh negara adalah milik raja. Raja adalah negara. Rakyat adalah hamba pada raja, atau hamba pada negara. Apa yang rakyat miliki adalah atas izin dan ehsan raja. Apa yang raja kutip daripada rakyat sama ada dalam bentuk cukai atau rampasan, adalah milik raja.

Tetapi raja tidak boleh menguruskan semua perkara, termasuklah hartanya sendiri. Maka baginda melantik bendahari istana, yang juga disebut sebagai bendahara. Oleh kerana urusan harta raja dan negara ini adalah penting, bendahara juga menjadi ketua kerajaan, satu tingkat di bawah raja. Bagi pengurusan yang baik, bendahara membuat belanjawan.

Maka diasingkan yang mana wang boleh digunakan untuk perbelanjaan keluarga raja, dan dengan apa yang dikhaskan untuk kegunaan negara, seperti untuk perang atau pembinaan terus bagi pengairan untuk pertanian rakyat.

Maka akhirnya konsep negara dipisahkan daripada raja. Raja bukan negara tetapi ketua negara. Apabila demokrasi diperkenalkan, rakyat bukan lagi merupakan hamba raja tetapi warga negara, citizen. Maka wang negara itu bukan lagi wang raja, tetapi wang warga negara. Raja, bagi negara yang mengamalkan sistem raja perberlembagaan adalah ketua negara, seperti mana presiden di negara-negara republik.

Tetapi kuasa pemerintahan tidak terletak pada raja, ia terletak pada lembaga yang dipanggil sebagai kerajaan. Tetapi kerajaan dibentuk oleh ketua kerajaan, yang selalu dinamakan sebagai perdana

menteri, atau ketua menteri, atau menteri utama. Ini kerana perdana menteri membentuk kabinetnya bagi mengetuai jentera kerajaan yang melaksanakan pemerintahan negara.

Perdana menteri ini, seperti di banyak negara dilantik oleh majoriti wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya. Jentera kerajaan ini digerakkan oleh penjawat awam dan kaki tangan kerajaan. Kesemua perbelanjaan pemerintahan ini dibayai oleh wang negara, yang diperolehi daripada cukai terhadap rakyat, atau daripada penjanaan ekonomi harta negara.

Jadi ketua kerajaan memegang amanah rakyat. Wang negara yang diuruskan adalah wang rakyat untuk kepentingan negara. Dalam demokrasi, negara itu terdiri daripada warga negara.

Dalam ajaran Islam, amanah negara ini adalah jelas. Ia bukan saja amanah rakyat, tetapi amanah

daripada Allah SWT. Kisah-kisah daripada Khalifah Umar Abdul Aziz adalah jelas perbezaan antara harta bersama, iaitu harta negara dengan harta peribadi. Amanah menjadi ciri-ciri amat penting dalam kehidupan kenegaraan Islam. Soal wakaf, infak, zakat, sadaqah, faraidh, riba, ghaniah dan pelbagai konsep ekonomi, politik dan kebijakan dalam syariah berdiri atas sifat amanah penganutnya.

Mencuri adalah suatu perkara yang amat berat dalam syariah. Ia menunjukkan kepentingan amanah. Maka kleptokrasi tentu merupakan budaya yang amat bertentangan dengan Islam. Tidaklah boleh seseorang ketua kerajaan menggunakan wang negara walaupun diambil dengan cara tidak langsung melalui peraturan pentadbiran tertentu bagi disalurkan kepada partinya untuk mengukuhkan kekuasaannya. ■

Mampukah 1MDB buahkan hasil?

APABILA Reformasi meledak pada 1998, agenda yang menjadi tunjang utama pada pergerakan tersebut tidak jauh bezanya dengan hari ini; rasuah dan salah guna kuasa. Tentulah ketika itu watak sasarnya adalah Dr Mahathir Mohammad, pengurus kepada gabungan pembangkang hari ini, Pakatan Harapan. Gelombang dan pergerakan ini dahulu menggunakan sosok teraniaya Anwar Ibrahim sebagai wajah umum bagi menarik sokongan masyarakat.

Hasil daripada gelombang Reformasi ini, Pilihan Raya Umum 1999 merakamkan kegalan Barisan Nasional untuk kembali berkuasa dengan selesa seperti sebelumnya. Gelombang ini juga turut merakamkan gabungan parti politik pembangkang pertama Malaysia yang bertujuan untuk mendirikan sistem dwi parti melalui Barisan Alternatif. Ruang demokrasi yang selama sebelumnya terdera mulai terbuka. Kemungkinan politik yang baharu juga menyaksikan untuk pertama kali selain Kelantan, pembangkang berjaya memegang tumpuk kuasa melalui PAS di Terengganu.

Selain perubahan politik dan keberjayaan menggoyohnya ego Barisan Nasional, yang ketika itu dipimpin oleh Dr Mahathir, Reformasi 1998 turut menyumbang kepada peningkatan dalam kesedaran umum terhadap jargon-jargon politik yang selama ini asing dalam kalangan masyarakat pasca DEB. Reformasi membuka lebih banyak ruang dan peluang untuk misalnya NGO-NGO pro

demokrasi dan hak asasi manusia mengembangkan sayap dan pengaruh mereka dalam kalangan masyarakat. Politik dan gerakan sivil akhirnya menemui cara dan ruang untuk bernaafas.

Tanpa Reformasi 1998, gerakan seperti Bersih juga tidak mungkin akan terlahir dan berpengaruh seperti hari ini.

Hampir dua dekad kemudian, episod seakan sama berulang. Skandal rasuah, yang diberi judul khusus '1MDB' membuka medan peperangan baharu. Kali ini, jauh lebih besar daripada apa yang berlaku pada 1998.

Bukan akbar tempatan atau akbar alternatif, mahupun blog tulisan pembangkang yang memukul gendang perang ke atas Najib Razak melalui skandal ini, sebaliknya adalah media besar antarabangsa. Wall Street Journal, media antara yang paling berpengaruh dalam dunia sendiri yang mengepalai kempen melawan skandal 1MDB dan Najib Razak ini bermula 2015 sehingga hari ini.

Tidak cukup dengan mendedahkan rentetan skandal ini melalui siri-siri ekslusif di dada akbar, mereka malah membuat pertama



ADAM ADLI

universiti
ketiga

kalinya menyiar siri artikel berbahasa Melayu khusus untuk menarik pembaca di Malaysia, terutamanya Melayu. Dari situ sahaja, kita boleh mengukur betapa besarnya impak 1MDB tersebut, dan betapa besarnya juga agenda yang sedang didorong oleh Wall Street Journal. Mereka benar-benar serius untuk menjatuhkan Najib Razak.

Tidak lama kemudian, muncul pula pendekahan dan lintas langsung menggemparkan oleh Jabatan Keadilan Amerika Syarikat yang kemudian menamakan MO1, yang disahkan oleh bapak menteri kita sendiri sebagai Najib Razak, sebagai orang antara yang paling bertanggungjawab dan hampir pasti bersalah dalam isu ini. Skandal 1MDB lalu turut dinamakan sebagai skandal kewangan terbesar dalam sejarah yang pernah dikendalikan oleh jabatan tersebut.

Tidak cukup dengan semua skrip berulang ini, seolah dejavu, Timbalan Perdana Menteri kita yang terakhir sebelum Zahid Hamidi, Muhyiddin Yassin turut digugurkan dari tumpuk kuasa. Sama seperti apa yang berlaku kepada Anwar Ibrahim pada 1998. Penyokong Muhyiddin juga kemudiannya turut menerima nasib yang sama, digugur dan ditendang keluar oleh UMNO dan kerajaan.

Dengan pengulangan sejarah yang hampir sama dengan apa yang pernah kita lalui pada 1998, malah sebenarnya dalam skala yang lebih besar; timbul soalan sebenar

yang hakiki. Soalan yang masih mengantui kita semua; mampukah skandal 1MDB ini turut mengulangi impak dan gelombang sama yang dibawa oleh Reformasi 1998.

Kempen melawan Najib Razak melalui skandal 1MDB ini sudah berlangsung lebih dari dua tahun. Himpunan demi himpunan juga sudah berlalu. Namun tidak seperti 1998, kita ternyata masih belum mampu melihat impak sebenar 1MDB ini.

Pakatan Harapan melalui himpunan di Padang Timur minggu lalu sendiri telah memuktamadkan bahawa 1MDB akan dijadikan senjata melawan Najib Razak menjelang PRU14 akan datang. Deklarasi yang dibaca semuanya adalah seputar isu ini. Tiada yang lain. Dan ini menimbulkan keraguan ramai orang termasuk saya sendiri.

Dapatkan dari Merdeka Centre yang terakhir memperlihatkan bahawa 1MDB bukanlah isu yang popular, termasuk dalam kalangan anak muda yang kita tahu amat tercerah dan sentiasa mendapat maklumat melalui internet. Isu yang menjadi tumpuan sebenarnya adalah isu ekonomi dan isi perut. Maka yakinkah kita bahawa 1MDB ini mampu menjadi senjata berhadapan PRU14 akan datang?

Jika Reformasi mampu mengubah landskap politik tanah air dengan begitu berjaya dahulu, mampukah 1MDB melakukan yang sama? Atau mungkin soalan lainnya adalah, apakah yang mampu 1MDB lakukan?

Umno Johor sudah jadi cacing kepanasan

GABUNGAN pembangkang di Johor yang baru sahaja dibentuk 29 September lalu menggentarkan Umno-BN. Hal itu dapat disaksikan dengan pelbagai bentuk tindakan yang secara terang mula dilancarkan oleh Umno di negeri ini.

Siapa dapat nafikan sejak sekian lamanya pembangkang wujud di negara ini, inilah kali pertama pembentukan secara sistematik telah dibentuk melalui sebuah organisasi yang konkret dari peringkat nasional hingga ke peringkat negeri mahu pun kawasan.

Perkara tersebut telah membuatkan pihak Umno mulai gelisah dengan kedudukan mereka. Memang tidak dinafikan gelombang kali ini adalah yang benar-benar mencabar pemerintah di negeri ini sepanjang sejarah politik di Johor.

Pelbagai perkara yang unik dan tidak terjangka pasti akan berlaku seandainya Umno hanya mendiamkan diri dalam pelbagai isu yang dibangkitkan oleh Pakatan Harapan (PH) di Johor. Maka dari perkara itulah yang membuatkan Umno Johor terpaksa mengadakan serangan secara terang-terangan terhadap PH mahu pun parti komponen PH itu sendiri.

Dalam tinjauan yang dibuat, ternyata ketakutan itu mulai menjelma dan apa yang diperhatikan, ketakutan Umno itu telah membuatkan Umno Johor seperti pasukan yang tidak lagi searif atau sekuat sebelum ini. yang dinyatakan di atas adalah bukti ketakut-

Kembara Selatan
Amni Jagat



an UMNO itu wujud.

AMANAH Kawasan Tenggara sebelum ini telah membuat satu gerak kerja untuk mencari sumber bantuan kertas ukuran A4 untuk diberikan kepada pihak sekolah kerana peruntukan pendidikan telah dipotong sehingga membuatkan pihak sekolah mengalami permasalahan kekurangan kertas ukuran A4 tersebut.

Tindakan AMANAH Tenggara yang diketuai oleh Abrary Ramly itu telah dicemuh dan disekat oleh Exco Kerajaan Negeri Johor, Datuk Haji Ayub Rahmat yang merupakan pengurus kesihatan, alam sekitar, pendidikan dan penerangan.

Sekatan terhadap isu penerimaan kertas oleh pihak sekolah itu dilakukan dengan Ayub Rahmat mengeluarkan arahan agar dihentikan penerimaan kertas dari pihak sekolah terhadap segala unsur bantuan orang ramai.

Yang menjadi permasalahan di sini, Ayub tidak pula mengeluarkan peruntukan tambahan dari pihak kerajaan negeri dan beliau hanya memberi arahan yang berkait kuasa serta merta itu secara berbentuk sekatan bantuan.

Adakah Ayub Rahmat sedar berkenaan dengan permasalahan ini? Isunya adalah, tindakan AMANAH itu dilihat seperti mengancam kedudukan UMNO Johor sedangkan perkara pokoknya adalah berkenaan dengan pendidikan di sekolah yang mengalami permasalahan seperti yang berlaku.

Sebelum ini AMANAH Kawasan Labis telah melaporkan berkenaan dengan kuarters guru yang terbiar yang berada di kawasan sekitar Kampung Tenang Labis Johor. Isunya kuarters tersebut dibina melalui peruntukan kerajaan untuk memuatkan guru-guru yang bertugas di kawasan tersebut namun ianya tidak digunakan lantas terbiar.

Hal ini jelas menjadi persoalan, mengapa kuarters tersebut terbiar lebih 15 tahun tanpa diusahakan untuk dijadikan tempat sejaan atau sebaliknya seandainya tiada guru yang tinggal di situ? Namun persoalan yang diberikan telah dijawab selang dua hari laporan itu tersiar di akbar.

Jawapan itu telah dijawab Kerajaan Negeri Johor yang terus mengumumkan akan membangunkan kawasan tersebut untuk dijadikan tempat sejaan dan sebagainya. Persoalan yang timbul sekali lagi, mengapa setelah AMANAH Labis membuat laporan baru tindakan dikeluarkan?

'PH yang mengetuk gendang, UMNO yang menari', begitulah perumpaan yang berlaku dalam senario politik di Johor ini. Umno semakin ketakutan dan ini adalah suatu

indikator yang baik untuk pergerakan pembangkang di Johor.

Dalam ekspo Johor Berkemajuan adalah pentas untuk kerajaan negeri UMNO untuk habis-habisan menghentam pembangkang. Perkara ini jelas sekali tidak sihat kerana kerajaan telah menggunakan nama 'kerajaan' dan ia sepatutnya bukan pentas parti Umno dengan ekspo tersebut telah memperkenalkan kelemahan pembangkang dalam ceramah yang berlangsung.

Inilah yang seperti dikatakan 'cacing kepanasan'. Sepanjang sejarah Johor, UMNO tidak segalak kali ini dengan membariskan kepimpinan yang cepat melatah. Mungkin kerana ini adalah hasil gerak kerja pembangkang yang fokus pada matlamat menawan Johor.

Ini adalah indikator yang jelas membuktikan bahawa pembangkang kali ini sedang menggugat kerajaan negeri Johor. Tapi apa yang diceritakan ini bukanlah suatu perkara yang membuatkan pembangkang pula harus selesa tetapi perkara ini adalah suatu trek yang terbaik untuk terus memfokuskan apa yang sedang berlangsung.

Pembangkang harus terus memacu gerakan rakyat untuk melawan pihak pemerintah UMNO bagi mendapatkan apa yang diingini mereka. Selain itu pembangkang perlu memantapkan gerakan untuk terus mendampingi rakyat yang sedang berperang untuk hidup di Malaysia ini.

Umno-BN manipulasi kos hidup rakyat

SAYA meneliti laporan terkini Jabatan Perangkaan yang kononnya membuktikan pengurusan ekonomi yang dirancang oleh kerajaan Umno BN mencapai keputusan yang cemerlang.

Laporan itu juga menyatakan pendapatan isi rumah kumpulan sederhana meningkat kepada RM5,228 pada 2016 berbanding RM4,585 pada 2014 iaitu pertumbuhan pada kadar 6.6 peratus setahun dengan nilai nominal.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan yang menyatakan pencapaian itu secara tidak langsung menafikan dakwaan bahawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tidak memberangsangkan dan tidak mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Berikut kesan kejatuhan nilai matawang ringgit dan kenaikan harga



**PENDAPAT
DATO' SAIFUDDIN NASUTION**

barang dan perkhidmatan semasa, boleh saya sifatkan angka yang dikemukakan ini tidak menunjukkan realiti sebenar kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat.

Indikator yang menentukan angka ini ialah pendapatan garis kemiskinan (PGK) iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan atas daripada segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat.

Jika benar, apa yang dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan tersebut, saya mendesak kerajaan segera umumkan dasar dan perancangan untuk meningkatkan paras pendapatan rakyat supaya rakyat bebas daripada dibelenggu kemiskinan.

Bank Negara di dalam data kepenggunaan isi rumah (household consumption) bagi tempoh 2000 ñ 2009 menyatakan bahawa perbelanjaan untuk makanan ialah 23 peratus daripada jumlah perbelanjaan isi rumah (household expenditure), perumahan sebanyak 18.9 peratus dan pengangkutan pula sebanyak 13.4 peratus.

Berdasarkan peratusan ini, jika RM950 dijadikan rujukan, bererti untuk setiap item tersebut bernilai RM220 untuk makanan, RM180 untuk perumahan dan RM130 untuk pengangkutan. Jika diteliti secara kasar pun nilai-nilai ini bolehlah dianggap

terpesong daripada realiti sebenar.

Sebuah pihak perlu sedar bahwa takrifan kemiskinan yang ditetapkan oleh kerajaan Umno BN adalah untuk menipu rakyat, terutama bagi keluarga miskin tegar.

Bagi saya, Program Transformasi Ekonomi hasil cetusan idea Datuk Seri Najib Razak yang dilaksanakan pada 2010 nampaknya tidak membawa hasil seperti yang diwar-warkan oleh Umno BN, berdasarkan pemerhatian dan realiti kehidupan sebenar rakyat pada masa kini, bahawa lebih ramai isi rumah di Malaysia berada di dalam kepompong kemiskinan.

Sementara kita melihat negara ini menghadapi krisis ekonomi dalam ekoran pendedahan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebanyak RM52 bilion.

Malah berlaku penurunan nilai matawang ringgit secara mendadak, kenaikan harga barang dari pada minyak

masak ke minyak petrol, pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan esiasatan rakusí audit cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Kesemua faktor ini telah mengurangkan aliran dana dalam pasaran kewangan dan ekonomi yang menyebabkan perniagaan menurun dan kekangan wang belanja bagi para pekerja.

Purata kadar pengangguran negara adalah meningkat pada kadar 3.4 peratus pada tahun 2016. Ini merupakan peningkatan 0.1 peratus berbanding suku sebelumnya.

Walaupun ia mungkin nampak rendah, tetapi walaupun kenaikan 0.5 peratus dalam 14 juta tenaga kerja akan menyebabkan 70,000 rakyat Malaysia tiada kerja.

**Datuk Saifuddin Nasution Ismail
ialah Setiausaha Agung Keadilan.**

HIDUP BERSAMA

Kita sudah sampai di lereng amat indah, di bawah pelangi, dalam ufuk yang masih mencabar; dan kita ikhlas berjanji untuk bermaruah, tenang dalam segala uji cabar dan debar. Kita mencari hanya yang tulen dan jati, sekata hidup, mengerti dan berbudi.

Kita wajar mendaki lagi kerana puncak yang jauh. Dalam gelora dan tofan tak tercitar teknik kita kerana kemerdekaan mengasuh kita bersuara dalam sopan, yakin menyanggah musuh, tulus menambah kawan, inti tonggak dan menara kebahagian.

Kita datang bersama anak-anak yang sedia

menyanyi ñ sihat, teguh, bertekad dan berani. Mengelilingi tasik, mendaki gunung, kita mengajar mereka berjiwa besar dan berbakti. Tanah air akan indah, megah dan bermaruah jika kita sentiasa mensyukuri anugerah Allah; dan bumi akan subur, makmur dan mewah jika kita bekerja dan berikrar hidup bersama.

Tanah air memberi banyak, mesra mendakap kita; kemerdekaan mendorong kita berdiri dan berbakti. Dan kita sudah sampai di lereng indah, pasti tetap mendaki juga, menyanggah musuh, menambah kawan tanpa jemu, khuatir, juga tanpa rawan. Dan dalam alaf baru semangat kita wajar padu, berjalan kita atas nama tanah air dan bangsa ñ

bangga kerana merdeka, megah kerana bahagia.

Anak-anak kita bakal datang tangkas dan berilmu; dan kita, dalam sejarah, bakal syahdu dan bangga, kerana awan yang indah, lapis pelangi lebih mesra, wajah diri dan inti peribadi kita tunjang bagi kehidupan dan kemerdekaan bangsa yang sentiasa sedia belajar mengerti dan tekun hidup bersama.

SN DATUK SERI A. SAMAD SAID

14.10.2017
Petaling Jaya

(Sajak ini pertama kali dibacakan di 'Himpunan Selamatkan Malaysia, Hapuskan Kleptokrasi'; 14 Okt lalu).



MENJUNJUNG AMANAH RAKYAT

Alangkah pilu melihat nasib rakyat yang tidak lagi berdaulat

Alangkah malu melihat kalian diinjak dan disepak

Walaupun telah kami cuba berulang kali menjulangmu menjadi bangsa pemenang namun berulang lagi kami tersandung dan rebah

Pedihsungguh mengenang kalian ayah dan ibu Rakyat yang tidak lagi gagah seperti dahulu

Sedang dulu kalian mendobrak

penjahat dan penjarah dari mengongsi dan menghuni semenanjung emas ini

Untuk seketika kalian bebas merdeka Tapi kini duka nestapa bersangkardiminda

Para pengera dan juragan baru di tanahairmu memijak dan membajak belakangmu sedang kalian pasrah tanpa upaya.

Mujurlah Senandung Jalaludin Rumi yang kubaca Bisa memberi daya Justeru, Jalaluddin berkata "Saat Tuhan ingin menolong, Dia membiarkan kita menangis.

Di manapun air mengalir, kehidupan berlangsung dengan indah. Di manapun air mata bergulir, rahmat Ilahi akan tercurah."

Dengan berpjak Di atas bumi kemilau Akan kami songsong Akan kami dorong Para rakyat Ayah ibu Kerna kalian Jantung hati Gerak nadi Darah merah Urat selirat Yang membentuk diri

Keranamu rakyat Kami hadir di sini Bersumpah Untuk tegak berdiri Menyalakan api obor penyuluhan

Dengan seluruh kekuatan terkumpul Kami angkat Harakat dan darjat Rakyat berdaulat.

Kerana Menjunjung Amanah Rakyat!

MOHD ANUARTAHIR
17.10.2017
Selangor

(Puisi sempena Konvensyen Nasional 2017 Parti Amanah Negara, Alor Setar, Kedah).

Kirim cerpen dan puisi kepada karyakreatifamanah@gmail.com untuk disiar di halaman ini setiap minggu.

Pengundi Sik terbiar selepas pilih BN

Oleh MOHD ALI HASHIM

SIK: Mandat diberikan pengundi kepada BN di kawasan ini tidak memberi manfaat kepada penduduk malah kesukaran hidup mereka tidak diberi perhatian wajar.

Atas kesedaran itu, AMANAH Kawasan Sik bertindak membantu penduduk dan cuba mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Baru-baru ini, Ketua AMANAH Kawasan Sik Sulaiman Ibrahim bersama-sama anggota pasukan sukarela ARIF membantu penduduk yang rumah mereka dipukul ribut serta dihempap pokok.

"Sebaik saja mendengar masalah yang dihadapi penduduk, kami segera turun padang membantu. Walaupun kita bukan kerajaan yang memerintah, tapi atas sifat peduli bantuan segera diusahakan."

"Selain dari itu, kita juga menziarahi mereka yang sakit dan uzur tanpa mengambil kira perbezaan fahaman dan ideologi politik," katanya.

Sulaiman yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Sik berkata, jalan rosak dan becak sehingga menyukarkan penduduk dalam



Keadaan rumah yang ditimpah pokok ketika ribut pada 6 Okt lalu telah dibersihkan Pemuda AMANAH dan ARIF Kawasan Sik.

kawasan Dun Jeneri adalah masalah yang gagal diselesaikan kerajaan negeri.

"Sepatutnya jalan ini telah lama diturap atau diperbaiki, sebaliknya ia tidak dipedulikan," katanya.

Beliau berkata, AMANAH akan tetap meneruskan usaha membantu penduduk yang memerlukan.

"Ini termasuklah membantu keluarga yang melarap, warga emas, mereka yang uzur dan sakit serta anak-anak yang tidak meneruskan alam persekolahan mereka akibat kemiskinan," ujarnya lagi.



Sulaiman Ibrahim



Jalan becak dan rosak yang tidak diberi perhatian kerajaan negeri serta Adun kawasan Jeneri.



Sulaiman menurunkan zink bagi membantu sebuah keluarga yang bumbung rumahnya diterbangkan angin semasa kejadian ribut.

Ketika bajet dipotong, usaha bantu sekolah disekat



Abrary menunjukkan sepanduk rayuan infak sebuah sekolah untuk mendapatkan sumbangan kertas A4 daripada orang ramai.

Oleh AMNI JAGAT

TENGGARA: Pendidikan adalah perkara asas dalam kehidupan manusia. Dalam apa jua keadaan, pendidikan yang kondusif adalah suatu perkara yang harus diutamakan.

Begitulah yang difikirkan oleh aktivis AMANAH, Abrary Ramly.

Bapa kepada tujuh anak ini merasa terpanggil membantu sekolah-sekolah yang dilihat memerlukan.

Beliau dimaklumkan, antara perkara paling mendesak di sekolah adalah kekurangan kertas untuk peperiksaan. Isu kekurangan kertas ini mencengkam pemikiran dan emosi Abrary.

Beliau berusaha melakukan inisiatif men-

dapatkan bantuan orang ramai serta duit poket sendiri untuk membantu sekolah-sekolah berkenaan. Abrary akhirnya berjaya mengumpul sejumlah rim kertas A4 untuk diagihkan ke beberapa buah sekolah.

Abrary meluahkan rasa puasnya membantu sedaya keringat untuk mengumpulkan keperluan kertas tersebut. Kepuasan jelas tergambar di wajah Abrary yang terlalu berbesar hati ingin menyampaikan sumbangan itu.

Abrary menyampaikan sumbangan kertas A4 kepada sebuah sekolah di daerah Tenggara.

Atas rasa kasih sayang seorang bapa kepada anak-anak, Abrary menyampaikan sumbangan kepada pihak sekolah. Beliau

Anak kesal arahan halang sekolah terima bantuan

BATU PAHAT: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) kesal dengan tindakan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Johor, Datuk Ayub Rahmat mengarahkan pihak sekolah tidak menerima bantuan kertas A4 dari parti pembangkang.

Ini ekoran sumbangan AMANAH Kawasan Tenggara yang diketuai Pengerusi Pusat Peduli Rakyat Dun Pasir Raja, Abrary Ramly menyerahkan bantuan kertas A4 kepada tujuh sekolah di sekitar Dun Pasir Raja yang terletak dalam kawasan parlimen Tenggara.

"Seharusnya kerajaan meraikan semua pihak tanpa mengira latar belakang politik demi kepentingan pendidikan di negara ini.

"Kerajaan seharusnya menyiasat dakwaan dari pentadbiran sekolah mahupun PIBG

mengenai kekurangan kertas, sehingga ada permohonan dibuat kepada ibu bapa dan kedai pencetak sejak tahun lalu. Hatta kertas kitar semula pun di pohon dari kilang pencetak.

"Ini semua gara-gara peruntukan kertas yang sepatutnya disediakan Kementerian Pelajaran tidak mencukupi bagi kegunaan pihak sekolah," ujarnya dalam satu kenyataan.

Justeru Mazlan menyifatkan arahan Ayub itu sebagai keterlaluan dan merendahkan mentaliti beliau di sisi rakyat.

Ayub dilaporkan tidak berpuas hati kerana bantuan diberikan AMANAH me dapat laporan media sedangkan bantuan serupa diberikan wakil rakyat BN tidak diuar-uarkan meskipun jumlahnya jauh lebih besar.

merasa puas kerana dapat menampung kekurangan peralatan di sekolah-sekolah tersebut.

Selang sehari berlalu, beliau terkejut kerana segala sumbangannya itu telah disalahertikan apabila Exco Kerajaan Negeri Johor, Datuk Ayub Rahmat menempelak tindakannya yang disifat bermotif politik.

Ayub tidak langsung mengenang jasa beliau yang bertungkus lumus untuk membantu pihak sekolah yang telah dipotong peruntukan oleh kerajaan.

Lebih mendukacitakan apabila kerajaan negeri memberi arahan kepada seluruh sekolah di Johor supaya tidak menerima sebarang sumbangan berbentuk kertas seperti mana diusahakan Abrary sebelum ini. Arahan ini telah membantutkan usaha penyumbang seperti Abrary dan rakan-rakan untuk membantu pihak sekolah yang memerlukan.

Bagi Abrary, hanya Allah SWT yang mengetahui niat sebenar dan apa yang tersirat di hati beliau.

Sumbangan AMANAH Parit Buntar ceriakan sambutan Deepavali



Dr Mujahid bermesra dengan kanak-kanak India di majlis penyampaian sumbangan. Turut kelihatan Hamdan Fadel (kanan).



Dr Mujahid, Paranthaman dan Hamdan sedang menyampaikan sumbangan.

PARIT BUNTAR: Sejumlah 50 keluarga masyarakat India menerima sumbangan daripada Ahli Parliment Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa pada majlis penyampaian sumbangan Deepavali di Taman Seri Tenggara, dekat sini, baru-baru ini.

Majlis anjuran bersama Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dan AMANAH Parit Buntar itu adalah program tahunan bertujuan membantu keluarga yang kurang berkemampuan untuk menyambut perayaan Deepavali.

Pengerusi Biro Intergrasi Nasional AMANAH Parit Buntar K.S Paranthaman berkata, program ini juga diharap dapat membina ikatan kemesraan sesama rakyat berbilang bangsa.

"Sumbangan iklah kami walaupun kecil dapat menambahkan keceriaan kepada mereka untuk menyambut perayaan Deepavali.

"AWAN Parit Buntar juga turut memberi 'duit poket' kepada kanak-kanak yang hadir pada majlis ini," ujar Paranthaman ketika ditemui semasa majlis berlangsung.

Menurut beliau, selain majlis sumbangan pihaknya juga menziarahi rumah beberapa keluarga India bagi menyampaikan bantuan.

"Ada di kalangan mereka ibu tunggal yang tinggal berseorangan tanpa keluarga, malah ada yang berpendapatan rendah tetapi terpaksa menanggung anak yang ramai.

"Mereka berasa gembira dan terharu kerana pemimpin AMANAH datang ke rumah untuk mengucapkan selamat dan menyampaikan sumbangan," katanya.

Beliau berkata, sumbangan disampaikan Dr Mujahid.

Turut hadir Pegawai Khas Ahli Parliment Parit Buntar Hamdan Fadel Ahmad, Ahli Jawatan kuasa AMANAH Parit Buntar Hairul Nizam Ishak dan Wakil AMANAH Cawangan Taman Seri Tenggara M. Subramaniam.

Sementara itu, Dr Mujahid berkata pihaknya sentiasa prihatin dengan nasib masyarakat India yang memerlukan bantuan di Parit Buntar lebih-lebih lagi menjelang sambutan perayaan mereka.

"Kita sedar mereka sebahagian rakyat Malaysia yang perlu dibantu apatah lagi menjelang musim perayaan dan menjadi amalan kita membantu mereka.

"Usaha itu sedikit-sebanyak dapat memberi keceriaan dan kegembiran kepada mereka yang kurang bernasib baik bukan sahaja pada sambutan Deepavali malah Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan sebagainya," jelas Dr Mujahid.

Beliau juga berharap masyarakat India di Parit Buntar menyambut perayaan Deepavali dengan ceria dan gembira bersama keluarga.



Bergambar kenangan seusai majlis.

Minum petang dan ramah mesra menjelang Deepavali



Menyampaikan sumbangan kepada seorang penerima.

PASIR SALAK: Seperti kebiasaan, hari Deepavali atau 'Perayaan Cahaya' disambut meriah oleh masyarakat India di negara ini.

Bagi meraikan masyarakat India sempena perayaan tahunan itu, AMANAH Kawasan Pasir Salak dengan kerjasama Angkatan Wanita AMANAH (Awan) kawasan mengadakan majlis minum petang dan penyampaian sumbangan.

Majlis berlangsung di Kampung Sungai Durian, dekat sini.

Program yang diadakan itu juga dijadikan medan menyelami masalah yang dihadapi golongan tidak bernasib baik di kalangan masyarakat India tempatan.

Di kawasan sekitar Kampung Gajah, kebanyakan masyarakat India yang berada di zon Anak Sungai bekerja di ladang-ladang.



Zaiton (tengah) bersama masyarakat India dan aktivis AMANAH seusai program.

Para pekerja estet ini mula bekerja sebelum matahari terbit bagi menampung hidup.

"Mereka bangun pagi sebelum ayam jantan berkокok, memerah keringat dan kudrat untuk mencari sedikit limpahan rezeki dalam meng-harungi kehidupan.

"Tidak perlu kami memulakan kisah kesempitan hidup rakyat. mereka yang memulakkannya terlebih dahulu, seolah-olah ingin

meluahkan rasa kesempitan mereka untuk kami kongsikan," kata Timbalan Ketua Wanita AMANAH Perak Zaiton Latiff.

Menurutnya, rata-rata masyarakat India yang ditemui berharap kehidupan mereka akan bertambah baik jika berlaku perubahan politik dan Pakatan Harapan membentuk kerajaan.

PH Perak kesan 165,000 pengundi 'alamat aneh'

I POH: Terdapat lebih 165,000 senarai dengan 'alamat aneh' berdaftar sebagai pengundi di seluruh Perak dedah Pakatan Harapan (PH) negeri.

Maklumat ini diperolehi hasil semakan jentera pilihan raya PH daripada sistem daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Semakan itu mendapati, ramai di kalangan mereka mempunyai alamat tidak lengkap dengan hanya diletakkan 'kod' berbentuk angka; keraguan itu termasuk bagi senarai pengundi yang berusia lebih daripada 100 tahun.

Menurut Pengurus DAP Perak Nga Kor Ming, segala bukti yang didedahkan ini jelas menunjukkan wujudnya keraguan dalam daftar pemilih negeri.

"Kita lihat contohnya, (nama) ini duduk di alamat – (negatif) 36. Saya nak tanya kepada Pos Malaysia, adakah orang yang mempunyai alamat -36; tak ada lorong, tak ada poskad, tak ada taman tapi ada kawasan mengundi?" soalnya.

Apa yang lebih menghairankan, wujud senarai pengundi yang langsung tidak memiliki alamat tetapi memiliki kelayakan untuk mengundi.

"Ada yang tidak mempunyai alamat, dengan kata lain, manusia tanpa alamat boleh mengundi di negeri Perak. Inilah

hantu yang cukup menjijikkan. Alamat kosong tapi boleh undi di Parlimen Lumut, Dun Pasir Panjang.

"Kita nak tanya SPR, jika orang ini tiada alamat, bagaimana kamu tahu dia undi di Parlimen Lumut? Dia duduk di mana?" soal Ahli Parlimen Taiping itu.

Tegas Kor Ming, di bawah Seksyen 3(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya, mana-mana individu yang didapati menggunakan maklumat palsu dan jika disabitkan kesalahan, akan dihukum penjara tidak melebihi dua tahun dan penalti tidak lebih RM5,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendedahan ini, kata beliau sekaligus menempelak kenyataan Timbalan Pengurus BN Perak, Datuk Shaarani Mohamad sebelum ini yang mendakwa PH hanya muh menagih simpati dengan memainkan isu 'pengundi hantu'.

"Beliau (Shaarani) kata kami nak simpati buat tohmahan bukan-bukan. Jadi pagi ini kami tunjukkan bukti.

"Maka dalam tempoh 24 jam, saya mintak pemimpin BN mohon maaf dan kami muh tahu adakah BN dalang sebenar sindiket pengundi-pengundi hantu ini," katanya dipetik Roketkini.

Pengarah Pilihan Raya PH Perak Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin, berkata pihaknya tidak teragak-agak untuk mem-



Nizar dan Nga bersama para pemimpin PH Perak selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh.

buat laporan polis berhubung senarai daftar pengundi yang meragukan itu.

"Saya selaku Pengarah Pilihan Raya PH tidak teragak-agak untuk membuat laporan polis kerana ini bertentangan dengan akta pilihan raya sendiri.

"Sepatutnya akta ini perlu dikuatkuasa, mereka mesti didakwa atau ditahan. Selagi SPR tidak dakwa ratusan ribu hantu-hantu ini sebagaimana yang dinyatakan oleh akta SPR sendiri, maka 'hantu' ini berleluasa.

"Tragedi ini merosakkan sistem demokrasi di Malaysia, akhirnya kita lihat hari ini masyarakat bercelaru, hak mengundi dirampas 'hantu-hantu', katanya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, PH Perak pada 16 Okt lalu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh berhubung senarai pemilih yang terkandung dalam sistem daftar pemilih SPR.

Aduan dibuat Nizar bagi mewakili PH Perak. Hadir sama Nga dan para pemimpin PH negeri.

DAP Batu Kawan sokong cegah minum arak di khalayak

BATU KAWAN: Jarang kita mendengar aktiviti berkaitan arak ditentang individu mahupun organisasi bukan Islam, namun berbeza dengan dua ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), David Marshel dan M Satees.

Mereka telah menunjukkan sikap prihatin dan memandang serius kegiatan meminum arak dan lepak yang boleh mendatangkan gangguan serta ketidakselesaan kepada masyarakat sekeliling.

Bagi menyekat aktiviti meminum arak di khalayak ramai khususnya di kawasan taman rekreasi serta perumahan awam, papan tanda amaran telah diletakkan di kawasan awam sekitar Butterworth dan Perai.

David berkata, kesedaran perlu diberikan kepada masyarakat tentang aktiviti lepak dan meminum arak yang tidak mendatangkan apa-apa faedah kepada individu dan masyarakat sekeliling.



David (kanan) menunjukkan botol-botol arak yang ditemui di tempat awam sambil Satees menunjukkan papan tanda amaran yang didirikan MPSP.

Malah katanya, keprihatinan ini timbul setelah ada aduan berkenaan kehadiran pihak tertentu yang sering berkeliaran dan melepak di kawasan taman permainan pada waktu malam

sambil minum arak serta mengganggu ketenteraman orang lain.

"Aktiviti tidak bermoral ini menimbulkan rasa tidak selesa kepada masyarakat sekeliling.

Selain itu ia juga mengotorkan kawasan sekitar apabila bekas minuman keras atau arak yang dibuang merata-rata.

"Mereka juga menimbulkan ketidaksesuaian apabila bertindak membuat bising dan lebih agresif apabila ditegur," ujarnya yang juga Setiausaha Organisasi DAP Parlimen Batu Kawan.

David berkata, isu ini bukan suatu perkara yang baru, sebaliknya MPSP sebagai sebuah agensi kerajaan negeri telah pun mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah ini.

"Sebelum ini pihak polis turut mengambil tindakan membuat rondaan serta menegur kumpulan mahupun peminum arak.

"Saya bersama M Satees yang juga Ketua Pemuda DAP Parlimen Batu Kawan mengambil inisiatif mengeluarkan peruntukan bagi memasang lima papan tanda peringatan.

"Papan tanda amaran dan larangan meminum arak di kawasan awam turut dipasang sekitar Butterworth dan Perai," jelasnya lagi.

Tegas David, seandainya isu ini tidak ditangani dengan serius, ia akan menimbulkan masalah sosial yang lebih parah.

"Aktiviti ini sekiranya dibiarkan akan meruntuhkan akhlak generasi muda. Setakat ini papan tanda yang dipasang adalah sekitar kawasan perumahan di Taman Bagan, Taman Jawa dan Taman Ria di Butterworth.

"Manakala bagi kawasan Perai pula ia turut dipasang di Taman Supreme dan Taman Prai Utama," jelas beliau.

David akan meminta MPSP memasang lebih banyak papan tanda amaran bagi kawasan lain bertujuan menyedarkan masyarakat tentang kesan negatif aktiviti lepak dan meminum arak tanpa kawalan.

Titah Majlis Raja-raja disokong: Harmoni dalam pelbagai

KOTA KINABALU: Kebimbangan Majlis Raja-raja Melayu terhadap tindakan segelintir rakyat yang cuba menganggu gugat keharmonian kaum dan agama di negara ini mendapat sokongan Keadilan Sabah.

Timbalan Pengurus Keadilan Sabah Mustapha Sakmud dalam satu kenyataan melahirkan kegusaran dengan perkembangan yang berlaku di negara ini apabila Islam diperlihat sebagai agama yang menyulitkan dan bertentangan dengan pembinaan negara bangsa.

"Islam sepertutnya di lihat sebagai

agama pembawa rahmat seluruh alam atau 'Rahmatan Lil 'Alamin'

"Kami di Sabah yang terkenal dengan semangat toleransi kaum amat bimbang dengan fenomena ini dan berharap dengan teguran Majlis Raja-Raja ini tidak ada mana-mana pihak yang cuba membawa polisi dan isu yang sama ke Negeri di Bawah Bayu ini," tegas beliau.

Menurut ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) Keadilan itu, fenomena kepelbagaian di negara ini diungkap dengan penuh hikmah oleh Tan Sri Prof Dr Syed Muham-

mad Naquib al-Attas yang menganggap kepelbagaian sebagai 'satu keistimewaan dan kebesaran'.

Pandangan Dr Syed Naquib ini, ujarnya-diperkuuhkan dengan pesanan daripada pengurus Institut Darul Ehsan (IDE), Datuk Dr. Siddiq Fadhil bahawa pembinaan bangsa dalam konteks Malaysia harus bangsa dalam konteks Malaysia harus berdasarkan formula 'kepelbagaian dalam kesatuan'.

Beliau turut memetik pesanan Bapa Kemerdekaan Sabah Almarhum Tun Datu Mustapha

Datu Harun yang mahu melahirkan keturunan rakyat Malaysia yang tulen.

Sehubungan itu, Keadilan Sabah menyeru rakyat agar tidak terpengaruh dengan fenomena tidak sihat ini dan berusaha mencari titik persamaan dan menghormati perbezaan yang wujud.

"Sudah tiba masanya kita mengajak rakyat Malaysia belajar daripada budaya orang Sabah yang amat menjaga dan mempertahankan keharmonian bersama-sama dengan kepelbagaian yang ada," ujarnya.

Wanita gegar 'Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi'

Foto WAN ZAHARI SALLEH

PETALING JAYA: Di sebalik pikul Himpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi yang berlangsung di Padang Timur, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), 14 Okt lalu, muncul wajah-wajah wanita yang tidak mahu ketinggalan dalam kempen menyelamatkan negara daripada pemimpin kleptokrat.

Sama ada hadir bersama keluarga, berkumpulan mahupun bersendirian, wanita Malaysia kelihatan bersemangat hadir bersama ribuan warga prihatin.

Malah kemunculan pemimpin wanita Pakatan Harapan (PH) dan badan bukan kerajaan (NGO) di pentas utama turut menyemarakkan semangat hadirin.

"Negara kita tanggungjawab kita," teriak Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Pembuka ucapan Presiden Keadilan itu mendapat tepukan gemuruh peserta himpunan.

Beliau mempersoalkan kewajaran Perdana Menteri membeli pesawat Boeing baru-baru ini.

"Apa guna kuasa jika tidak amanah dan

bertanggungjawab," tegasnya.

Pengerusi Bersih 2.0 Maria Chin mengambil giliran berucap menggesa parti-parti gabungan PH supaya bersatu padu.

"Ini sangat penting sebab bersatu padu menunjukkan kerajaan menanti yang bersedia... Ada 3.8 juta pengundi yang belum mendaftar. Jangan boikot kempen pilihan raya," tegasnya.

Katanya, jika 13 juta rakyat keluar mengundi maka rakyat dapat melakukan perubahan secara besar-besaran.

Pengarah Eksekutif Pusat Membanteras Rasuah dan Kronisme (C4), Cynthia Gabriel memperkenalkan permainan Kleptopoly.

Menurut beliau, permainan ini menyampaikan mesej tentang skandal Scorpene yang berkaitan dengan korupsi pemimpin kerajaan sedia ada.

Ketua Angkatan Wanita AMANAH (Awan), Dr Siti Mariah Mahmud mengambil giliran bagi slot pimpinan Wanita Pakatan Harapan.

Ahli Parlimen Kota Raja itu berkata, kepimpinan negara pada masa ini adalah kleptokrat paling teruk di dunia ini.

"Jangan simpan dalam dada kita. Kita mesti turun bersemuka cerita apa yang berlaku di negara kita," gesanya.



Wanita daripada pelbagai peringkat usia hadir di Padang Timur MBPJ.



Menyaksikan persembahan kebudayaan di petang hari himpunan.



Ketua Wanita PH Zuraidah Kamaruddin bersama Naib Presiden PPBM Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Dr Mariah dan Rina Mohd Harun



Dr Wan Azizah sampai di lokasi himpunan.


Ya Allah! Kami berlindung daripada golongan kleptokrat

KEADAAN kemelesetan ekonomi yang dahsyat di negara ini akan membawa kepada malapetaka yang lebih dahsyat kalau pemerintahan kleptokrasi ini tidak ditamatkan. Malaysia kini telah disenaraikan dalam rangkaian negara-negara kleptokrasi dunia.

Mencuri dan menjarah khazanah negara untuk memperkuatkannya kedudukan elit pemerintah dan menekan rakyat jelata; merampas hak dan mengongkong minda-jiwa para warga semakin berleluasa. Para penjawat awam dan golongan korporat-swasta, mahasiswa dan rakyat marhaen dibelenggu ketakutan kuasa puaka politik yang mencekik.

Mahu atau tidak kita perlu memahami tentang golongan maling-pencuri ini dan berusaha keras menolak mereka. Kleptokrat di takrifkan oleh Kamus Bahasa Inggeris Oxford sebagai seorang pencuri yang mempunyai kuasa politik atau ahli politik perasau yang tamak. Kebanyakan pemimpin kleptokrat di dunia ini adalah golongan autokratik atau diktator dalam berbagai bentuk.

Pengarang *Why Nation Fails*, Daron Acemoglu dan James Robinson antara lain menyenaraikan tokoh-tokoh berikut; Mobutu Sese Seko (Congo/Zaire), Rafael Trujillo (Republik Dominican), Duvalier (Haiti), Anastasio Somoza Debayle (Nicaragua), Idi Amin (Uganda) dan Charles Taylor (Liberia), Ferdinand Marcos (Republik Filipina) dan Mohammad Soeharto (Republik Indonesia) sebagai pemimpin klep-



Mobutu Sese Seko... pemimpin kleptokrat Congo/Zaire

tokrat. (Mohamad Raimi Abd Rahim, 2017)

Bagi para penganalisis, pemerintah Malaysia kini adalah tergolong kleptokrat semasa yang menyambung senarai panjang kleptokrat Vladimir Putin, Ilham Aliyev (Azerbaijan), Teodoro Obiang (Equatorial Guinea) dan Nursultan Nazarbayev (Kazakhstan).

Dalam sejarah hidup para kleptokrat dunia, sama ada mereka mungkin kelihatan baik dengan penampilan tenang dan bersahaja, tetapi tindak tanduk mereka kadang-kadang ganas dan kejam. Sejarah juga membuktikan para kleptokrat dunia sanggup bersekongkol dan berkonspirasi dengan sesiapa sahaja demi kesinambungan kuasa mereka.

Perhatikan sejarah hidup Mobutu Sese

Seko misalnya, terlibat dengan pelbagai kecurangan dan kekejaman di negara yang di zaman kolonial digelar 'Balgian Congo'. Sejarah berdarah setelah Patrice Lumumba yang dianggap pemimpin nasional kiri yang hebat, paling vokal dan artikulatif dilantik menjadi Perdana Menteri Pertama Congo. Lumumba telah dijatuhi dan dibunuh di bawah mata kuasa Barat dan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) pada 1961.

Pemerintah-penjajah Belgia merancang 'Operasi Baracuda' untuk menangkap dan menghapuskan Lumumba. Patrice Lumumba dipecat dan ditangkap, tentera mengambil alih negara oleh Kolonel Joseph Desire Mobutu Sese Seko dan Joseph Kasavubu. Lumumba dibawa ke



**PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR**

hutan, diseksa dan dibunu oleh pasukan penembak di bawah perintah pegawai Belgia. Pemerintah Katanga yang bersekongkol tidak mahu menerima tanggung-jawab dan cuba menutupi keterlibatan mereka dengan Mobutu Sese Seko. Kubur Lumumba digali semula, mayatnya dikerat-kerat dan dimusnah dengan asid, dan dibakar kemudiannya. Congo (Zaire) kemudiannya diperintah oleh Joseph Desire Mobutu Sese Seko secara kuku besi selama 30 tahun, pemerintahan kleptokrat yang kejam di Afrika.

Demikianlah sifat para kleptokrat yang sanggup berbuat apa sahaja, menghapuskan sesiapa sahaja demi kelangsungan kuasa mereka. Kita perlu bekerjasama untuk memastikan rakyat benar-benar memahami tentang bahayanya golongan pemimpin penjarah ini. A'uzubillah, kita berlindung dari kezaliman para kleptokrat.

■ **Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH.**

Petanda negara Edan!

SAYA mula tahu makna perkataan 'edan' (gila atau biul) bila berceramah satu ketika dulu dengan kawan baik saya YB Ng Swee Lim (Adun DAP Sekinchan).

Bila saya baca laporan *Malaysiakini* yang polis dilaporkan akan siasat penganjur perhimpunan antikleptokrasi baru-baru ini... jelas negara ini, bagi saya, sudah menuju ke arah Negara Edan!

Sebenarnya benih edan dah mula berputik segar bila ada orang agama kata saman DOJ (Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat) itu campurtangan asing.

Kini nampaknya, benih edan itu sudah mula tumbuh menjadi pohon hijau yang rimbun. Mana tidaknya. Sepatutnya polis sibuk siasat orang yang rompak duit rakyat, bukan sibuk nak "quiz" pihak yang sayang negara - yang marah dan anti orang yang ketagih rompak atau lanun duit rakyat!

Yang lebih lucu lagi "first class edan" bila dilaporkan siasatan akan dijalankan dengan mendalam dan rapi (a thorough investigation). Ehem... Kes perhimpunan paling simple (mudah) tuan IGP... yang perlu disiasat 'thorough' adalah kes 1MDB tuan IGP!

Menarik tapi tak logik

Apabila dikhaskan ada pimpinan parti suci (Pas) di Kelantan yang dilaporkan buat kenyataan minta RUU 355 (Rang Undang-Undang Akta 355) dibahas dalam sidang Parlimen akan datang (insya Allah bermula pada 23 Okt 2017), saya lalu berusaha untuk dapatkan dan baca kenyataan itu. Alhamdulillah saya dapat membacanya.

Ya, betul memang wujud perkhabaran itu. Yang bagusnya pimpinan parti suci yang berkata itu (kami kawan baik dulu) kata kena bahas, lepas tu MP (ahli parlimen) Islam mesti sokong!

Maaf, nak komen sikit sahabat...

Dengan kenyataan saudara itu, jelaslah yang dulu (RUU 355 pada sesi lalu) tidak dibahas selepas dibentang (ahli parlimen Marang) tidak betullah. Jadi betul jugalah bila ramai MP PH (Pakatan Harapan) yang bangun bantah kenapa tidak bahas walau-pun waktu masih awal... baru pukul 4.00 petang lebih.

Dan jelas jugalah yang dulu itu sekadar dibenarkan YB Marang bentang dan YB Kota Bharu sokong lepas itu tidak dibahas... adalah ala-ala "sandiwara"... at

least (paling kurang) itulah persepsi. Sekarang parti suci mula rasa bahang kritikan kerana (RUU 355) tidak dibahas dan mula buat u-turn (pusingan-U).

Saudara juga dilaporkan kata RUU itu kena dibahas. Yang itu saya setuju tetapi bila saudara juga kata MP Islam mesti menyokong RUU 355, maaf nampak pelik dan ajaib. Kenapa?

Apa guna (RUU 355 itu) dibuka untuk dibahas selepas itu mesti disokong? Apa guna dan fungsi perbahasan (jika akhirnya perlu disokong juga)? Takkan saudara nak lebarkan wilayah wala' (kesetiaan) ke Parlimen pula?

Ya, boleh terima jika ahli parlimen Islam kena sokong undang-undang Islam yang berstatus wahyu seperti hukum hudud atau qisas contohnya. Tapi, adakah RUU 355 itu hudud atau qisas atau ia sekadar 'procedural law', hasil buah tangan manusia yang juga tidak sunyi daripada sebarang cacat cela!

Jika andai katalah selepas berbahas, jelas ada dan mungkin banyak cacat celanya (RUU 355) sebagai contoh, wajarkah mesti kena sokong juga? Di



MOHAMED HANIPA MAIDIN

sinilah nampaknya kenyataan saudara nampak "very very illogical" (sungguh tidak logik)! Janganlah samakan status perbahasan Parlimen macam dalam muktamar Pas.

Hatta jika saudara lupa, sungguhpun yang bahas usul dalam muktamar parti suci minta hapuskan Akta Hasutan dan kemudian diterima usul itu, tapi kini pemimpin parti saudara sendiri minta akta cel*ka itu untuk digunakan ke atas Tun Mahathir? Tak pulak dengar kenyataan mesti patuh keputusan muktamar.

■ **Penulis ialah Pengurus Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH.**

Felda offered price above market value to buy Grand Plaza SA

IN the last two press conferences, I had proven Felda had overpaid for the Grand Plaza Kensington Hotel, the estimated over payment was approximately £15 million (around RM90 million);

There are documentary evidence (in the form of title to the properties) that Felda does not own Grand Plaza Kensington Hotel, or Felda House despite paying RM1 billion for them;

The title to each property was registered in the name of British Virgin Island's (BVI's) registered companies. While the names bear exact resemblance to Felda's subsidiaries disclosed in Felda's consolidated financial statements for 2015, they are different entities because Felda's subsidiaries were disclosed as UK-incorporated entities.

At the time of this press conference, there has not been a single statement from Tan Sri Shahrir Samad, Chairman of Felda to refute these facts supported by documentary evidence.

Now, I will prove how Felda had overpaid approximately RM180 million (around £30 million) when its wholly owned subsidiary FIC UK Properties Sdn Bhd bought 194 units of serviced apartments in Bayswater, London known as Grand Plaza Serviced Apartments (Grand Plaza SA).

This is an important discovery given that this was never highlighted nor investigated before. In fact, Malaysian Reserve on 21 July 2017 quoted Tan Sri Shahrir's confirmation that Grand Plaza SA was not under SPRM probe when he confirmed Felda's plan to dispose the investment property.

Felda Paid £95.65 Million When Indicative Market Value Was £56 Million

It is very straight forward to find out the transacted value when Felda (through FIC UK Properties Sdn Bhd) acquired the properties in 2013. A check with HM Land Registry for a

fee of £3 allowed anyone to obtain a copy of the title to the properties, which I enclosed herewith:

More importantly, the title (in Part B: Proprietorship Register) gives details of parties involved in the transaction and the value transacted.

Felda paid £95.65 million (the RM equivalent was RM538 million as widely reported at the time of acquisition) to Larmway Properties Limited, which was the previous owner of Grand Plaza Serviced Apartments.

Please find attached the consolidated financial statements for Larmway Properties Limited for the financial year ended 28 February 2014, which was the final year the company prepares an account as it ceased to operate after it had disposed Grand Plaza SA and the relevant business to Felda.

In particular, I focus on pages 2, 5 (profit and loss) and 13 (notes on fixed assets).

Page 2: Group Strategic Report confirms that Larmway Properties sold its investment property (Grand Plaza SA) and trade during the year.

The consolidated profit and loss account recorded a profit on the sale of tangible assets of £30,388,392 (approximately RM182 million).

Note 10 on "tangible fixed assets": Grand Plaza SA would have been included as the freehold property. The cost for Grand Plaza SA at the time of the sale to Felda was £54 million.

Since Felda bought the whole business from Larmway, the price paid included other type of assets including fixtures and fitting, computer equipment, plant and machinery and short leasehold. The undepreciated cost of these assets, according to Larmway's last financial statements was £56.8 million.

Grand Plaza SA was an investment property and was subject to accounting treatment

under SSAP 19 (Statements on Standard Accounting Practice 19) for investment properties in accordance to UK's Financial Reporting Council's ruling.

Before 2015, any investment properties (in this case Grand Plaza SA) was required to be included at their open market value. If the market value increased, the properties would have to be revalued to reflect the market value and the increase in market value would have been put through a revaluation reserve in the balance sheet. Likewise, if there is a drop in market value, Grand Plaza SA's value in the financial statements would have been revised downwards.

Therefore, the undepreciated cost of all other assets and the market value of the freehold property as disclosed in Note 10; at £56 million would have already been a higher than market value of Grand Plaza SA.

Unfortunately, either it was a sheer incompetence on the part of Felda's management then to pay £95.65 million for the properties; or there was certainly fraudulent elements involved when Felda ended up paying around 70% above market value in 2013.

Unlikely To Make Profits, Where Is SPRM?

Given that Felda overpaid the properties by around 70% in 2014 and the prevailing gloomy property market in the UK especially in London post-Brexit (see below), it is unlikely that Felda will ever recover the £96 million (or RM538 million it paid in 2014).

This was supported further by Bloomberg's analysis published last week that properties in London are now widely seen as overvalued.

To make matters worse, I had also demonstrated how Felda's questionable management of the properties had resulted in register continuous losses since taking over the operation of Grand Plaza SA (see <http://rafizramli.com/2017/10/felda-bila-beli/>



OPINION
RAFIZI RAMLI

ferrari-pakai-duit-rakyat-rakyat-yang-rugi/).

In spite of all these damning documentary evidence, while I am not at all surprised that Tan Sri Shahrir continues to repeat that Felda's proposed sale of Grand Plaza SA is akin to selling a "Ferrari" it does not need (and not due to its worsening financial problem), I am flabbergasted that SPRM did not investigate Felda's acquisition of this property (if Tan Sri Shahrir's statement in July that Grand Plaza SA's acquisition was not under investigation was to be taken at face value).

After all, all that anyone has to do is to Google and you will have the information readily available as there is already a case filed in the British High Court because the seller was accused of cancelling a commitment to sell a party when Felda offered the £98 million price.

This was first reported in Daily Mail on 28 Jun 2017 around the time SPRM would have been preparing before it raided FIC a few weeks later to investigate Felda's properties acquisition in the UK.

At best, Felda overpaid the property for £18 million or RM108 million. At worst, Felda overpaid £30 million or RM180 million.

Either way, Malaysia under the leadership of Datuk Seri Najib is about to be the focus of media frenzy once again when court trials in the UK begins. The world will be aghast at how Felda lavishly offered exorbitant price above market value to buy Grand Plaza SA, in the same way 1MDB has made us infamous so far.

Rafizi Ramli is MP for Pandan and Keadilan Vice President.

GST contributed nothing but increased cost of living

By BRYAN LEW

IF our Prime Minister Najib Razak is really keen to address the cost of living and affordable housing issues, then he must announce the abolition of the Goods & Services Tax (GST) with immediate effect in this upcoming Budget 2018 on Oct 27.

GST has contributed nothing but increased cost of living since its implementation in 2015 making our fellow Malaysians suffocating from it day after day with price hike on foods, lodging, petrol, medications, and other daily consumptions.

None of the promises has been realized by the BN Government especially on bringing down the prices and how can one believe that Prime Minister Najib can fix this issue in the upcoming Budget 2018 except delivering a popu-

list budget in order to win the election but forgo the whole country's economy wellbeing, Malaysia's currency, and the people's future.

More and more plight from the people has surfaced including the civil servants are crying for help including raising the minimum wages and overdue bonus since 2013. The current minimum wages at RM900 is way too low to cover the cost of living and unparalleled with the current inflation rates.

Is affordable housing really that affordable? Bear in mind, the property developer for residential property are not allowed to claim back any GST expenses incurred by purchasing building materials for building residential projects as it is categorized as exempted items in GST. It will in turn becomes a cost to the property developers and the price of the residential property is expected to shoot up.

Look at the average house price in Kuala Lumpur priced at RM580,000 when the housing cost burden is only at RM385,000, only affordable by average monthly income of RM7,620. Any individual earns lesser than that figure can only wait and dream.

I agree in promoting technology advancement such as improving internet connectivity and developing the digital economy and grooming young e-usahawan, however it will definitely discourage the eSMEs if in the end, they too will be burdened by GST after the amendments are made which will be tabled at the Dewan Rakyat sitting this month.

SMEs are not doing so well already as some of them already closed down since the implementation of GST in 2015. With the recent Joint Audit Programme inked by both Tax bodies – Inland Revenue Board and Royal Malaysian Customs –

SMEs are once again facing uncertainties whether how much will they be penalized now.

GST is just implemented merely two years ago, and is definitely unfair to penalize the businesses. Penalty or compound is not an income to them but a failure caused by them for not properly guide the SMEs.

GST may be good source of income to the government but if it is at the expense of the people of Malaysia, then I will definitely and 100% condemn it for it does not bring any positive development to the country and only brings sufferings to the people day after day.

Bryan Lew is National Secretary of DAP Socialist Youth & DAP Socialist Youth Chief for Federal Territory.

Bila suci kedai dobi diheboh, najis rasuah tidak dipeduli

SAYA terkejut bila membaca tulisan Tun Abdul Hamid Mohamad, bekas Ketua Hakim Negara dalam isu Dobi atau Laundret untuk Islam sahaja. Beliau seolah-olah tidak memahami isu yang sedang dibahas dan didebatkan.

Tun Hamid berhujah dari sudut undang-undang sedia Ada, mempersoalkan sama Ada ianya beranggapan dengan mana-mana undang-undang negara. Beliau meminta mana-mana pihak yang beranggapan ianya salah dari sudut undang-undang, untuk mengemukakan undang-undang yang melarang perbuatan tersebut.

Untuk memperjelaskan fahamannya, Tun Hamid menyatakan bahawa undang-undang anti-diskriminasi hanya terpakai terhadap kerajaan dan bukan individu. Sedangkan pengusaha dobi atau laundret adalah individu. Dalam erti kata lain, beliau beranggapan bahawa undang-undang sedia ada memberikan pengalaman diskriminasi oleh mana-mana pengusaha dan peniaga atas sebab mereka adalah individu dan berhak menentukan strategi pemasaran untuk melaraskan barang atau perkhidmatan mereka termasuk melalui pendekatan diskriminasi.

Cara penghujahan itu, seolah-olah beliau berpandangan bahawa amalan dan fahaman bersifat diskriminasi oleh individu patut dibenarkan dan diberi ruang. Malahan dalam kes laundret, kononnya ada sebab dan hujahnya.

ISU SEBENAR

Sebenarnya inilah isunya. Adakah benar bahawa amalan diskriminasi ini, dalam persoalan pembasuhan pakaian di dobi atau laundret, adalah tuntutan Islam? Adakah benar Islam menuntut supaya pakaian bukan Islam diasangkan kerana dianggap kotor dan najis dan oleh itu tidak boleh dibasuh di kedai yang sama? Dan sambil itu, pakaian orang Islam semuanya adalah terjamin bersih tanpa najis dan oleh itu boleh diterima oleh dobi berkenaan? Atau adakah ini semua penjelmaan sikap rasis dan fasis yang bertopengkan Islam?

Hakikatnya, Islam memberikan bermualamat dengan yang bukan Islam tanpa sikap prejudis dan rasis, apatah lagi fasis, yang seperti mana ingin dianjurkan sebahagian kecil umat Islam. Golongan ini golongan ekstremis atau 'ghuluw' dan ingin "lebih Islam daripada Islam". Apa yang dibenarkan Islam ingin diharamkan

The signboard placed at the entrance to the launderette. - Picture from Facebook

Muar launderette adopts Muslims-only policy

nazir.razak nazir.razak This is very troubling. We have to curb such extremism if we are to build a peaceful & progressive multicultural Malaysia. This must be a misinterpretation of Islamic teaching.
Load more comments

fathi.ridzuan @surayaabdusamad It is the sad state of Muslims in the country. We have become more intolerant and many have become more extreme in their views. The Prophet (PBUH) even allowed non-Muslims to live in Mecca during his time, until they were driven out by the Wahabis.

kelvotan Soon non-Muslims have to wear a sign on their clothes when they go out.. troubling signs indeed

vaneegnsh After the drinking glasses segregation issue, now this. Tahniah Malavia. After independence, we have

1,087 likes 15 hours ago Add a comment...

Isu dobi hanya untuk muslim dibahas hangat sehingga mendapat perhatian istana.

Islam tidak sesempit seperti apa yang dianggap mereka dan tidak juga menyulitkan. Biarlah menghukum berdasarkan yang zahir. Oleh itu selagi mana ianya tidak jelas kelihatan, maka lakukan seperti mana biasa untuk semua, muslim atau non-muslim."

atas dasar semangat tanpa ilmu dan apa yang dianjurkan Islam ingin mereka lakukan secara lebih-lebih dari apa yang sebenarnya dituntut.

SIKAP MELAMPAU DAN AMALAN NABI S.A.W.

Ini bukan sesuatu yang menghairankan. Pada zaman Nabi s.a.w. sendiri telah wujud orang yang begitu ghairah sehingga mengatakan, "Aku akan berpuasa sepanjang masa," "Aku tidak akan berkahwin" dan "Aku akan bersembahyang sepanjang malam tanpa tidur". Apabila mendengar kata-kata mereka ini maka Nabi s.a.w. menjawab, "Aku puasa dan aku berbuka; aku berkahwin dan aku sembahyang dan aku tidur".

Sikap melampaui sebegini datang dari keinginan yang sama seperti yang diceritakan di atas. Hendak melakukan lebih dari apa yang dituntut. Ia semestinya dihalang dari berkembang. Ia memberi gambaran yang songsang terhadap Islam. Dalam kisah di atas sehingga menyalimi diri. Dalam kes dobi dan laundret, seolah-olah Islam inginkan diskriminasi dan pengasingan. Sedangkan pendekatan Islam adalah pro-engagement atau sentiasa mencari ruang perdamaian

dan kesepakatan selagi mana tidak melanggar syariat.

Sebagai contoh, dalam sejarah Islam perkahwinan antara lelaki muslim dan wanita ahlul kitab yang bukan Islam telah dibenarkan. Nabi s.a.w. sendiri telah berkahwin dengan Safiyah, seorang wanita Yahudi dan kemudiannya Mariam, seorang wanita Kristian Koptik. Bagaimana perkahwinan sebegini boleh direstui Islam kalau Islam mengajar umatnya untuk memandang hina terhadap manusia bukan Islam dan melayani mereka sebagai manusia 'berulumuran najis'?

Walaupun amalan tersebut, iaitu mengahwini wanita ahlul kitab, tidak biasa dan kontroversi bagi Melayu Islam, namun adakah sesiapa yang sanggup menafikan sejarah? Atau lebih hebat lagi, mempertikaikan kefahaman Islam Rasulullah s.a.w.?

DOBI DAN LAUNDRET MEMANG UNTUK MEMBERSIHAKAN

Bagi yang menganggap bahawa baju-baju bukan Islam kotor dan najis, atas sebab ada kemungkinan mengandungi air kencing dan sebagainya, tidakkah itu tujuan di

sebalik ianya dicuci? Adakah dianggap bahawa penyucian dobi dan laundret tidak cukup menyucikan? Sekiranya begitu mengapa dihantar ke dobi dan laundret?

Kalau mengikut beberapa ustaz lain, hukum najis ini juga terpakai terhadap orang Islam yang tidak 'berdehem' selepas membuang air kecil. Maka adakah dobi dan laundret juga perlu menentukan bahawa mereka hanya membasuh pakaian umat Islam yang 'berdehem'? Adakah perlu diadakan wawancara dengan bukti rakaman video setiap pelanggan terlebih dahulu?

Islam tidak sesempit seperti apa yang dianggap mereka dan tidak juga menyulitkan. Biarlah menghukum berdasarkan yang zahir. Oleh itu selagi mana ianya tidak jelas kelihatan, maka lakukan seperti mana biasa untuk semua, muslim atau non-muslim.

BAHAYA BUDAYA DISKRIMINASI

Amalan berdiskriminasi " demi kepentingan perniagaan" adalah sesuatu yang tidak wajar dibenarkan berkembang. Ianya sesuatu yang tidak sihat dan akan menghasilkan suasana yang tidak harmonis di dalam masyarakat. Dan walaupun ianya dilakukan atas nama Islam, ia tiada kena-mengena dengan tuntutan agama Islam.

Seorang mudir Maahad Tahfiz baru-baru ini berfatwa haram pergi ke kedai gunting rambut bukan Islam. Namun dalam video yang sama mengaku bahawa tiada dalil untuk mengharamkannya. Maka ini merupakan hujah jelas bahawa ianya difatwakan atas perkiraan selain agama! Kata-katanya tanpa disedari mendedahkan sikap prejudisnya yang ingin dijualnya atas nama agama. Ini yang merosakkan imej Islam.

Tun Hamid ada membawa contoh penyewaan rumah. Dalam soal penyewaan rumah sememangnya syarat-syarat boleh dinyatakan sebelum rumah itu disewakan. Bukan semua bukan Islam membela anjing. Begitu juga bukan semua penyewa perlu menyediakan peti ais. Pendekatan berbincang dan meletakkan syarat pada yang ingin menyewa jauh lebih baik dan harmonis berbanding meletakkan papan tanda "Untuk orang Islam sahaja".

LAUT BUDI TEPIAN AKAL

KHALID SAMAD



SALING MENGHORMATI SENSITIVITI

Di penghujung tulisannya Tun Hamid menyebut, "Jangan terlalu sensitif terhadap perasaan orang bukan Islam sehingga orang bukan Islam tidak perlu sensitif terhadap perasaan orang Islam. Ini tanggung jawab bersama".

Saya setuju sepenuhnya dengan kenyataan ini. Sememangnya kita wajib saling sensitif terhadap pantang larang dan perasaan masing-masing. Tetapi adalah diharap bahawa "sensitiviti orang Islam" yang sering diungkap sebagai hujah adalah berasaskan ilmu dan bukan prejudis mahupun perasaan rasis/fasis. Tidak perlu sensitif terhadap sesuatu yang tidak dilihat sensitif oleh agama Islam itu sendiri. Tidak perlu 'lebih Islam daripada Islam'. Seperti mana juga tidak perlu diselidik ke tahap yang tidak dituntut agama. Dan umat Islam perlu juga menerima dengan hati terbuka jalan keluar yang telah disediakan agama. Jalan keluar atau 'rukhsah' itu adalah juga sebahagian dari ajaran Islam.

Yang lebih penting bagi saya adalah soal imej Islam yang perlu ditonjolkan sebagai agama rahmat dan persefahaman, bukan agama diskriminasi dan prejudis serta kebencian. Dunia sering mengamalkan prejudis terhadap Islam. Tidak perlu kita mencontoh dan membantu mereka dengan menunjukkan sikap prejudis terhadap mereka.

Yang peliknya persoalan rasuah dan kleptokrasi atau rompakan harta negara oleh pemerintah langsung tak dihiraukan golongan ini. Ini menimbulkan persepsi bahawa golongan pelampau ini dibiayai kleptokrat untuk mengalihkan pandangan masyarakat dari masalah sebenar negara. Adakah wajar kesucian dihebohkan di peringkat dobi sambil najis rasuah langsung tidak diambil tahu?

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH.



Mesyuarat Pakatan Harapan Bachok memperkuatkan kerjasama yang sedia terjalin.

AMANAH bersama PH mampu terajui perubahan di Bachok

BACHOK: Arus perubahan yang dirasai masyarakat Kelantan tidak terkecuali di kawasan parlimen Bachok.

Kemunculan Parti Amanah Negara (AMANAH) hanyalah menjadi pelengkap kepada keperluan rakyat yang mahukan satu bentuk pentadbiran baru menjadi realiti.

Aktivis AMANAH Dun Jelawat, Muhammad Abdullah yang ditemui dalam satu sesi temubual baru-baru ini yakin Bachok bakal menjadi tapak subur untuk perubahan politik.

"Saya sendiri selama bekehimpung dalam parti lama tidak pernah terfikir untuk berada dalam sebuah parti seperti sekarang.

"Segalanya berpunca sikap ego dan hilang matlamat asal para pemimpin yang kemudian menjadikan parti dan perjuangan rakyat sebagai batu loncatan untuk kepentingan peribadi," katanya.

Bachok menurut beliau, kawasan paling terkesan akibat kesukaran zaman GST dan kejatuhan nilai ringgit sekarang.

"Selepas kejatuhan industri tembakau di mana penanamannya di sini dihentikan sejak sepuluh tahun lalu, penduduk seperti hilang mata pencarian."

"Pihak kerajaan negeri dan pusat hampir tidak peduli langsung untuk membuka industri alternatif yang boleh membantu rakyat."

"Percubaan menperkenalkan kenaf hanya seperti sandiwara untuk satu eksperimen gajah putih yang langsung tidak mampu membantu penduduk mendapat sumber pendapatan baru," katanya.

Situasi sukar seperti ini, katanya membolehkan orang ramai menilai pemimpin-pemimpin pilihan mereka dalam membantu meringankan beban rakyat.

"Semua tahu kekalutan dan kesukaran sekarang adalah angkara kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Najib Razak."

"Dengan pengenalan GST, kegagalan



mengandalikan kestabilan harga minyak dan kini telah bertukar menjadi pemerintah kleptokrat, rakyat terkapa-kapai.

"Pemimpin tempatan BN memang sudah lama tidak mampu bersama rakyat mencari penyelesaian," kesal beliau.

Katanya, sebahagian besar pemimpin Umno seperti Datuk Dr. Awang Adek atau Datuk Mustapa Mohamad tinggal di Kuala Lumpur dan menjenguk rakyat sekali sekala umpama datang melawat zoo.

Lebih menyedihkan, katanya para pemimpin Pas dilihat amat kaku dalam mencari penyelesaian untuk rakyat.

"Mereka ini kerjanya siang malam hanya asyik menghukum orang. Orang itu kafir, orang ini munafik, pengkhianat, perosak Islam, penyokong arak, penyokong LGBT dan entah apa lagi."

"Akhir sekali semua orang mereka jadikan musuh dan nak lawan. Cuma dengan Umno sekali sekala nampak macam berpeluk cium," katanya.

Rakyat Bachok, ujar Muhammad memang menunggu-nunggu alternatif kepada dua parti yang dianggap sudah lapuk ini.

"Kedatangan AMANAH memang jelas disambut mesra penduduk apabila program pertama ketika perasmian pejabat kawasan diadakan."



Aktivis AMANAH menyantuni keluhan orang ramai di Jelawat.



Pengerusi AMANAH Kelantan Datuk Wan Abdul Rahim Abdullah menziarahi imam Khalid, dalam satu program ziarah anjuran AMANAH Bachok.

"Ceramah itu diajukan ketika AMANAH belum dikenali ramai dan banyak yang terkejut kerana kehadiran begitu."

"Semua yang hadir beritahu inilah ceramah yang paling ramai hadir sejak AMANAH beroperasi di Kelantan," katanya.

Seorang aktivis Pemuda AMANAH Bachok, Rosli Muhammad, 39, yang ditemui berkata perkembangan terkini semakin memihak kepada pasukan baru apabila parti-parti dalam Pakatan Harapan (PH) mengukuhkan kesepaduan.

"Meskipun Keadilan asalnya parti serpihan Umno ia agak sukar berkembang kerana generasi baru ramai yang kurang pengetahuan tentang mengapa parti ini bermula.

"Dengan kemunculan PPBM, sambutan anak muda terhadap parti ini di kalangan bekas Umno begitu nyata.

"Pergerakan kita yang telah dimulakan dengan AMANAH jelas ringan dengan sambutan hangat golongan baru apabila PPBM ditubuhkan," katanya.

Apa yang menarik katanya, PH Bachok kini jelas ditarisi para pemimpin berkualiti dan disegani rakyat.

"AMANAH sendiri diketuai anak kepada lagenda wakil rakyat Bachok, Almarhum Datuk Haji Omar Muhammad iaitu Khairuddin Omar.

"Kini PPBM menampilkan bekas pimpinan yang berjuang menubuhkan kerajaan bersama arwah Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat iaitu Haji Zulkifli Zakaria," katanya.

Menurut beliau, dua tokoh ini sudah cukup memberi latar belakang akar umbi dalam kawasan parliment Bachok.

"Khairuddin adalah anak arwah Datuk Omar yang paling rapat dengannya dalam bersama merasai perkembangan rakyat.

"Malah beliaulah wakil peribadi arwah ketika beliau semakin uzur sehingga bagi rakyat Bachok Khairuddin dan Datuk Omar seperti orang yang sama.

"Beginu juga dengan Haji Zulkifli, meskipun beliau banyak berada di luar Kelantan, namun hubungannya dengan rakyat Bachok tidak pernah putus terutama bagi rakyat Dun Jelawat di mana beliau pernah menjadi calon pilihan raya di situ," katanya.

Lebih menarik kata Rosli, beberapa



Khairuddin Omar



Ismail Ghani

tokoh baru kini merancakkan lagi perbincangan tentang keupayaan besar untuk PH menguasai Bachok.

"Bekas Ketua Jawuan Bachok, Tuan Haji Ismail Ghani kini diamanahkan sebagai Timbalan Ketua AMANAH Bachok.

"Dengan pengalamannya menjadi DO di sini lebih 10 tahun tentulah mampu memberi suntikan istimewa kepada jentera AMANAH dan PH," katanya.

Ini katanya, belum dikira tokoh-tokoh yang sudah lama bersama AMANAH dan banyak menggerakkan parti di peringkat akar umbi.

"Mudir pondok Kuin Pasir, Jelawat mis-



Dr Zayadi Awang Noh antara tokoh paling sesuai untuk diangkat menjadi wakil rakyat di parliment Bachok

alnya, seorang pemimpin bertaraf ulama yang tidak boleh dipertikaikan sesiapa untuk ditonjolkan.

"Tokoh usahawan yang rapat dengan beliau, Datuk Ridhuan Abdullah juga sentiasa bersama menggerakkan parti khususnya di Dun Jelawat.

"Di Tawang pula kita ada Mohd Azman Mohd Noor, seorang ustaz muda yang cukup kuat bekerja untuk mengembangkan AMANAH sekarang," katanya.

Menurutnya, umum mengetahui Ustaz Mohd Azman membantu mana-mana kelompongan dari segi kebajikan yang terlepas pandang oleh wakil rakyat Pas sebelum ini.

Apa pun kata Rosli, yang ditunggu-tunggu masyarakat Bachok ialah tokoh lama yang kini disebut-sebut semakin cergas dalam PH iaitu Dr Zayadi Awang

JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN BACHOK SESI 2016 - 2018

KETUA : **KHAIRODDIN OMAR**

TIMBALAN KETUA : **ISMAL GHANI**

NAIB KETUA : **HANAPI HASSAN**

SETIAUSAHA : **ZAHARI SIDEK**

BENDAHARI : **MOHD NAZRI ABDULLAH**

PENGARAH KOMUNIKASI : **AHMAD FIKRI NIZAMUDDIN**

PENGARAH PILIHAN RAYA : **ROSLAN ABDULLAH**

KETUA PEMUDA : **SHAHIDUL AMRI KHAIRODDIN**

KETUA WANITA : **FAUZILAWATI ABDUL LATIFF**

Ahli Jawatankuasa

- MOHD YUSOFF DERIS
- ROSLI MOHAMED
- MOHD AQILI RAMLI
- MOHD DZUL AMIN ABDULLAH
- SAILI ISMAIL
- MOHD KAMARULZAMAN MOHAMAD
- MOHD AZMI MAT HUSIN



Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub sedang berceramah di pekan Jelawat, Bachok, Kelantan.

Noh.

"Ramai yang menyebut beliau antara tokoh paling sesuai untuk bertanding di kerusi parliment.

"Beliau mempunyai personaliti menarik dan seorang intelektual yang setaraf dengan Awang Adek Hussein.

"Kelebihan yang ada kepada Zayadi beliau tidak pernah tercalar di Bachok

kerana belum pernah menjadi wakil rakyat. Modal atau aset lain beliau mempunyai keluarga besar," jelas Rosli.

Ayah Dr Zayadi iaitu Tok Guru Haji Awang Noh dikenali penduduk Bachok dan pada zaman gemilangnya ialah ulama yang disegani dan menjadi pakar rujuk istana.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:
01132334322 (EN HAKIM)



3 Hanya Umno yang mahu
Kit Siang jadi PM

13 Walaupun pecah lima, Melayu
terajui politik negara

23 Pengundi Sik terbiar
selepas pilih BN

Warga asing huni
kuarters guru
di Klian Intan
ms23

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 72 | 15 - 21 OKTOBER 2017


WAKTU SOLAT							
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAHKU DENGANNYA.							
TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22.10.2017	5:31	5:41	6:56	13:01	16:18	19:00	20:10
23.10.2017	5:31	5:41	6:56	13:00	16:19	19:00	20:10
24.10.2017	5:31	5:41	6:56	13:00	16:19	18:59	20:10
25.10.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:19	18:59	20:10
26.10.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:19	18:59	20:09
27.10.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:19	18:59	20:09
28.10.2017	5:30	5:40	6:56	13:00	16:19	18:59	20:09

Kajian di kalangan orang Cina mendapati, mereka mahu:

TUKAR KERAJAAN, TOLAK NAJIB

Apa yang anda
mahu lihat
dalam PRU 14

85.15%
Tukar
Kerajaan



6.4%
Kekal
status quo
4.09%
BN menang
2/3 majoriti
5.29%
Tiada pandangan

Strategi 'hidup mati' AMANAH

PRESIDEN AMANAH, Mohamad Sabu dijangka menyampaikan strategi parti itu berdepan dengan pilihan raya umum ke 14 ketika menyampaikan pidatonya sempena Konvensyen AMANAH Nasional Sabtu dan Ahad ini.

Konvensyen Nasional 2017 AMANAH akan diadakan di Alor Setar, Kedah pada 21 dan 22 Oktober ini bakal menentukan hala tuju parti itu khususnya berdepan PRU yang akan diadakan bila-bila masa

Laporan penuh muka 9

PENGUNDI Cina di negara ini membuat dua keputusan penting dalam kajian yang dibuat oleh akhbar Cina Oriental Daily, menolak Datuk Seri Najib Razak dan mahukan pertukaran kerajaan dalam pilihan raya umum akan datang.

Najib hanya mendapat sokongan 3.8%, manakala timbalannya Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi lagi tidak popular apabila mendapat hanya 0.74% sokongan.

Pengundi Cina lebih berminat dengan Datuk Seri Hishamudin Husein (19.69%) dan Khairy Jamaludin (12.15%) manakala 63.61% dari mereka tidak mahu langsung ke empat-empat nama di atas.

Yang lebih menarik lagi, 84.15% peserta kajian ini memilih untuk menukar kerajaan yang ada dan hanya 6.47% yang mahu mengekalkan mereka.

Di kalangan pemimpin Pakatan Harapan (PH) pula, Datuk Seri Anwar Ibrahim tetap paling popular di kalangan mereka iaitu 38.98% manakala Lim Guan Eng di tempat kedua iaitu mendapat 19.74%.

Tun Dr Mahathir Mohamad mendapat 8.75%, Datuk Seri Dr Wan Azizah (6.26%) manakala Tan Sri Muhyidin Yassin hanya 1.50%.

EZKEMBARA
NO. KX/LN : 6514

TAWARAN ISTIMEWA & 2017

PROMOSI

30 NOV - 9 DIS 2017

TURKI

- 07 - 16 FEB 2018 | NOVEMBER | BERMULA RM4,199 ALL-IN
- 13 - 22 APRIL 2018 | SPRING | BERMULA RM3,899 ALL-IN
- 21 - 30 JUN 2018 | SUMMER | BERMULA RM4,100 ALL-IN
- OCTOBER | TURKI AUTUMN | BERMULA RM4,100 ALL-IN

30 NOV - 9 DIS 2017	TURKI	BERMULA RM4,199 ALL-IN
07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER	TURKI WINTER	BERMULA RM4,100 ALL-IN
13 - 22 APRIL 2018 SPRING	TURKI SPRING	BERMULA RM3,899 ALL-IN
21 - 30 JUN 2018 SUMMER	TURKI SUMMER	BERMULA RM4,100 ALL-IN
OCTOBER TURKI AUTUMN	TURKI AUTUMN	BERMULA RM4,100 ALL-IN

09 - 13 NOV 2017	SEOUL	BERMULA RM3,150 ALL-IN
13 - 22 APRIL 2018 SPRING	SEOUL SPRING	BERMULA RM3,150 ALL-IN
01 - 05 FEB 2018 08 - 12 FEB 2018 01 - 05 MAC 2018	SEOUL WINTER	BERMULA RM2,990 ALL-IN
01 - 05 FEB 2018 08 - 12 FEB 2018 01 - 05 MAC 2018	SEOUL SPRING	BERMULA RM3,150 ALL-IN
01 - 05 FEB 2018 08 - 12 FEB 2018 01 - 05 MAC 2018	SEOUL WINTER	BERMULA RM2,990 ALL-IN

PELBAGAI DESTINASI MENARIK!

PAKEJ UMRAH

TARIKH	HARGA(RM) DEWASA	HARGA(RM) KANAK ²	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
MAR 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		
TARIKH	HARGA(RM) DEWASA	HARGA(RM) KANAK ²	HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
DISEMBER 18 - 29 DIS 2017	6,790	6,490		
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

HUBUNGI +603 - 6184 1542